

## PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

---

**Bil. 24**

**Rabu**

**14 Julai 2004**

---

### K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004	(Halaman 27)
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No.2) 2003	(Halaman 27)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 141)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Pengangguran Siswazah – Penawaran Yang Tidak Menepati Keperluan Knowledge-Base Economy - <i>Y. B. Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]</i>	(Halaman 142)
Isu-isu Berkaitan Sekolah Tamil - <i>Y. B. Tuan M. Kula Segaran [Bagan]</i>	(Halaman 148)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 14 Julai 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengenai program pembangunan RISDA, khususnya mengenai daya pengeluaran sektor pekebun kecil.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha RISDA meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil khususnya pekebun kecil getah, program utama yang dilaksanakan adalah Program Tanam Semula Getah, Program Aktiviti Ekonomi Tambahan, Program Khidmat Pengembangan dan Pembangunan Manusia dan Program Prasarana. Program tanam semula menjadi teras kepada usaha pembangunan pekebun kecil. Melalui program ini bantuan kebun tanam semula dengan getah dimestikan menggunakan benih bermutu, *timber latex clone* yang disyorkan oleh Lembaga Getah Malaysia.

Untuk meningkatkan produktiviti pembangunan secara berkumpulan seperti tanam semula berkelompok dan tanam semula komersial diberikan penekanan. Dalam program tanam semula ini peruntukan sejumlah RM154 juta telah dibuat bagi tahun 2004 dan sejumlah 20,000 hektar setahun telah dilaksanakan dalam program tanam semula ini.

Keduanya Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan integrasi tanam semula adalah untuk membantu pekebun kecil mempelbagaikan pendapatan mereka supaya memperolehi pendapatan tambahan selain hasil tanaman getah.

Bantuan yang diberikan kepada pekebun kecil ini, di bawah program ini termasuklah Projek Ternakan Tanaman Kontan, pemprosesan makanan ringan dan

kraf tangan. Bagi tahun lepas sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan untuk program ini.

Ketiganya ialah Program Khidmat Pengembangan Pembangunan Manusia, adalah untuk aktiviti pendidikan formal dan informal yang diberikan kepada pekebun kecil supaya menjadi lebih berpengetahuan dalam amalan teknologi baru, lebih mahir dan yakin diri dalam bidang-bidang berhubung dengan tanaman getah serta aktiviti ekonomi tambahan yang berkaitan.

Umpamanya ialah teknologi baru LITS iaitu dengan izin, *Low Intensity Tapping System* yang membolehkan penorehan dibuat tiga empat hari sekali dengan hasil yang sekurang-kurangnya sama ataupun lebih baik. Program-program ini penting ke arah pembangunan insan yang lebih menyeluruh di kalangan pekebun kecil.

Keempatnya Program Prasarana penting dalam menyediakan kemudahan asas untuk menghubungkan kawasan tanaman dengan jalan besar atau jalan kampung dan di antara kelompok-kelompok projek dan seterusnya menghubungkan antara luar bandar dan bandar. Projek di bawah program ini termasuk pembinaan jalan pertanian, pemetung, jambatan dan parit. Program ini adalah pemangkin kepada pembangunan tanah dan aktiviti pengeluaran hasil kebun kerana hasil pertanian dapat dikeluarkan dan dipasarkan ke bandar-bandar. Justeru produktiviti atau daya pengeluaran telah meningkat, jika dilihat purata pendapatan pekebun kecil dari RM240 sebulan dalam tahun 1997 kepada RM632 dalam tahun 2002 dan seterusnya kepada RM900 dalam tahun 2004. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya begitu tertarik kerana di atas kenyataan Timbalan Menteri tadi begitu banyak program dan ini sudah tentulah kepada luar bandar. Bila luar bandar saya daripada luar bandar orang kampung pun meminta memberitahu perkara-perkara ini. Jadi, hari ini pagi-pagi lagi saya tampil di sini untuk bertanyakan kepada Timbalan Menteri:-

- (i) boleh atau tidak pekebun-pekebun kecil ini sekiranya dahulu dia rasa getah ini tidak begitu lumayan, tidak begitu berhasil, maka dia tebang, tebas kemudian digantikan dengan tanaman buah-buahan. Sekarang bila dia tahu harga getah melambung dan hasilnya daripada mereka, orang kampung ini, salah satunya yang begitu baik mereka ini tertarik untuk tanam semula getah. Boleh

atau tidak pihak kerajaan mengambil langkah ini supaya pekebun-pekebun yang dahulunya telah berpaling tadah kepada pokok buah-buahan, rambutan, durian, manggis yang tidak menjadi, kadangkala tidak pun mendapat hasil yang begitu baik, maka mereka bersungut untuk dapat tanam semula ini.

(ii) .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat satu.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Satu sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, satu sahaja.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** *I see. [Ketawa]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Soalan-soalan tambahan lain boleh dimajukan kepada saya di luar Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, betullah.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Untuk yang satu ini saya meminta Yang Berhormat bagi Kuala Krai memberikan maklumat terperinci tentang kawasan, keluasan dan tanaman yang ada sekarang di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan dan dimajukan kepada kementerian supaya kementerian dapat meneliti dan meminta RISDA supaya menimbangkan sekiranya dapat dilaksanakan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada sahabat saya Timbalan Menteri. Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan melalui RISDA yang tujuannya untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Tetapi akhir-akhir ini kita dengar bahawa RISDA juga akan dikorporatkan. Sebagai agensi pelaksana seharusnya RISDA memainkan peranan untuk membantu pekebun-pekebun kecil dan pendekatan RISDA menubuhkan NARSCO, iaitu anak syarikat ataupun koperasi pekebun kecil ialah untuk menaikkan taraf dan pendapatan pekebun kecil, tetapi RISDA juga ada menubuhkan anak syarikat *Small Holders Development* dan sebagainya yang bersaing dengan NARSCO. Jadi, ke arah mana yang RISDA hendak pergi.

Yang pertama, sebagai agensi pelaksana untuk meningkatkan taraf hidup pekebun-pekebun kecil. Yang kedua, sudah hendak menjadi korporat pula.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kedudukan anak-anak syarikat RISDA dan penglibatan mereka dalam pelbagai bidang sedang dikaji semula untuk memastikan, pertamanya apa jua penglibatan yang dimainkan oleh anak-anak syarikat ini akan menguntungkan dan tidak merugikan atau yang boleh membebankan kepada RISDA akhirnya. Begitu juga dari segi penglibatan mestilah memberikan keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil dan peserta-peserta. Jadi, sekiranya ada penglibatan anak-anak syarikat yang bertentangan dengan penglibatan koperasi-koperasi peserta, maka ini juga perlu dikaji semula supaya dapat diselaraskan, supaya ianya menjurus kepada memberi faedah yang lebih besar kepada pekebun-pekebun kecil dan juga peserta-peserta RISDA. Terima kasih.

*[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] tidak hadir]*

3. **Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada pihak kementerian mempunyai rancangan khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal di negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya memandang serius terhadap masalah dan kebajikan ibu tunggal. Menyedari keadaan ini kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu meningkatkan lagi taraf dan kualiti hidup ibu tunggal. Selain daripada kemudahan yang sedia ada, kementerian juga sedang mengatur dan melaksanakan beberapa langkah dan strategi bagi memperluaskan dan memperkemaskan lagi perkhidmatan untuk ibu tunggal di antaranya ialah:-

- (i) penggubalan pelan strategi ibu tunggal yang mengandungi perancangan komprehensif di dalam pelbagai aspek terutamanya ke arah meningkatkan taraf ekonomi dan kewangan seperti bidang keusahawanan, pengeluaran produk tertentu, jahitan dan kraf tangan yang boleh diniagakan sebagai sumber pendapatan.

Selain itu mereka akan diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan di dalam teknologi maklumat

dan komunikasi. Mengetahui hak-hak mereka di sisi undang-undang, mendapat layanan serta kemudahan kesihatan yang lebih baik serta bantuan dan bimbingan kaunseling. Kesemua perancangan ini akan dibuat melalui pendekatan bersepadu dengan agensi kerajaan lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Bagi memastikan pelaksanaan pelan ini berjalan dengan baik dan berjaya, penglibatan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dan memayungi aktiviti ibu tunggal amat diperlukan seperti Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia yang menjalankan pelbagai Program Pembangunan Kapasiti Wanita;

- (ii) melipatgandakan usaha untuk meningkatkan rangkaian atau *networking* dengan agensi kerajaan atau pihak swasta yang mengendalikan program berbentuk kewangan, keusahawanan, perniagaan untuk membantu ibu tunggal menjaga dan menambah pendapatan;
- (iii) kementerian juga mengalu-alukan pengumuman pakej rangsangan fizikal, ekonomi oleh bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei 2003 dan Bajet tahun 2004. Di mana kerajaan menyediakan kemudahan untuk mendapatkan perumahan kos rendah bagi golongan ibu tunggal yang berpendapatan rendah. Kementerian akan terus menggalakkan lebih ramai ibu tunggal menyahut seruan itu untuk memiliki rumah tersebut.

Data-data yang telah diperolehi daripada bancian ibu tunggal yang dikendalikan sendiri oleh kementerian memudahkan kementerian menyediakan perancangan program dan aktiviti yang bersesuaian untuk mereka dengan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO; dan

- (iv) Skim Pemberian Bantuan Khas kepada NGO akan diteruskan merangkumi latihan peningkatan kemahiran untuk wanita dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang teknologi maklumat dan komunikasi, jahitan, kraf tangan, ilmu keibubapaan, kesihatan *reproductive* dan ilmu kerohanian yang bertujuan untuk mengukuhkan jati diri dan keyakinan wanita termasuk wanita luar bandar yang menghadapi masalah kewangan, emosi dan psikologi. Terima kasih.

**Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih di atas jawapan yang diberi dan saya dapati bahawa kementerian memanglah menitikberatkan kebajikan ibu-ibu tunggal tetapi setakat ini, kita dapati bahawa ibu-ibu tunggal di negara kita ini masih kurang mendapat perhatian dan bantuan yang secara menyeluruh dan bantuan yang diberi kepada ibu-ibu tunggal juga adalah tidak mencukupi, memandangkan taraf hidup yang tinggi.

Soalan saya, bilakah pihak kementerian akan menjalankan kursus-kursus keusahawanan yang lebih mencabar untuk membantu ibu-ibu tunggal di setiap kawasan Parlimen agar mereka dapat berdikari dalam pencarian rezeki.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Sebenarnya, bantuan-bantuan yang disediakan oleh kementerian adalah cukup, hanya kita dapati kebanyakan ibu tunggal ini mereka tidak tahu cara-cara untuk mendapatkan bantuan.

Oleh itu, dalam perkara ini kita memerlukan bantuan dari pihak JKKK atau *resident association*, dengan izin, dan juga Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Mengenai kursus keusahawanan yang lebih berkesan, sebenarnya kita juga seperti apa yang telah saya maklumkan tadi, kita telah bekerjasama dengan NGO-NGO dan kita telah memberi banyak bantuan Perbendaharaan untuk mereka supaya mereka menjalankan kursus-kursus yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, untuk membantu ibu-ibu tunggal, kita tidak berniat hanya untuk memberi bantuan wang dengan secara terus, kita lebih mengambil berat untuk kemahiran mereka supaya mereka boleh berdikari. Terima kasih.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin bertanya kementerian ialah apakah skim kredit atau kemudahan kredit yang disediakan untuk membantu ibu tunggal, yang ingin memulakan perniagaan.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai kemudahan kredit kepada ibu tunggal terutamanya yang berpendapatan rendah sebagai pinjaman memulakan perniagaan melalui dana-dana khas di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Skim Mikro Kredit, Kementerian Kewangan yang disalurkan melalui Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Skim Amanah Ikhtiar Malaysia, kira-kira 22,850 ketua isi rumah wanita telah mendapat pinjaman, sementara Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal pula telah mengeluarkan pinjaman kepada wanita luar bandar termasuk 2,488 orang ibu tunggal.

Setakat bulan Julai 2003, jumlah pinjaman yang dikeluarkan ialah sebanyak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chew Mei Fun:** Ya. ....RM115,485,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih.

**4. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah tindakan kerajaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar memilih bidang sains selain daripada perubatan dan farmasi.



**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pelajar-pelajar memilih bidang sains selain daripada perubatan dan farmasi, kementerian telah mengambil langkah melaksanakan dasar pengambilan pelajar-pelajar sains sebanyak 60% dari jumlah tempat yang ditawarkan di semua IPTA.

Di samping itu, penerangan mengenai peluang-peluang dalam bidang selain daripada perubatan dan farmasi, diberikan oleh wakil-wakil IPTA kepada pelajar-pelajar sekolah menengah, pihak kementerian juga mengadakan taklimat khas kepada kaunselor sekolah untuk memberi maklumat yang lebih jelas tentang peluang-peluang kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Selain daripada itu, kementerian terus mempromosikan pencapaian saintis-saintis di IPTA supaya dapat menarik minat pelajar-pelajar di peringkat sekolah untuk memilih bidang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab.

Saya melihat bahawa sasaran kerajaan, 60% pelajar untuk mengambil bidang sains yang dihasilkan di dalam jurusan sains ini, tetapi tidak dipadankan di peringkat *intake*, dengan izin, daripada sekolah-sekolah, jadi kalau 60% yang kita hendakkan di dalam IPTA atau IPTS, tetapi di dalam sekolahnya tidak ada feeder, bagaimana kita hendak mendapatkan sasaran itu dan juga di peringkat tertinggi, pensyarah-pensyarah tidak diberi peluang yang mencukupi, jadi kalaulah kita dengan *ambitious plan* ini, dengan izin, untuk mendapatkan 60% graduan tetapi tidak dipadankan, tidak ada pensyarah ini akan menjejaskan mutu graduan itu sendiri.

Saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, memang di peringkat sekolah pun, kementerian dan kerajaan juga telah pun menyarankan supaya kita cuba menepati 60% untuk aliran sains bagi murid-murid yang mengambil jurusan sains, 60% di peringkat sekolah juga, cuma masa kini masih belum menepati sasaran tersebut dan untuk di peringkat universiti adalah tidak benar mengatakan pensyarah-pensyarah adalah tidak mencukupi untuk bidang sains supaya kita dapat menepati sasaran tersebut, memang tidak benar, sebab pilihan sama ada memasuki aliran sains atau sastera ini adalah terserah kepada pelajar-pelajar semasa mereka membuat

permohonan dan kita perlu memberi galakan dan juga penerangan tentang kerjaya sesuatu bidang sains.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam perancangan pendidikan negara, adakah Kementerian Pengajian Tinggi menyelaraskan kursus-kursus yang ditawarkan oleh semua IPTA supaya graduan-graduan yang dihasilkan tidak terlalu condong kepada sains dan teknologi sahaja sehingga mengabaikan hakikatnya bahawa negara juga memerlukan ahli-ahli falsafah, ahli-ahli fikir, sasterawan, seniman dalam membentuk masyarakat dan negara yang seimbang dan menarik, ataupun *the graceful society*, dengan izin supaya negara tidak hanya ditadbir dan diperintah oleh teknokrat sahaja satu hari nanti.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengabaikan kepentingan kursus-kursus dalam aliran sastera, sebab itu kita juga telah menyarankan supaya sekurang-kurangnya ada juga 4% yang memasuki dalam aliran sastera dan bukan semata-mata mementingkan aliran sains sahaja. Terima kasih.

**5. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan pelabuhan laut dalam di negara ini dan sejauh manakah pelabuhan-pelabuhan berkenaan mematuhi peraturan mengikut Kanun Keselamatan Kemudahan Kapal dan Pelabuhan Antarabangsa (International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code) dan bagaimanakah pematuhan terhadap kanun berkenaan membawa faedah kepada negara.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelabuhan laut dalam yang terdapat di negara adalah sebanyak 21 pelabuhan di mana 11 buah daripadanya terletak di Semenanjung Malaysia, manakala sebuah di Wilayah Persekutuan Labuan, dan lima terletak di Sabah dan empat di Sarawak.

Semua pelabuhan tersebut telah mencapai status pematuhan Kod ISPS. Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dunia ataupun *trading nation*, dengan izin, yang berada di kedudukan ke-17 dan 90% daripada perdagangannya dikendalikan melalui pengangkutan laut, maka Malaysia *committed*, dengan izin, dalam pelaksanaan Kod ISPS supaya perdagangan Malaysia berjalan dengan lancar. Ini

kerana sekiranya Pelabuhan Malaysia tidak mematuhi Kod ISPS, kapal-kapal asing mungkin tidak akan singgah ke pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Begitu juga dengan kapal-kapal Malaysia yang tidak mencapai status pematuhan mungkin dihalang dari memasuki pelabuhan asing, situasinya ini akan menjejaskan perdagangan negara dan perkembangan pelabuhan serta perkapalan negara. Terima kasih.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah Peraturan Kanun ISPS ini merangkumi kesemua macam pelabuhan dan *wharf* yang digunapakai untuk apa jua aktiviti perkapalan komersial, *shipping activities*, umpamanya *wharf* yang diguna pakai untuk *barter trade* dan apakah status pematuhan Peraturan Kanun ISPS ini pada setakat ini di negara lain di rantau Asia yang mana negara kita ada hubungan perdagangan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada 1 Julai baru-baru Kod ISPS telah dilaksanakan di seluruh negara yang mana kita menjadi parti kepada Konvensyen SOLFC 74 ataupun Safety of Life FC yang dikehendaki oleh IMO iaitu *International Maritime Organization* yang mana 98% perkapalan antarabangsa yang terlibat di dalam konvensyen ini.

Jadi, kita mengarahkan bahawasanya semua pelabuhan ataupun kapal-kapal yang lebih daripada 500 tan mesti mengikut peraturan ini dan kapal-kapal yang masih tidak mempunyai sijil ini akan kemungkinan menghadapi masalah dari segi kawalan ataupun untuk masuk ke dalam pelabuhan-pelabuhan destinasiya.

Jadi, kita telah membuat satu kepastian dan juga arahan yang tegas bahawasanya semua pelabuhan-pelabuhan di negara kita ini perlu menerima arahan mematuhi kepada Kod ISPS ini. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu apakah rancangan berterusan yang sedang dibuat untuk mengenal pasti tempat-tempat di mana kita boleh membina *deep seaport* ini oleh kerana saya nampak seperti di kawasan saya dan Lubok Antu, kita mempunyai '*inter land*' yang begitu kaya, ladang-ladang yang besar dan ada usaha untuk mengeksport batu arang ataupun arang batu ke Jepun, tetapi kita tidak ada satu *deep seaport* pun di tempat itu.

Tetapi saya tahu ada kawasan Batang Lupar namanya Lingga boleh berpotensi menjadi *deep seaport*, jadi saya hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri,

apakah rancangan berterusan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang baru. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian sentiasa membuat kajian bagi seluruh negara di manakah perlunya kita mengadakan pelabuhan-pelabuhan bagi kapal laut dalam dan kita sudah ada, macam saya telah menerangkan tadi, tidak kurang daripada lima di Sabah dan empat pelabuhan, yang mana selama ini kita telah berpuas hati bahawasanya pelabuhan-pelabuhan ini telah dapat berjalan dengan baik dari segi peningkatan dan dari segi *trading*, dengan izin.

Jadi kalau ada di mana kawasan-kawasan yang memerlukan untuk dijadikan satu pelabuhan, yang mana kementerian boleh membuat satu kaji selidik tentang cadangan itu, saya berharap kalau dapat Yang Berhormat kemukakan kepada pihak kementerian dengan cadangan yang rasa saya kalau diperlukan. Terima kasih.

*[Soalan No. 6 – Y.B. Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] tidak hadir]*

*[Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Salleh bin Tun Siad [Kota Belud] tidak hadir]*

*[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] tidak hadir]*

9. **Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah dasar kementerian bagi memastikan kawasan perkampungan terpencil yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil mendapat pembangunan prasarana seperti jalan raya, air, telefon dan elektrik 24 jam.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa memberi tumpuan bagi menyedia dan memberi liputan kemudahan asas yang menyeluruh kepada kawasan luar bandar termasuk kawasan terpencil yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil. Dalam hal ini peruntukan pembangunan yang disediakan adalah berpandukan perancangan dan permohonan yang dibuat oleh kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, oleh kerana peruntukan yang terhad maka pelaksanaan projek jalan raya, air dan elektrik di luar bandar termasuk kawasan terpencil adalah dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan yang ditentukan oleh kerajaan negeri.

Di samping itu kementerian juga ada mempunyai Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) bagi menempatkan golongan yang berselerak dalam kawasan pedalaman kepada satu tempat di mana kemudahan-kemudahan asas disediakan dan tanah biasanya disediakan oleh kerajaan negeri. Program sedemikian juga ada disediakan melalui pelaksanaan Program Sepadu Pembangunan Desa Terencil (PROSDET) di mana pembangunan sesuatu kawasan di rancang dan dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama kerajaan negeri meliputi penyediaan jalan raya, air, elektrik, projek-projek peningkatan pendapatan, pendidikan serta latihan kemahiran.

Pada masa yang sama sebagai panduan asas kemudahan-kemudahan prasarana dan utiliti ini boleh disediakan di kawasan-kawasan pedalaman sekiranya peruntukan terhadap satu-satu projek secara puratanya tidak melebihi RM25,000 setiap satu rumah yang terlibat dalam projek tersebut. Contohnya kalau projek memakan belanja RM200,000 umpamanya, kalaulah ia hanya melibatkan empat buah rumah yang terencil, ini bererti secara puratanya ia memerlukan RM50,000 setiap rumah. Maka ini dianggap tidak ekonomik dan memerlukan lebih ramai penduduk sedikit berada di sana sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan kemudahan telefon di luar bandar adalah di bawah tanggungjawab sahabat saya Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, dari Tampin.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, terima kasih atas jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti Yang Berhormat terangkan bahawa pembangunan di kawasan terencil ini akan dibuat secara beransur-ansur. Jadi soalan saya sehingga kini berapa peratus lagikah kawasan pedalaman yang saya sebutkan tadi dalam soalan asal yang masih belum mendapat bekalan asas ini dan dari segi *target* kementerian bilakah seluruh kawasan pedalaman di seluruh negara akan memperolehi kemudahan-kemudahan asas tersebut?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Bera kerana dengan usahanya kita dapat lihat peruntukan yang agak baik, yang telah diberikan kepada Parlimen Bera. Bagi jalan kampung umpamanya peruntukan bagi 2004 ialah RM3.3 juta.

**Beberapa Ahli:** Ooh!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bagi Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan untuk Bera ialah enam projek yang menelan belanja RM165 juta.

**Seorang Ahli:** Bachok?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bagi kemudahan air, Bachok belum ada ya! Peruntukan untuk air ialah RM1.15 juta.

**Beberapa Ahli:** Ooh!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Peruntukan api ialah RM1.3 juta bagi Bera.

**Beberapa Ahli:** Oooh!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Jadi kalaulah itu dirasakan belum cukup, sabarlah Bera.

**Seorang Ahli:** Api itu apa api? Api elektrikkah atau api?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Api, api ini, api menyalalah! Api elektrik  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kulai tidak adakah?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kulai tidak ada, belum lagi. Jadi kalau ada soalan kita beri perincian, jadi saya rasa Bera cukup berpuas hati, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Memang kita akui bahawa kerajaan melalui kementerian-kementerian khususnya luar bandar, memang telah banyak membantu masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun persoalan saya Yang Berhormat, kita melihat bilakah kerajaan mempunyai satu pendekatan ataupun satu kekuatan secara menyeluruh memandangkan Wawasan 2020 ini tinggal lebih kurang 16 tahun.

Saya percaya rakan-rakan saya yang lain akan membangkitkan isu ini dalam ucapan bajet tambahan ini.

Bilakah kementerian perlu menukar struktur perancangan pendekatan untuk memastikan bahawa masyarakat marhaen ini, masyarakat miskin di luar bandar ini dapat kita keluarkan, dapat kita martabatkan kehidupan mereka daripada termiskin kepada bukan juga berada tetapi boleh hidup bukan lagi kais pagi makan petang, kais petang makan pagi. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Kita tahu bagaimana kerajaan begitu prihatin dengan golongan-golongan yang cukup tidak bernasib baik ini yang terpaksa mencari-cari untuk sekadar hidup seperti mana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Oleh itu maka menjadi matlamat kerajaan dan dasar kerajaan yang baru untuk kemiskinan tegar ini dihapuskan dalam jangka masa lima tahun nanti. Semoga yang betul-betul miskin dan yang begitu daif yang berada di tahap yang paling rendah dapat kita perbaiki kehidupan mereka supaya sekurang-kurangnya mereka tidak lagi berada dalam golongan miskin tegar, miskin yang begitu parah. Dari segi apa yang boleh dilakukan oleh kementerian, dari segi projek-projek dan dari segi prasarana yang mana kelmarin saya telah menjelaskan lapan program kesemuanya yang dilakukan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menangani masalah kemiskinan tegar ini sudah tentu jumlah dan *intensity* yang dapat dilaksanakan ialah bergantung kepada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan. Oleh itu terserahlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meminta kerajaan memberi peruntukan yang lebih besar kepada kementerian saya. Terima kasih.

10. **Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilakah kementerian menerima maklumat berkenaan pengimportan bahan-bahan sisa toksid ke Malaysia dari Taiwan serta tindakan awal yang telah diambil. Apakah langkah-langkah bagi memastikan Malaysia tidak menjadi negara pembuangan bahan sisa toksid oleh negara industri lain.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 62 pada hari ini daripada Yang Berhormat bagi Rasah dan soalan nombor 74 daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat pada hari ini juga dan soalan daripada Yang Berhormat bagi Bagan pada 19 Julai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menerima maklumat mengenai kemasukan bahan buangan daripada Taiwan ke Malaysia pada akhir tahun 2003. Tindakan-tindakan awal yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan penyiasatan ke atas syarikat terlibat iaitu Synenviro Sdn. Bhd. yang didakwa mengimport bahan buangan dari Taiwan ke Malaysia. Kaedah bagaimana pengimportan dibuat kelulusan-kelulusan pihak berkuasa yang diguna pakai oleh syarikat tersebut bagi mengimport bahan buangan dan sebagainya;
- (ii) membuat laporan polis pada 28 November 2003 dan 15 Mac 2004 mengenai pemalsuan surat kelulusan yang didakwa dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
- (iii) menjalankan pemeriksaan teliti termasuk membuat penganalisaan kimia ke atas bahan buangan yang dijumpai diletakkan di satu kawasan di Simpang Renggam di mana bahan buangan yang dieksport dari Taiwan dipercayai disimpan sebelum diproses menjadi batu-bata mengikut kenyataan Synenviro Sdn. Bhd.;
- (iv) membuat laporan polis pada 5 Disember 2003 mengenai penstoran bahan buangan di Tapah Highway Brickworks Johor Sdn. Bhd. tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar;
- (v) menghubungi Cawangan Kastam Dan Eksais Diraja supaya menahan apa-apa lagi kemasukan bahan buangan yang diimport oleh syarikat tersebut;
- (vi) memaklumkan kepada agensi alam sekitar Taiwan iaitu *Environmental Protection Agents Administration* pada 5 Januari 2004 bahawa Syarikat Synenviro Sdn Bhd tidak pernah diberi kebenaran oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengimport bahan buangan dari Taiwan dan juga memaklumkan apa-apa pengimportan bahan buangan terjadual perlu mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah *Convention Basel* mengenai pergerakan buangan berbahaya merentasi sempadan dan pelupusannya 1989.

Siasatan lanjut masih diteruskan bagi menentukan punca buangan supaya tindakan pendakwaan dapat dijalankan ke atas pihak yang didapati melanggar



peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang melarang pengimportan bahan buangan terjadual ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencegah kemasukan buangan terjadual oleh negara lain kerajaan telah mengambil langkah yang sewajarnya. Sebagai negara *partake* kepada *Convention Basel* mengenai pergerakan buangan berbahaya merentasi sempadan dan pelupusannya 1989. Setiap negara pengeksport bahan buangan toksid dan berbahaya hendaklah mengemukakan ratifikasi kepada Malaysia dan setiap pengimportan bahan buangan tersebut hendaklah mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa *competent* di Malaysia iaitu Jabatan Alam Sekitar. Di samping itu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 12 Ogos 1993 telah menguatkuasakan Perintah Kastam ...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa dia Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat!

**Tuan M. Kula Segaran:** ...dibenarkan menggunakan telefon semasa persidangan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat! *[Dewan riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya mintalah, diam ya..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah Yang Berhormat saya mintalah juga..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh, boleh, kalau ada panggilan, saya mintalah keluar dengar dan saya minta semua ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Takkan saya bercakap dengan, bukan, dia telefon!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta semua Ahli Yang Berhormat kalau boleh, memang bukan kalau bolehlah pasti tutupkan *handphone* ya. Ini mustahaklah supaya kita tidak akan diganggu. Baik teruskan Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 12 Ogos 1993 telah menguatkuasakan perintah Kastam (Larangan Mengenai Import 1993) dan 1 Jun 1998 bagi Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import 1998) mengenai kawalan pengimportan buangan toksid dan berbahaya ke Malaysia.

Kedua-dua agensi ini akan mengetatkan lagi prosedur bagi memastikan negara Malaysia tidak menjadi negara pembuangan sisa toksid oleh negara industri lain.

Di samping itu *Standard Operative Procedure* pengendalian pelupusan haram buangan terjadual yang diamalkan sekarang akan disemak semula bagi menjana tatatindakan yang lebih kemas dan komprehensif termasuk buangan yang diimport. Di bawah *Convention Basel* mengenai pergerakan buangan berbahaya merentasi sempadan dan pelupusannya, sebarang pengeksportan secara haram perlu diambil balik oleh negara pengeksport. Dalam kes ini Jabatan Alam Sekitar telah pun menghubungi Taiwan *Environmental Protection Administration* untuk berbuat demikian.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Tujuh bulan telah berlalu, orang ramai dan negara luar masih menunggu pihak yang terlibat untuk di hadap ke mahkamah. Saya telah membuat satu carian berkenaan dengan Syarikat Synenviro Sdn. Bhd. dan nampaknya syarikat ini melibatkan warga negara Malaysia, Taiwan dan Singapura dan pemegang *share* utamanya adalah warga negara Singapura. Negara kita telah dipergunakan melalui satu pakatan warga negara kita dengan warga negara asing.

Jadi, saya hendak bertanya bilakah pendakwaan akan dijalankan walaupun Timbalan Menteri telah berkata kertas siasatan telah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara sebab lagi lewat tindakan diambil, tindakan menghadap pihak ke mahkamah, ini seolah-olah memberi peluang kepada mereka untuk membersihkan bukti-bukti yang sedia ada. Sebab sudah tujuh bulan berlalu, dan saya juga ingin tahu apakah pendirian negara Taiwan berkenaan dengan bahan-bahan toksid ini? Sebab ada laporan menyatakan bahawa Taiwan enggan menerima semula bahan-bahan toksid ini. Pohon satu jawapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pakatan itu, saya rasa memang saya tidak dapat memberi apa-apa kenyataan, kerana kita tidak ada sebarang bukti yang menyatakan bahawa ada pakatan di kalangan negara-negara

untuk menghantar toksik itu ke negara kita. Tetapi, berkaitan dengan pendakwaan, saya hendak nyatakan di sini, khususnya Jemaah Menteri, kita memandang serius tentang perkara ini dan telah pun memberi arahan kepada Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Peguam Negara untuk mempercepatkan pendakwaan ataupun penyelesaian kes ini dengan secepat mungkin demi kepentingan orang ramai.

Tetapi, masalah yang dihadapi ialah, oleh kerana kita menghadapi masalah untuk mendapat bukti dari negara Taiwan kerana undang-undang yang sedia ada pada masa ini memerlukan pihak pendakwa membuktikan bahawa bahan toksik itu telah melalui satu proses perindustrian, oleh kerana ia adalah hasil daripada proses perindustrian tersebut. Kita tidak sangka perkara ini telah berlaku di negara Taiwan dan kita telah pun menghubungi Interpol dan juga Wisma Putra, di mana kita masih menghadapi jalan buntu untuk mendapat kerjasama yang baik daripada mereka. Itulah sebabnya perkara ini mengambil masa yang agak lama, tetapi pihak Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan agensi-agensi lain sedang berusaha untuk mempercepatkan lagi proses pendakwaan ini. Terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara yang telah berlaku itu memang sudah berlaku, tetapi yang saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah memberi satu *standing order*, dengan izin kepada pihak kastam supaya setiap bahan-bahan ataupun pengimportan bahan-bahan kimia dari luar negara mesti mendapat kelulusan secara pemeriksaan sebelum dibenarkan masuk.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini apa yang kita ada ialah kita semua memberikan senarai bahan-bahan jadual bertoksik, *schedule industry survey* sahaja yang dibekalkan kepada Jabatan Kastam. Tetapi, kita telah pun berbincang perkara ini dengan kastam, di mana kita akan memberi latihan kepada pegawai-pegawai kastam tentang cara-cara mereka, di mana mereka boleh mudah mengenali sesuatu bahan toksik yang berjadual itu dibawa masuk ke negara kita. Jadi, selain daripada itu juga menggunakan mesin-mesin *scanner* untuk mengenal pasti bahan-bahan jadual bertoksik. Kadang-kadang mereka gunakan kod yang lain untuk membawa masuk. Jadi, inilah aspek yang mana kita boleh membantu Jabatan Kastam untuk dapat mengenal pasti bahan-bahan yang dibawa masuk ke dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Datuk Abdul Ghapur bin Salleh.

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ya.

**Cik Fong Po Kuan:** 24(3). Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua sebab soalan ini telah ditanya oleh empat orang ahli. Saya pohonlah, sebab menurut Peraturan 24(3), tidak lebih daripada tiga pertanyaan. Biar kita set, *get good example precedent* agar bagi peluang ahli-ahli yang lain begitu prihatin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan:** Ini isu alam sekitar melintasi batasan politik....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Cik Fong Po Kuan:** .....kaum dan agama. Saya pohon.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Cik Fong Po Kuan:** ....24(3). Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa yang hendak disampaikan, Yang Berhormat sudah sampaikan tadi, Jadi, telah dapat jawapan.

**Cik Fong Po Kuan:** Empat, empat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur hari ini kerana mungkin dalam sejarah Parlimen Soalan No.11 ini mungkin tidak dijawab, tetapi hari ini kita ada peluang.

11. **Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Menteri sedar bahawa banyak klinik desa di Sabah yang tidak mempunyai kelengkapan bekalan perubatan dan kakitangan yang mencukupi setaraf dengan keadaan semasa dan apakah cadangan dan tindakan kementerian untuk mengatasi perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersyukur. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Kementerian Kesihatan sememangnya mengakui memang masih terdapat sebilangan klinik desa di Sabah yang tidak mempunyai kakitangan serta peralatan yang mencukupi dengan keperluan semasa. Ekoran itu, kementerian sentiasa

memberikan perhatian dan keutamaan dalam mengambil tindakan pengisian kekosongan jawatan mahupun peralatan di peringkat kumpulan paramedik agar khidmat kepada masyarakat desa akhirnya dapat kita sampaikan dengan cara yang terbaik.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Di Sabah kita dapati bahawa, di seluruh negeri di luar-luar bandar ini mungkin ada klinik-klinik desa. Tetapi, masalah seperti mana saya soalkan tadi, tidak ada kakitangan. Contoh yang kita boleh buat di sini ialah, kadangkala tempat-tempat yang jauh, di pulau dan di pedalaman, bila ada orang yang mengalami sakit, mereka tidak dapat dirawat di klinik-klinik, terpaksa dihantar ke hospital besar di Sandakan, di Tawau, di Lahad Datu.

Jadi, hinggakan apabila pesakit telah pun sampai, mereka sudah tidak ada lagi, hayat sudah habis. Jadi, ini perkara serius. Jadi, kita minta kalau boleh Kementerian Kesihatan, minta supaya lihatlah keadaan luar bandar di Sabah ini. Kita minta kalau ada perancangan dan kita nampak di dalam rancangan-rancangan Malaysia tidak ada peruntukan-peruntukan yang berlebihan untuk tambahan di Sabah. Jadi, kita mintalah kalau boleh kementerian prihatin terhadap ini.

**Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kita sedang dalam peringkat terakhir untuk menyusun di dalam permohonan kesihatan dan perubatan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah, kita akan ambil kira saranan daripada Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengamati jawapan daripada kementerian, dua perkataan penting. Kementerian mengakui dan juga kementerian akan ambil perhatian. Tetapi, hakikatnya empat, tujuh tahun selepas merdeka, keadaannya hari ini “mengaku” dan “ambil perhatian” itu masih tidak dapat menyelesaikan masalah kesihatan yang begitu berleluasa di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan juga di Sarawak saya difahamkan. Apakah “mengaku” dan “mengambil perhatian” itu satu tindakan yang akan membawa penyelesaian kepada masalah kesihatan di luar bandar di Sabah ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan di Malaysia adalah antara yang terbaik. Kita akan jumpa klinik atau klinik desa tiap-tiap lima kilometer. Cuma, kalau kita lihat,

dahulu pusat bidan. Oleh kerana jawatan bidan telah jumud, pusat ia pun sudah tidak ada. Jadi, kita naikkan taraf pusat bidan ini kepada klinik desa. Klinik desa yang kita bina adalah antara yang terancang. Ia dianggarkan kosnya dekat RM1 juta. Kita ada 5,000 klinik seluruh Malaysia. Kita ada 124 hospital dan ada banyak lagi hospital yang kita hendak bina. Hendak bina kelengkapan-kelengkapan ini saya ingat, kementerian tidak ada masalah sangat, kerana kita ada kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan EPU. Tetapi untuk bina kekuatan sumber manusia mengambil masa yang lebih panjang, apatah lagi di Sabah dan Sarawak. Di Sabah dan Sarawak, mungkin agaknya, kena kempenlah Yang Berhormat bagi Beluran, supaya ramai orang Beluran jadi misi dan *nurse*. Jadi, usaha ini akan kita jalankan secara serius dan berperingkat-peringkat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Peraturan 24(3). Bagi saya, ini perlu. Mesti ada soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sebab ini kena-mengena dengan rakyat. Masalah doktor.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ....masalah kelengkapan hospital.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Sila duduk dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh dibenarkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak payah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila bincang di luar dengan Timbalan Menteri. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tambahan satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Ini, bagi peluanglah satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Cukup, cukup. Tadi, Yang Berhormat sudah cakap, benar masa.....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Benar. Masa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** ....tiap-tiap lima kilometer satu klinik.

*[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak bersetuju? Okey, tidak apalah. Bincang di luar nanti dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Jadi, kalau begitu kementerian jawab, kita terus tutup mulut sahaja.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Betullah, saya pun hendak satu.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Satu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

12. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh mana usaha dan penajaan kerajaan menawarkan tajaan kepada pelajar antarabangsa untuk belajar di IPT tempatan demi mempromosi Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan serta sejauh mana ia berjaya.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya komited untuk mempromosi Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan sentiasa menggalakkan usaha promosi oleh IPTA dan IPTS. Pada masa ini, sebanyak empat buah pejabat promosi pendidikan bagi IPTS telah ditubuhkan di Jakarta, Ho Chin Min City, Beijing dan Dubai.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh IPTA dan IPTS seperti menyertai pameran berkaitan pendidikan di luar negara, melantik wakil di negara tertentu bagi tujuan promosi, mengedarkan risalah, brosur, buku atau *hand book*, dengan izin yang mengandungi maklumat berkaitan IPTA dan IPTS serta promosi melalui laman web yang boleh diakses dari seluruh pelosok dunia.

Terdapat beberapa IPTA yang menawarkan tajaan kepada pelajar antarabangsa yang menyambung pelajaran di peringkat pasca siswazah seperti USM

dan UIAM. Selain itu, kementerian juga membuat tajaan kepada pelajar antarabangsa melalui Program Pertukaran Pelajar dengan negara-negara yang memeterai perjanjian persefahaman dengan Kerajaan Malaysia di dalam bidang pendidikan. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan tentang penajaan pelajar antarabangsa untuk menerima biasiswa untuk belajar di IPT tempatan di negara kita. Persoalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri, negara kita ada menghadapi strategi *brain drain*.

Sebenarnya, pelajar-pelajar yang cemerlang juga akan ditawarkan oleh negara-negara lain untuk belajar di negara masing-masing. Apabila mereka belajar di negara luar, selepas mereka tamat pengajiannya, mereka tidak balik ke negara kita untuk berkhidmat, sama seperti dengan keadaan di negara kita. Apabila kerajaan ada membuat penajaan kepada pelajar-pelajar antarabangsa untuk belajar di negara kita dan saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang dipilih ini memang layak dan mempunyai keputusan peperiksaan yang cemerlang di negara masing-masing.

Apakah langkah kementerian apabila kerajaan menaja pelajar-pelajar asing ini belajar di negara kita, mereka akan juga diserap dan *dicontent* dalam negara kita supaya kita juga akan mendapat pelajar-pelajar yang canggih ini, yang baik ini untuk berkhidmat di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, segala penajaan sama ada dalam bentuk pinjaman atau biasiswa itu merupakan bentuk kerjasama antarabangsa. Misalnya, tajaan di bawah *Malaysian Technical Corporation Program* (MTCP) memang telah lama dilancarkan dan ini telah menjana *good will* dengan izin, di peringkat antarabangsa dan graduan-graduan daripada IPT tempatan, bila mereka kembali ke negara mereka, mereka akan terus ada hubungan dengan kita. Ini akan mempromosikan kerjasama antara kedua-dua negara dan tidak semestinya kita memaksakan mereka terus berkhidmat di Malaysia ini, sebab kita anggap bahawa dalam kerjasama antarabangsa, maka *good will* itu lebih bernilai daripada memaksa mereka terus berkhidmat di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of Order* 41(c), Yang Berhormat bagi Ipoh Barat membaca surat khabar yang tidak kena mengena dengan undang-undang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini kalau tidak...ini



**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak boleh, tidak boleh baca surat khabar. Tadi you cakap telefon salah. Ini salah. Duduk. I baca *Point of Order*, you duduk dululah. [*Dewan riuh*]

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini bukan surat khabar. Jangan, jangan. You hendak kempen. Tidak kena mengena. Boleh nampak apa saya baca?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** You baca surat khabar, tidak boleh. Ini cakap tidak boleh [*Menunjuk buku Peraturan Mesyuarat*]

**Tuan M. Kula Segaran:** Apa saya baca?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** ...Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya tidak tahu tetapi surat khabar tidak boleh.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya menyediakan penyelidikan penghujahan saya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** You tidak boleh baca surat khabar. You duduk dahulu. *This is my floor*. You duduk dahulu. Ipoh Barat, you kasi kena orang boleh, I kasi kena tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk, sila duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** .....boleh baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya bersetuju tetapi saya nampak dia membaca nota. Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Point of Order*, Yang Berhormat. *Point of Order*, Yang Berhormat. Dalam Peraturan Mesyuarat dia tidak kata perkataan 'telefon', fasal masa Peraturan Mesyuarat dibuat, telefon tangan ini tidak ada lagi. [*Dewan gamat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, pasal apa? Saya hari ini, saya akan menjalankan tugas [*Disampuk*] di dalam Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tetapi saya boleh membuat satu *ruling*lah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat boleh membuat *ruling* tetapi jangan *ruling* di atas mereka yang iri hati kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak dibenarkanlah sesiapa menggunakan *handphone* di dalam Dewan yang mulia ini. Cukuplah, ini jelas. [*Disampuk*] Baca *paper* pun tidak boleh. Okey, cukup, cukup,

baca surat khabar tidak boleh, ya. Kalau kertas ada dokumen, bolehlah. Cukup, cukup. Tumpat, Tumpat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat, supaya dia faham dalam Peraturan Mesyuarat tidak ada.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini surat khabar, dia punya *cutting* pun tidak bolehkah? *Newspaper cutting?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Kalau begitu tidak bolehlah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Handphone* sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak dipanggil *handphone* lagi, dia dipanggil PDA, *Personal Digital Assistant*. Jadi, kalau saya guna mungkin bukan untuk telefon tetapi untuk mengetahui diari saya, *appointment* saya dan sebagainya. Jadi...*[Dewan riuh]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ha...itu, ada fahamkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Lagikan komputer kita benarkan, Tuan Yang di-Pertua. Ini PDA - harus kita pinda peraturan mesyuarat supaya...

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini bukan untuk kempen. Kempen pilihan raya tidak boleh. Kempen UMNO tidak boleh.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan buang masa.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa kita perlu mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kita ada begitu banyak klinik kesihatan, kita ada begitu banyak klinik, hospital dan sebagainya tetapi keluhan rakyat kadangkala, doktor tidak ada. Jadi, apakah matlamat Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan sejumlah banyak mana bilangan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk menampung keperluan negara dalam bidang-bidang profesional dan bidang-bidang lain? Adakah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai sasaran atau matlamat tertentu tentang

jumlah IPTA dan IPTS dalam negara ini dalam jangka masa yang tertentu? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal, soalan asal ialah tentang penajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan kini telah pun menubuhkan sebanyak 17 buah universiti awam di seluruh negara dan untuk universiti swasta bilangannya ialah 20 buah. Kerajaan memang ingin terus mengembangkan semua fakulti dan menubuhkan lebih banyak lagi universiti jika sumber kewangan mengizinkan tetapi ini perlulah perancangan yang lebih teliti sebab ia melibatkan peruntukan yang agak besar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup untuk soal jawab.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup]***

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.2) 2003**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam bilion, satu ratus tiga puluh empat juta, lima ratus sembilan puluh empat ribu, lima ratus dua puluh (RM6,134,594,520) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2003, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan." **[13 Julai 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyambung semula ucapan. Yang Berhormat ada 8 minit lagi.

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam]:** Sepuluh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Catatan di sini ada 8 minit.  
**11.08 pagi.**

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyoal apakah sebabnya terdapat kekurangan kakitangan dalam pasukan polis dan juga di hospital kerajaan. Pada pagi ini kita mendengar banyak pengaduan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak bahawa kekurangan kemudahan dan juga kakitangan di klinik-klinik di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kakitangan dan kemudahan ini bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi di seluruh negara. Umpamanya kemudahan untuk

merawat penyakit kanser dan buah pinggang – memang di seluruh negara. Bolehkah kita mendapat satu maklumat berapa orang pesakit jantung sekarang yang sedang menunggu? *What is the waiting list for heart operation* sekarang?

Pada kempen pilihan raya yang lepas Barisan Nasional menyatakan bahawa Barisan Nasional ini ‘Cemerlang, Gemilang, Terbilang’, nampaknya inilah prestasi yang gemilang! Tidak cukup – kekurangan kemudahan, kekurangan doktor...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kalabakan bangun.

**Puan Chong Eng:** Ya, semasa saya tadi dia bagi satu soalan sahaja. *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Yang Berhormat katakan tadi, saya fikir apabila Timbalan Menteri menjawab tadi dia kata di Semenanjung ini mungkin pada tiap-tiap 5 kilometer 1 klinik - 1 hospital, saya kira di Sabah sahaja, rupanya di sini pun tidak ada. Jadi, minta apa penjelasan Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng:** Memang, memang. Ini semua rancangannya dilihat cantik sekali di atas kertas tetapi dalam realiti tidak ada, keadaannya sungguh jauh berbeza. Jadi, saya pun memohonlah bagi pihak Sarawak dan Sabah supaya kementerian ataupun kerajaan memberi keutamaan kepada kemudahan perubatan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh bangun.

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti, ya. Ketereh nanti. Kerana ini kalau kita kekurangan doktor, hospital dan klinik. kepentingan orang miskin yang terjejas. Orang kaya – kalau Puan Sri atau Tan Sri yang mendapat kanser, dia dapat rawatan di Amerika, di Singapura kerana dia ada wang. Itu kita pun mengalu-alukan kerana jangan menjadi masalah kekurangan pakar perubatan lebih rumit lagi di negara ini tetapi kalau orang miskin, orang biasa kalau dia mendapat kanser apa hendak buat? Tidak boleh pergi ke hospital swasta?

Jadi, kalau boleh kita pun berdoa supaya orang miskin jangan sakit tetapi tidak boleh, Tuhan pun tidak buat begitu. Jadi, yang penting ialah kalau kerajaan ini betul-betul prihatin dan penyayang dia mesti menyediakan doktor, jururawat dan juga hospital yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kerajaan memberitahu mengapa menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bahawa duit kita ada, kalau duit ada mengapa masalah tidak dapat dibereskan? Apakah sebabnya? Saya rasa ini ada kena mengena dengan kapasiti pelaksanaan kementerian. Yang Berhormat bagi Santubong cuba mengatakan ini adalah kerana sikap kakitangan kerajaan tetapi siapakah yang mengawal kerja kakitangan kerajaan? Memang menteri-menteri. Jadi, menteri-menterilah yang tidak menjalankan kerja dengan baik.

Ini bukan satu prestasi yang cemerlang, gemilang. Ini prestasi yang kurang cemerlang, tidak boleh mendapat kenaikan pangkat cemerlang. Bukan sahaja kekurangan anggota polis, doktor dan jururawat tetapi terdapat juga kekurangan guru sama ada di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan sekolah rendah kebangsaan, semua jenis sekolah ini kekurangan guru. Kekurangan ini sudah wujud belasan tahun bukan semalam, bukan tahun lalu – belasan tahun, puluhan tahun tidak dapat bereskan masalah yang begitu *fundamental*, begitu asas dan pokok.

Sekali lagi anak-anak orang miskin yang terjejas – merekalah yang terutamanya terjejas. Sistem pelajaran sekarang ialah hanya mereka yang kaya ada *advantage*, kalau keluarganya kaya walaupun sekolah dia kelasnya besar dan guru tidak mengajar dengan baik, dia boleh pergi tuisyen tetapi kalau anak-anak orang miskin bagaimana dia hendak pergi tuisyen? Dan kalau dia tidak pergi tuisyen dia tidak akan mendapat keputusan yang baik, dia tidak boleh pergi ke sekolah yang baik dan tidak boleh pergi ke universiti. Sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional ini mengetepikan keutamaan orang miskin dari segi tidak menyediakan kemudahan perubatan dan juga pendidikan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja guru tidak cukup, sekolah dan bangunan sekolah pun tidak cukup. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua cukup faham dengan masalah ini. di Johor Bahru kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina begitu serius, sudah berpuluh-puluh tahun masalahnya tidak juga selesai. Sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil juga kekurangan, banyak sekolahnya dalam keadaan yang begitu sedih. Kita dapat membina hospital yang canggih tetapi kita tidak boleh membina klinik yang cukup, kita boleh membina KLIA dan Putrajaya yang canggih tetapi kita dapat menyediakan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil yang cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Puan Chong Eng:** Ramai Menteri MCA juga mengatakan sekarang *a value of the Mandarin* sudah naik kerana ekonomi negara China merupakan satu ekonomi yang besar di dunia tetapi di dalam negara ini polisi dan dasar kerajaan terhadap bahasa Mandarin tidak berubah, terhadap sekolah rendah jenis kebangsaan tidak berubah. Kerajaan tidak menghargai sumbangan sekolah-sekolah ini, oleh sebab itu sekolah-sekolah ini tidak mendapat cukup peruntukan. Kerajaan rela memberi dana, bantuan kepada peniaga-peniaga melalui TEKUN dan dana-dana yang lain tetapi tidak memberi peruntukan untuk kemudahan yang asas.

Kita juga kekurangan kakitangan di Pejabat Kebajikan Masyarakat di mana jabatan ini bertanggungjawab untuk menjaga orang yang kurang bernasib baik, mereka yang kurang berupaya tetapi kakitangan tidak cukup. Jadi kita menyediakan bangunan yang besar yang kita banggakan tetapi tidak ada kemudahan untuk golongan yang kurang upaya, yang kurang bernasib baik ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Puan Chong Eng:** Kemudahan jalan keluar untuk mereka, mana ada? Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menegaskan di sini ialah keupayaan pelaksanaan kerajaan mestilah meningkat dan juga keberkesanan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mestilah diperbaiki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Okey.

**Puan Chong Eng:** Dan juga yang *last* sekali, saya ingin memohon supaya Ketua Audit, *Auditor Department* mengaudit prestasi jabatan-jabatan ini khasnya Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kesihatan kerana kedua-dua kementerian ini menjaga kepentingan orang ramai yang begitu penting sekali khasnya mereka yang miskin dan kurang bernasib baik. Jadi saya rasa tidak guna kita mempunyai katakana kita ada duit, kita ada perancangan yang baik tetapi tidak dapat melaksanakan semua rancangan ini. Jadi saya rasa ini bukan satu kerajaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang tetapi kerajaan yang tidak lulus dalam peperiksaan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, Jerai dahulu.

**11.17 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum, selamat pagi, wan an, vanakam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, 15 minit Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 15 minit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bagus tu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bangun untuk menyokong perbelanjaan tambahan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memanglah di Dewan ini kita memohon sesuatu, mengetengahkan kehendak-kehendak rakyat sama ada dari pembangkang atau kerajaan, kerana ini adalah amanah dan tanggungjawab kita. Akan tetapi kita juga kena mengkaji dan melihat kemampuan pihak kerajaan, kemampuan kakitangan dan sebagainya. Mungkin kita boleh memohon kepada kerajaan supaya mempertingkatkan lagi jentera kerajaan, mengemaskinikan lagi pentadbiran kerajaan supaya ia akan dapat mencapai matlamat untuk menyenangkan rakyat yang telah memberi kepercayaan kepada kerajaan.

Saya ingat pegawai-pegawai kerajaan pun tidak ada kompelin setakat ini kerana sama ada guru, sama ada pegawai kerajaan yang tinggi atau rendah, mereka telah diberi ganjaran yang begitu baik sekali kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain yang merdeka lebih lama daripada kita. Kita baru 47 tahun merdeka tetapi kita dapat lihat mutu hidup kita telah tinggi walaupun masih banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk pembangunan-pembangunan pendidikan di luar bandar dan sebagainya.

Jadi ini memerlukan satu percambahan pemikiran daripada pegawai-pegawai kerajaan, daripada wakil-wakil rakyat dan daripada seluruh penduduk supaya memahami bahawa apa yang hendak dilakukan oleh kerajaan ini adalah untuk kebaikan mereka kerana kerajaan adalah kerajaan demokrasi. Apabila sampai waktu dan ketika, kita akan menyerahkan kuasa kepada rakyat untuk menentukan kerajaan yang akan meneruskan pentadbiran negara kita ini ataupun menguruskan negara kita ini. Dan telah terbukti dan ternyata bahawa sejak kemerdekaan, Perikatan dan Barisan



Nasional dipilih untuk rakyat. Tidak pernah ditolak oleh rakyat. Kita terus memimpin dan mentadbirkan negara ini untuk kebajikan dan kebaikan rakyat.

Ini adalah di atas prestasi wakil-wakil rakyat, prestasi Kabinet – Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan sebagainya untuk memastikan harapan dan janji kerajaan kepada rakyat untuk membangunkan negara kita ini mencapai matlamat dan sasarannya. Pihak pembangkang pun kena sedar bahawa yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk kebaikan mereka juga. Kerajaan tidak pernah menafikan walaupun kaum itu menentang kerajaan, keluarganya menentang kerajaan, dari segi peluang pendidikan, pekerjaan dan sebagainya, mereka sama rata. Tidak ada dalam borang temu duga itu sama ada kamu ini menyokong Barisan Nasional ataupun menyokong pembangkang, ataupun ahli parti pembangkang atau tidak. Ini adalah kerana kita beri kepada semua rakyat kerana kita anggap rakyatlah yang membentuk kerajaan. Bukan dalam borang itu dia kata ahli apa? UMNOkah, DAPkah, KeADILan – tidak ada. Jadi sekarang ini semua rakyat Malaysia dapat.

Saya mencadangkan kepada puan kita tadi daripada apa? 'Bukit Tajam'. Bukit Tajam supaya ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Dua yang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bagi sahabat saya Kalabakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalabakan, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti ya. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Seputeh]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Yang Berhormat, tadi kalau tidak silap saya dalam Dewan ini Yang Berhormat ada telefon - kebakaran. Jadi apa arahan-arahan, tindakan Yang Berhormat yang sudah diberi. Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Eloklah kalau 'Bakan' tanya fasal kebakaran. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab. Telefon saya 24 jam *on the line*. *Anytime you call me*. Hatta

dalam keadaan saya sedang dilamun mimpi yang enak-enak, apabila telefon berbunyi, saya akan menjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi Yang Berhormat ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ... kerana saya takut ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dalam Peraturan kata tidak boleh ganggu orang lain semasa bercakap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak mengganggu Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mengganggu. Dalam Peraturan Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bahawa seseorang itu tidak boleh menggunakan telefon di dalam Dewan yang mulia ini. Peraturan ini dibuat cukup lama. Masa itu belum ada *handset* lagi. Jadi kita kena gubal balik Peraturan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi, ada yang 'lain-lainnya'. Yang lain-lainnya itu agaknya termasuklah *handphone*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kadang-kadang kita buka untuk melihat SMS. Macam tadi Tuan Yang di-Pertua, dia tidak nampak saya buka telefon untuk dengar apa lagi perancangan saya hari ini, bukan saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi saya terima telefon mengenai satu kebakaran di Gurun dalam kawasan saya, jadi saya susah hati. Sebagai wakil rakyat, saya kena memastikan orang-orang yang terlibat dalam kebakaran ini di mana mereka tidur, di mana mereka makan, apa akan jadi kepada mereka, di mana anak-anak mereka [*Disorak*]. Ini tanggungjawab saya. Bukan macam pembangkang dia kata, "*Saya tidak ada peruntukan. Kami pembangkang hanya membangkang*". Tetapi yang masuk itu apa? Duit, elaun, tuntutan! Ketua Pembangkang - semua dapat.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti, nanti. Kasi yang ini. Yang apa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Seputeh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal dia pakai baju merah hari ini lambang bendera Malaysia.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Jerai. Tadi Jerai kata kerajaan juga adil kepada mereka termasuk penyokong parti pembangkang dan juga anggota parti pembangkang. Jadi saya hendak tanya, kenapakah kami di sebelah sini tidak mendapat peruntukan pembangunan RM1 juta setahun seperti apa yang di....  
*[Disampuk]* Kerana peruntukan ini hanya diberi kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja. Bukankah ini satu bentuk penganiayaan, ketidakadilan dan juga diskriminasi terhadap penduduk-penduduk di kawasan parti pembangkang? Apakah pandangan Jerai, adakah Jerai sokong bahawa peruntukan ini juga harus diberi kepada pihak sini supaya menunjukkan kerajaan adil kepada semua orang.

**Beberapa Ahli:** Sokong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nasib baik saya tidak jadi Menteri lagi. Kalau saya jadi Menteri saya jawab lagi baik daripada sekarang. Yang Berhormat, anak di rumah disusukan dahulu, anak sendiri perlu dijagakan dahulu, barulah kita susukan anak-anak kera semua.

**Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Anak-anak ini kembang. Ini peribahasa. Kemudian Yang Berhormat kena fikir...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak bagi Bukit Mertajam?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya masa tidak cukup Yang Berhormat tetapi tak apalah, tak bagi dululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak bagi. Dah bagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Walaupun peruntukan tidak bagi kepada Yang Berhormat, kawasan Yang Berhormat mendapat pembangunan yang lebih baik, lebih canggih.

**Puan Chong Eng:** *[Masih berdiri]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa ini? Dua-dua mahu serang saya? Pagi ini nasib saya baik, wanita serang saya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan ucapan Yang Berhormat bagi Jerai. 'J e r a i', bukan 'c e r a i'. Jerai. Dia berkata bahawa ini negara demokrasi. Rakyat memilih kerajaan. Dalam sistem demokrasi bahawa semua rakyat adalah sama rata – tidak kira dan parti pembangkang merupakan sebahagian daripada sistem ini. Jadi tidak ada kata dengan peribahasa beliau bahawa anak sendiri atau anak orang lain kerana ini semua anak Malaysia!

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya kata, Yang Berhormat pun ada anak. Ada anakkah?

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Anak Yang Berhormat ... *[Disampuk]* Duduklah Yang Berhormat. Bukan maksud saya macam ini. Itulah Yang Berhormat dia cepat mahu membangkang. Saya kata apa kita buat pun. Maksud saya, anak-anak kita ini dijaga dahulu, yang lebih-lebih itu kita bagi. Tidak pernah kita menyekat. Macam saya kata, dalam kemasukan ke universiti, kemasukan ke sekolah kita tidak memilih sama ada dia anak DAP, anak penyokong PAS, semua masuk universiti. Sebab itu universiti kadang-kadang ada yang memihak kepada pembangkang – PAS dan sebagainya. Jadi yang ini yang Yang Berhormat kena memahami bahawa kuota itu adalah hak sebagai bumiputera di dalam negara ini termaktub dalam Perlembagaan. Yang Berhormat jangan pertikaikan Perlembagaan Negara. Saya kalau usik yang itu, saya marah.

Dalam Perlembagaan Negara yang telah dipersetujui oleh datuk nenek kita dahulu bahawa hak-hak orang Melayu harus dipelihara dan bertolak ansur semasa kita di dalam Dewan ini. Jangan bangkitkan isu-isu yang sensitif ini Yang Berhormat. Saya belum bersarapan pagi lagi ini.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti Yang Berhormat susah saya kerjakan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah, Batu Gajah. Yang Berhormat Jerai, Batu Gajah bangun. Hendak bagi?

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, ikut peraturan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Yang Berhormat sekalian. Saya ada 15 minit sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kasi, kasi, kasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah, dia tidak bagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperjelaskan...

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kemaman. Kemaman bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kemaman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, okey. Itu kawan saya.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi tentang anak dahulu patut disegerakan. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi pembangunan yang telah dicurahkan oleh kerajaan misalnya KLCC, bangunan yang terancang, yang terhebat di dunia, dibuat di kawasan DAP – di tengah-tengah bandar, kemudahan yang terbaik. Kalau kita lihat dari segi kurangnya kemiskinan lebih di kawasan bandar. Kawasan di Bukit Bintang, kawasan Ipoh Barat, kawasan Seputeh, kawasan-kawasan yang dikuasai oleh DAP sekarang ini dari segi kepimpinan Parlimennya.

Sekarang ini nampaknya bercanggah dengan konsep anak dahulu itu, anak sendiri didahulukan. Jadi sekarang ini mereka saya rasakan permintaan diberikan peruntukan yang sama kepada mereka adalah permintaan yang sangat lebih. Sangat keterlaluan kita katakan. Sepatutnya apa yang ada di sana, peruntukan baru patut ditarik diberikan di tempat-tempat seperti di Jerai, Machang, di tempat-tempat yang perlukan perhatian dan pembangunan yang sangat diharapkan oleh rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itulah Yang Berhormat, kadang-kadang ....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia orang kadang-kadang ini jadi Yang Berhormat tetapi mata dia orang kelabu, tidak nampak benda yang elok-elok di hadapan. Kalau kita hendak naik rumah orang Yang Berhormat, kita naik dari pintu depan jangan naik dari pintu belakang. Kalau naik dari pintu belakang itulah nampak parit, nampak jambannya, nampak semua. *[Diganggu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita naik, kita pergi depan, nampak yang elok-elok. Ini kawasan-kawasan DAP – Cheras dan sebagainya semua ada bagi. Apa mahu? Klinik bidan ada berapa?

**Cik Fong Po Kuan:** Minta, minta penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jerai, Jerai. Sini, sini.

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal apa tidak mahu, sudah bagi duduklah elok-elok.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menjerit]* Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Lim Hock Seng:** Pak Jerai, Pak Jerai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ha, takut ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, kasilah, kasihanlah, kasihanlah. *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kemaman, biar kita jangan berfikiran ekstrem *and third world* punya *mentality*. Yang pentingnya ialah Yang Berhormat bagi Jerai setuju atau tidak, tidak boleh kita beza-bezakan anak sendiri dahulu, ini anak orang luar kemudian. Sebab semua ini rakyat Malaysia yang mengundi pembangkang juga membayar cukai yang sama peratusannya. Satu. Ini seolah-olahnya menafikan peruntukan untuk wakil rakyat kawasan pembangkang. Ini menunjukkan tidak menghormati keputusan pilihan raya dan pilihan orang ramai.

Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Jerai tarik balik kata-kata tadi. Itu amat merbahaya. Ini saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan setuju dengan kata-kata Yang Berhormat tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Kemaman, saya haraplah jangan begitu berfikiran ekstrem. Siapa yang lebih faham masalah kawasan kalau bukan wakil rakyatnya. Saya haraplah Yang Berhormat bagi Jerai pergi cuci-cuci sedikit ini pemikiran, itu *third world mentality*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Batu Gajah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat laluan tetapi Yang Berhormat jangan menyakiti hati saya. Saya tidak menyakiti hati Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu, kadang-kadang seorang ibu, kita suap nasi di tepi jari ibu itu digigit. Adakah itu anak yang baik. Itu anak yang menderhaka. Anak yang mengkhianati, macam pembangkang. Jadi, macam mana. Apa sahaja kerajaan buat tidak betul, itu tidak betul, ini tidak betul. Jadi, kerja pembangkang membangkang, walaupun yang betul sedangkan rakyat telah buat keputusan 90% menyokong Barisan Nasional. Apa yang kita mahu ialah rakyat, bukan kita mahu dia pembangkang, rakyat yang menentukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kuasa demokrasi diserahkan kepada rakyat dan rakyat yang menentukan kebijaksanaan kerajaan. Jadi, kalau rakyat menolak bermaknanya rakyat tidak terima.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi kepada siapa, Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi 90% rakyat menerima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat sudah hendak habis, ada tiga yang bangun, adakah hendak bagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...Barisan Nasional. Ya?

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam! Kebenaran belum dibagi, sila duduk!

**Seorang Ahli:** *Point of order.*

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam sila duduk!

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Duduklah, duduk! Ini Tangga Batu. Tangga Batu duduk di tengah-tengah bagus, jangan takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Speaker, Yang Berhormat bagi Jerai, apa yang kita hadapi tadi sebenarnya adalah masalah kefahaman kepada peribahasa. Orang Jepun ada sebut, *[Bercakap dalam bahasa Jepun]* orang Jepun kata, "Kalau kita hendak bercakap tentang sesuatu itu kita kena faham betul-betul apa yang kita hendak cakapkan." Yang Berhormat bagi Jerai maksudkan, "Anak sendiri diketepikan, kera di hutan disusukan" maknanya, lebih kurang maksudnya kalau ada apa-apa masalah kita selesaikan masalah dalaman dahulu, selesaikan diri kita dahulu, kemudian baru kita tolong orang di luar dari kita. Kalau kita tidak selamatkan diri kita macam mana kita hendak selamatkan orang. Jadi, faham dahulu maksud peribahasa itu secara mendalam. Kalau tak faham mengaji dapatkan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Jerai sudah makan 32 minit. Ramai lagi hendak berucap ini. Terima kasih Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya hendak suruh habiskan. Jerai sila gulung, habiskan.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, *World Cup* pun ada masa kecederaan. Okay Yang Berhormat, jadi okaylah sudah, kita tak usah gaduhlah pagi-pagi. Okay Yang Berhormat, saya ingin kembali bahawa melihat tugas dan tanggungjawab wakil rakyat yang begitu berat. Saya melihatkan supaya wakil rakyat kita bertanggungjawab, kadang-kadang macam saya kata membakar diri. Hari ini saya ingin menyuarakan sedikit tentang tangisan seorang wakil rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baru nak mula ini.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, cukuplah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, macam mana. Sekejap, bagi saya sedikit masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, kita minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setengah minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setengah minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setengah minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ingin melihat, kadang-kadang, ini saya hendak menerangkan bahawa kami sebagai orang-orang yang membuat dasar di Dewan ini, kadang-kadang kedudukan kami sendiri pun tidak terjamin. Kami berada diumbang-ambing sama ada kategori kami ini di mana – JUSAKah, di bawahkah, di manakah kedudukan kami sebagai wakil rakyat. Kadang-kadang dari segi protokol kami ini di belakang, sedangkan kami ini adalah wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, yang di hadapan itu orang lain. Kami tidak berkecil hati tetapi saya minta supaya kerajaan mempertimbangkan kedudukan kami sebagai wakil rakyat supaya kita dapat memastikan wakil rakyat ini diberi kedudukan dan maruah terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terima kasih Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Sambil menunjuk poster bergambar seorang bekas wakil rakyat]* Saya tengok nasib wakil rakyat di Negeri Sembilan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .... sekarang ini berniaga teh tarik....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat!

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....setelah berpencen dari wakil rakyat.

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat 43. Ini keputusan Tuan Speaker sudah buat, panggil Yang Berhormat bagi Jerai cukuplah. Kalau Barisan Nasional boleh tak payah cakap banyak dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Yang Berhormat!

**Cik Fong Po Kuan:** Saya haraplah Peraturan Mesyuarat 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila duduk. Yang lain-lain sila duduk. Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kadang-kadang Yang Berhormat ini mulut macam mulut murailah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...pot-pet...pot-pet...pot-pet...pot-pet...pot-pet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon tarik balik. Ini tak menghormati, ini kata-kata tak menghormati.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dah tak boleh bercakap tak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan!

**Puan Chong Eng:** Tadi, Yang Berhormat bagi Jerai mengata bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Peraturan berapa?

**Puan Chong Eng:** Peraturan Mesyuarat 36(6). Itu berniat jahat dan merupakan satu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa yang dia cakap?

**Puan Chong Eng:** ..serangan peribadi. Dia berkata, "Yang Berhormat bagi Batu Gajah mulut murai". Ini adalah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mulut murai biasa.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Speaker, dia bukan kata Batu Gajah, dia kata, "murai".

**Puan Chong Eng:** Dia memang tuju kepada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Okay, sila Kuala Terengganu.

**Puan Chong Eng:** Tuan Speaker, apakah *ruling* Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** "Mulut murai" biasalah kita guna.

**Puan Chong Eng:** Ya, kita kata Tuan Yang di-Pertua pun "mulut murai", bolehkah.

**Tuan Razali bin Ismail:** "Mulut murai" bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Kuala Terengganu, yang lain sila duduk.

**11.37 pagi.**

**Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Razali bin Ismail:** Ya. Untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan gerakan kita untuk maju ke hadapan, *the way forward* dalam usaha kita, [*Dewan riuh*] bergerak ke hadapan dan menangani cabaran-cabaran semasa dalam era global ataupun era globalisasi ini yang memerlukan seluruh rakyat dan warga di Malaysia ini sentiasa awas, mengawas diri kita seperti mana yang pernah disebut oleh nenek moyang kita, "Jika duduk meraut ranjau, jika tegak meninjau jarak," membawa maksud bahawa kita hendaklah sentiasa waspada dan siap siaga dalam kita menempuh cabaran-cabaran global yang penuh dengan izin, *adversity* dan *diversity* itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarik perhatian kita bahawa di bawah RRJP3 2001-2010, menganjurkan bahawa supaya kita bergerak daripada p-ekonomi kepada k-ekonomi, daripada *production economy* kepada *knowledge economy*. Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian terutamanya semua Ahli Dewan dan juga pegawai-pegawai di luar sana dalam usaha kita untuk membawa perubahan-perubahan ke

hadapan, *the way forward* ini kita harus memberi keutamaan kepada menjana, mengembangkan, memugar, membina, dengan izin, *k-stock* yakni *knowledge stock* itu. Kerana dalam dunia hari ini sesiapa yang memiliki *k-stock* yang besar, dia akan menjadi yang berkuasa, *the winner*, dengan izin, dan tanpa *k-stock* ini kita akan menjadi *the loser*.

Yang mendukacitakan kita sekarang ini bahawa dalam membina *k-stock* ini kita memerlu warganegara Malaysia ini banyak membaca, tetapi akhir-akhir ini kita dengar pula satu gerakan membaca terpaksa diadakan. Kenapalah kita ini sangat culas untuk membaca. Satu persoalan yang harus kita fikirkan bersama dalam usaha kita untuk membina, menjana *k-stock* ataupun *knowledge stock* ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting kepada kita selain daripada kita menjana ilmu dan menjana *knowledge stock* ini, kita juga harus memanfaatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Tangga Batu.

**Tuan Razali bin Ismail:** Jangan lama sangat, saya ada 15 minit sahaja ini.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, apakah hari ini masyarakat mempunyai tanggapan yang membaca itu adalah merupakan satu *investment* yang akan memberikan ruang kepada kita untuk *return on investment (ROI)* yang begitu tinggi. *[Mengajuk nada suara Kuala Terengganu] [Ketawa]* Adakah kesedaran kepada masyarakat kita pada hari ini tidak boleh melihat jauh dan sebenarnya membaca itu adalah merupakan satu pelaburan yang bakal memulangkan satu pulangan yang tinggi kepada kita. Silakan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Tuan Razali bin Ismail:** Memang pun itu akan membawa kepada *return on investment (ROI)*, sama ada kepada Yang Berhormat sendiri *ROI personal* dan *private* dia hatta kepada ROI yakni, *as return on investment* kepada sosialnya, masyarakat. Sebenarnya saya menyentuh kepada dua aspek yakni memugar budaya ilmu itu kepada diri kita sendiri dan sekali gus juga memugar budaya ilmu itu dalam konteks masyarakat kita secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia sekarang ini kita perlu banyak menekankan kepada aspek...

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ismail:** Nanti dahululah saya hendak bercakap, biar habis dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** Belum bagi lagi, saya ada 15 minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tengah *feeling good*.

**Tuan Razali bin Ismail:** Yang ini, yang banyak kita tekankan sekarang ini adalah dari segi *brain power* kita, bukan dari segi *the muscle power* kita, yakni bagaimana kita memanfaatkan kemahiran berfikir aras tinggi yang disebut juga dengan izin, *high order thinking (HOT)* dan ini harus dimainkan oleh Kementerian Pelajaran kita, untuk kita memberi latihan-latihan yang bersifat kreatif, kritis, inovatif yang merupakan perkara-perkara yang cukup penting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kita memugar segala potensi-potensi berfikir inilah maka kita boleh mempertingkatkan *production capacity*, dengan izin, yakni *production capacity* ini cukup penting untuk kemudiannya kita menghasilkan bahan-bahan, sumber-sumber produksi yang bernilai tambah.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ismail:** Nanti dahululah, selepas ini you cakap balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Aman dia tidak bagi.

**Tuan Razali bin Ismail:** Yang bernilai tambah. Selain daripada itu juga dengan kita memberi penekanan untuk menambah *production capacity* itu ia memberi kesan pula kepada penambahan dan juga gerakan ke hadapan dalam konteks pembangunan ekonomi negara. Dalam konteks kita akan memperbaiki proses dan juga untuk kita memperkenalkan produk-produk baru. Maknanya ini adalah merupakan cabaran yang besar kepada kita sekarang ini, yakni dari segi prosesnya, peningkatan proses, *value added process*, dengan izin, kepada produk dan juga kepada hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan supaya kita memikirkan kembali tentang ciri-ciri yang disebut dalam RRJP3, 2001-2010 iaitu dalam usaha kita melahirkan pekerja berpengetahuan ataupun dengan izin, bahasa Inggeris *knowledge based economy (KBE)*. Dalam RRJP3 yang memberi cacatan kepada kita tentang cabaran dua belas perkara. Dalam konteks perubahan ke hadapan ini, *moving*

*forward* ini saya kira kita perlu meninjau kembali, menghisab, melakukan *gap analysis*, setakat manakah keduabelas cabaran itu telah mencapai hasratnya.

Cabaran yang pertama, iaitu melahirkan warga yang berpengetahuan luas dan mendalam. Bukan sekadar luas *base* ilmunya itu, tetapi pula ada aspek kedalaman dari segi ilmunya itu. Dan ini saya tarik perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pelajaran sekarang. Dalam konteks Bangsa-bangsa Bersatu, fungsi Kementerian Pelajaran harus dijuruskan kepada yang pertama, *learning to know*, dengan izin, belajar untuk tahu. Tetapi bukan belajar untuk tahu sahaja.

Yang keduanya, ialah *learning to do*, belajar untuk berbuat. Tidak guna tahu tetapi tidak boleh buat. Kadang-kadang orang banyak bercakap, tetapi dari segi pelaksanaan tidak ada. Visinya ada tetapi pelaksanaannya tidak ada, hanya merupakan satu mimpi sahaja.

Yang ketiganya, selain daripada *learning to do*.

Yang keempat, nya ialah *learning to be*, belajar untuk menjadi – menjadi manusia, menjadi orang yang boleh memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara kita.

Yang kelimanya, fungsi harus dipegang kuat-kuat oleh Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi ialah *learning to live together*. Negara Malaysia yang berbilang kaum ini tidak dapat maju mengorak langkah ke hadapan, *moving forward*, tanpa kita belajar untuk hidup bersama, *learning to live together*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang disebut dalam RRJP3 ialah kemahiran yang berfikir peringkat tinggi, dengan izin, *high order thinking (HOT)*. Dalam konteks ini kita perlu beralih daripada pengajaran-pengajaran yang bersifat rendah persoalannya, tidak mencabar pemikiran anak-anaknya. Dalam konteks ini juga guru-guru yang mengajar harus dipertingkatkan kemahiran-kemahiran berfikir ke peringkat tinggi.

Yang keenamnya, ialah kaya dengan bakat, kebolehan dan daya cipta. Dalam konteks ini juga saya kira Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan harus memberi perhatian yang serius dalam usaha memugar segala bakat-bakat seni sebab kehidupan kita tidak akan stabil sekiranya pembangunan-pembangunan insan itu, pembangunan-pembangunan diri itu, *the psychological factor, the emotional intelligent* dan *intelligents* yang lain itu tidak dapat dipugar bersama. Dalam konteks ini saya ingin

tarik perhatian Kementerian Pelajaran untuk memberi keutamaan kerajaan *multiple intelligent*.

Seterusnya, yang keempat ialah dari segi mobiliti. Semalam saya timbulkan persoalan tentang GLC, yakni kita perlu berganjak .....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Henry Sum Agong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Tiga yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** Sabar dululah, biarkan saya sudahkan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri, Yang Berhormat. Sila duduk.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Henry Sum Agong:** Minta, minta.

**Tuan Razali bin Ismail:** *Please.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus, Yang Berhormat. Terus.

**Tuan Razali bin Ismail:** Mobiliti di sini memerlukan kita beranjak daripada konteks *local* kita, agar kita dapat berada di pentas global dan sebab itulah saya sebut semalam, kita perlu menjadi global *player, a niche player*, dengan izin. Dalam konteks inilah saya sebut semalam GLC harus memberanikan diri kita.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum beri lagi, Yang Berhormat. Dia sudah beritahu.

**Tuan Razali bin Ismail:** ... untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ismail:** ....yang begitu kompetitif untuk membolehkan kita menyemai dan memugar potensi daya suai, daya saing, daya tahan dan daya tahan berdiri lama. Beri peluang seminit. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Labuan, sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain, sila duduk.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Kalau Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu berucap memang terpegun, dengan ungkapan-ungkapan bombastik beliau, kita semua memang terpegun. Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Terengganu, dengan ungkapan-ungkapan bombastik beliau itu, dengan cara, *the way forward* yang beliau kemukakan sebentar tadi, apakah perkara ini mungkin berlaku dengan adanya ketidakseimbangan.

Seperti beliau katakan tadi Rancangan Jangka Panjang 3, ada 12 cabaran. Bagaimana kita hendak merealisasikan penjelasan Yang Berhormat bagi Terengganu, *the way forward* ini, bila mana ketidakseimbangan di antara bangsa Melayu, bumiputera dengan bukan bumiputera masih berterusan, seperti Yang Berhormat bagi Beluran katakan kelmarin, untuk anak sekolah, sampai ke sekolah pukul dua pagi bertolak dari rumah, baru sampai sekolah. Bagaimanakah perkara ini pada pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Razali bin Ismail:** Terima kasih banyak, inilah merupakan persoalan kita. Yang saya kemukakan adalah merupakan fundamental yang disebut dalam RRJP-3. Kita harus membuat gap analisis, sejauh manakah, *the expected targeted result*, dengan izin, dengan *the current reality*, realiti semasa. Di antara keduanya itu timbul permasalahan dari segi gapnya, bagaimana pula pengisiannya? Dalam konteks inilah kita harus berbincang bersungguh-sungguh, bagaimanakah kita hendak memastikan *the gap between the ETR, the expected target result* yang telah saya sebutkan itu, dengan izin, realiti semasa.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** [Bangun]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua Ahli bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** Sabar dululah, *let me finish first*. [Ketawa] Sudah banyak bercakap, nanti dahulu.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum beri, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** Seterusnya ialah kemampuan kita menggunakan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, sila duduk, Yang Berhormat. Dia tidak beri.

**Tuan Razali bin Ismail:** ....teknologi secara optimum. Setakat manakah sekarang ini sistem pendidikan kita ataupun agensi-agensi lain yang memainkan peranan dalam *multimedia super corridor* dapat mengetengahkan teknologi secara optimum. Apa yang saya bangkitkan ini adalah jelas terdapat, tercatat dalam RRJP-3, cuma tinggal lagi sekarang ini, kita harus membuat tinjauan separuh penggal untuk kita melihat di mana kita berada, untuk kita membuat *re-correct*, pembetulan, pembaikan di mana yang boleh kita lakukan, seterusnya, mencipta, menyesuaikan, menyebarkan pengetahuan baru.

Setakat manakah kita dapat bersaing dalam pentas global ini dengan memberi pemikiran, idea-idea kreatif, inovasi yang boleh membawa anjakan-anjakan yang begitu jelas. Ini adalah merupakan satu cabaran kita, dalam dunia global kita perlu inovatif, banyak idea, banyak kemahiran, perlu memiliki apa yang disebut sebagai *DA factor*, *Differential Advantage Factor*, *the niche player*, dengan izin, yang kita sebut.....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ismail:** Nanti dahulu, belum habis itu. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita juga harus memberi penekanan yang serius kepada warga kita yang berkelayakan akademik dan teknikal yang tinggi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua Ahli bangun, Yang Berhormat. Dua orang bangun, hendak beri atau tidak beri, Yang Berhormat?

**Tuan Razali bin Ismail:** Tidak beri lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila duduk, dia tidak beri. [Ketawa]

**Tuan Razali bin Ismail:** Sebab 15 minit lagi. Saya ada berapa minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** Okey, sila gulung sudah, jadi tidak ada peluang. Seterusnya Ahli Yang Berhormat ialah supaya kita dapat mempunyai kepelbagaian kemahiran, sekali lagi *multiple intelligence*, kemahiran kita dan *intelligent* kita sama ada, kalau hendak berucap di sini pun kita perlu memiliki *verbal intelligence*. Kita perlu mengasah bakat-bakat, *verbal intelligence*, *spiritual intelligence*, *emotional intelligence* dan semua ini merupakan satu pakej yang harus kita gemburkan, suburkan dalam diri pelajar-pelajar dan juga warga kita.

Seterusnya, berpengetahuan menggunakan ICT dan mengamalkan nilai etika kerja yang positif. Dalam konteks ini saya ingin bercakap tentang *moving forward*, setakat manakah kita berada, menyemak kembali. Saya kira peruntukan-peruntukan yang diberi itu adalah wajar.....

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri Yang Berhormat, masa dia sudah hendak habis.

**Tuan Razali bin Ismail:** Hendak simpullah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, simpul, gulung.

**Tuan Razali bin Ismail:** Kesimpulan saya bahawa dalam kita melihat ke hadapan, ini adalah merupakan satu perkara yang penting, *the future is full of mystery*, dengan izin, *the past....[Disampuk] 'past'*, yang lalulah.....

**Seorang Ahli:** Global.

**Tuan Razali bin Ismail:** *The past is history*. Ejanya, *p-a-s-t*. Kalau PAS pun betul juga, barangkali. PAS pun betul jugalah. *The past is history, the future is a mystery*. [Disampuk] Oleh hal yang demikian, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** ....kita juga memikirkan, *the way forward*, iaitu kita menempuh satu era ke hadapan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ismail:** .... Yang penuh dengan cabaran, *the uncharted zone*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**11.51 pg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Agak kontras sedikit dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama bagi menyokong wang tambahan sebanyak RM6 bilion ini, tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga dengan sahabat-sahabat saya di Parlimen ini kerana boleh dikatakan semua yang bangun membahaskan peruntukan ini menyentuh tentang kemiskinan, tentang kemiskinan tegar dan soal pembangunan yang tercicir.

Memang tidak dapat kita nafikan bahawa kita adalah sebuah negara yang ke depan dari segi pembangunan. Kalau hendak diperbandingkan dengan negara-negara membangun yang lain, memang kita terdepan, hebat. Tetapi di samping kehebatan-kehebatan pencapaian-pencapaian segala kemajuan dan pembangunan yang membanggakan ini, maka dicelah-celah pembangunan dan kemajuan ini terdapat keciciran yang begitu mengharukan, yang begitu terasa, menyusuk di sanubari kita.

Saya berharap rintihan-rintihan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini, dapat kiranya mengubah pendekatan-pendekatan yang harus kita lakukan untuk mengubah segala ketempangan-ketempangan yang masih wujud di dalam negara kita ini agar keadilan sosial bagi negara ini dapat benar-benar dirasakan oleh seluruh rakyat. Memang kita bangga mempunyai bangunan kembar yang tertinggi di dunia, kita bangga. Tetapi, apakah kita tidak sedih anak yang belajar di Sabah, Sarawak pukul 2 pagi turun rumah untuk sampai ke sekolah pada pukul 7 pagi?

Apakah kita bangga dengan pembangunan yang begini hebat tetapi masih ada rakyat kita yang masih tercicir dan tertinggal? Siapakah yang boleh membela mereka? Yang boleh membela mereka ialah kita yang ada di Dewan yang mulia ini. Kitalah, kita yang diberikan kuasa oleh rakyat harus berani melakukan sesuatu perubahan agar segala keciciran ini lekas dapat diperbetulkan.

Kalau kita lihat cara kita membangunkan negara, lima tahun sekali dalam rancangan-rancangan Malaysia. Hari ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, dan mungkin kalau kita hendak bangunkan ini mengikut cara yang sedang kita laksanakan,

mungkin perkara yang berlaku di Sabah dan Sarawak akan dapat diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kelima belas.....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kalabakan bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Maknanya ..... Kalabakan. *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Sri Gading nampak hebat, memang hebat pun. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita sebagai pemimpin, kita masuk kampung, keluar kampung, di pelosok kawasan-kawasan. Kita memberitahu rakyat mengenai Wawasan 2020 di mana kita beritahu bahawa pada tahun 2020 negara ini akan menjadi satu negara yang maju, ini kita cerita kepada mereka. Tetapi jawapan mereka, apa guna jadi negara maju, di luar-luar bandar ini, sekolah dan kemudahan semuanya daif. Di mana tidak ada kemudahan asas yang kerajaan beri seperti persekolahan. Kalau mereka ini mewarisi 2020 dengan buta huruf, apa hasilnya? Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Inilah yang diulang-ulang oleh Yang Berhormat sekalian. Kita harap segala rintihan ini dapat kiranya dikaji semula supaya perkara-perkara yang nampak suatu ketidakadilan ini harus dapat diperbetulkan dengan keberanian kita. Kita mesti bertanya diri kita, sebagai sebuah kerajaan, memang kita telah banyak buat baik kepada rakyat, kita memang telah banyak buat segala kemajuan untuk negara, memang, tetapi kita harus berani bertanya kepada diri kita yang menjadi tonggak kuasa dalam negara ini, bagaimana sebenarnya kita memberikan keadilan kepada seluruh rakyat agar mereka sama-sama tidak tercicir merasai nikmat kemerdekaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh tanya soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jiran Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kinabatangan. Semua soalan itu tidak termasuk dalam masa saya. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat, terima kasih sahabat di sebelah saya, boleh bisik-bisik tetapi tidak guna bisik-bisik, kita mahu ada *transparent*. Persoalan yang saya hadapi iaitu adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, masa sudah tiba untuk kerajaan merencana sesuatu pendekatan

yang boleh berkesan sebab pepatah Melayu ada mengatakan, niat yang baik dan murni tetapi strategi dan perancangan tidak tersusun dan teratur akan dialahkan oleh kemungkaran tetapi perancangan biar teratur. Mungkin niat kerajaan untuk memberi pembangunan secara menyeluruh, seimbang, dengar bunyi sedap tetapi hakikatnya, realiti yang berlaku di peringkat akar umbi, *delivery system* kita dengan izin, tidak sempurna. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan membentuk satu agensi khas untuk melihat bagaimana kemiskinan ini dapat dikurangkan dan boleh dikosongkan sebelum menjelang 2020. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Setuju. Kata orang dan orang yang berkata ini melihat, menilik, kalau hendak satu perubahan yang dapat dilakukan secara menyeluruh ialah masa Yang Amat Berhormat Pak Lah jadi Perdana Menteri, seorang anak ulama yang faham tentang apa yang disuruh oleh agama dan pasangannya, Timbalan Perdana Menteri, anak Tun Razak, negarawan pembangunan negara, dua pasangan ini yang paling ideal kalau hendak buat pembangunan.

Saya bangga Yang Amat Berhormat Pak Lah telah pun menyarankan satu budaya prestasi nasional yang tidak meminggirkan rakyat di desa. Kita mahu pihak-pihak yang merancang negara ini seperti MAMPU, ICU EPU, Perbendaharaan, Bank Negara harus bertukar corak paradigmanya harus ditukar bagaimana pembangunan negara yang sedang kita lakukan ini tidak dapat dicapai dalam waktu yang singkat, mesti perkara-perkara yang tertentu dibuat suatu perubahan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Cameron Highlands.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sekejap, sekejap, nanti, nanti, saya punya matan ini tidak habis lagi. Ketidakadilan, sebuah mentol lampu yang tidak menyala di Kuala Lumpur akan bergegar seluruh negara memperkatakan. Tetapi rumah buruk, reban ayam, rakyat di Sarawak, tidak ada seorang pun yang ambil tahu *[Tepuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sabah tidak sebut?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jalan yang tidak ada di Sabah, tidak ada orang yang hendak ambil tahu. *[Tepuk]* Berlubang sedikit jalan di Kuala Lumpur bagai riuh menteri seluruhnya tetapi tidak ada pembelaan kepada rakyat yang miskin di kampung-kampung. Bila masa ini boleh ditukarkan? *[Tepuk]* Kita harus adil.

Sayidina Umar ibni Khattab sebagai contoh, pikul gandum malam-malam untuk bagi orang miskin makan. Sayidina Umar bukan calang-calang tokoh, kenapa kita yang berkuasa hari ini kita tidak melakukan sesuatu yang dapat mengikut jejak pemimpin yang ulung, untuk membantu rakyat yang miskin dan tertinggal, sampai bila?

Jadi dengan itu saya berharap peruntukan yang paling besar harus diberi kepada agensi kerajaan yang memberikan bantuan secara langsung kepada penduduk luar bandar, penduduk-penduduk miskin. Jangan ....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan kita abaikan penduduk miskin yang di luar bandar kerana sebagai rakyat Malaysia mereka harus merasa nikmat apa yang berlaku dalam negara ini. Hasil mahsul negara ini harus mereka rasai, harus dikongsi bersama, Petronas untung berbilion, kenapa rakyat di Sabah, di Sarawak tidak dapat merasai ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sri Gading, Sri Gading, minta laluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kenapa pembangunan tidak dapat kita selaraskan. Jangan lupa, Kita merdeka tahun 1957, rakyat merdeka tahun 1957, .....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Labuan, Labuan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...Malaysia merdeka tahun 1963, maknanya ada tujuh tahun sahaja jaraknya tetapi pembangunan di Sabah dan Sarawak tinggal 50 tahun ke belakang, kenapa?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Labuan bangun, Labuan, bagi laluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kelantan terpinggir, Kelantan tertinggal, Terengganu terpinggir, Ulu Pahang tertinggal bagaimana rakyat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan peduli parti politik, kita pentingkan rakyat mesti menerima segala pembangunan. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Datuk Sri Gading...

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Labuan, Labuan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Allah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ha Labuan, sila.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Aisey...

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya terpanggil dengan ucapan Yang Berhormat bagi Sri Gading, yang menceritakan kebenaran ketidakseimbangan dengan orang kaya dan orang miskin. Bagaimana nasib orang miskin tidak dipedulikan, bagaimana lampu di Kuala Lumpur bergegar bila rosak tidak diperbaiki. Bersetujukah Yang Berhormat dengan ungkapan-ungkapan Yang Berhormat katakan tadi jika perkara ini akan berlarutan. Kalau tadi Yang Berhormat sebutkan Sayidina Abu Bakar....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sayidina Umar!

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ha Sayidina Umar, bersetujukah Yang Berhormat kalau perkara ini terus dibiarkan dan tidak ditangani, maka akan lahirlah Robin Hood yang akan mencuri dari orang kaya dan memberi kepada orang miskin?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Robin Hood itu saya tidak setuju *[Ketawa]* Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bangga dengan pencapaian, memang kita bangga. Tuan Yang di-Pertua, untuk lanskap kita RM100 juta tetapi sekolah di Sarawak dan Sabah bertiangkan buluh. Hoo! Kita bangga mengeluarkan wang RM100 juta untuk lanskap semata-mata tetapi ada sekolah yang bertiangkan buluh, berlantaikan tanah. Apakah ini satu keadilan? Hoo! *[Disorak]*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sri Gading, .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak makan masih ada, taraf kesihatan rakyat Tuan Yang di-Pertua yang mulia, masih rendah, masih ada rakyat yang buta huruf, masih ada rakyat di Sabah dan Sarawak tidak ada kad pengenalan, pembangunan apa Datuk? Pembangunan apa itu?

Saya rasa ini tidak boleh dibiarkan, kalau kita gunakan kaedah yang ada hari ini, sampai 50 tahun melepasi 2020, Ahli-ahli Yang Berhormat semua sudah mati, saya sahaja yang hidup yang dapat menghadapi mereka, Cameron Highlands, sila. *[Ketawa]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, merah muka, ribut rasa, okay, segala-galanya tempias keprihatinan. Saya begitu terharu dengan emosi yang diluahkan dengan begitu hebat sekali oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Seperti yang dikatakan tadi, saya hendak penjelasan. Walaupun dasar sudah cukup baik dan Parlimen serta wakil rakyat sudah banyak berbicara. Tetapi Yang Berhormat, saya inginkan penjelasan, macam mana kita bising pun, akhirnya orang di bawah, pegawai-pegawai di akar umbi yang menentukan nasib kita. Bagaimana kita boleh memastikan supaya pegawai-pegawai yang melaksanakan segala dasar itu dapat direvolusi, diislahkan ke arah realiti dan juga kebenaran segala yang diperkatakan tadi.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Kita tidak menyalahkan pegawai-pegawai, tetapi dasar kita mesti jelas dan dasar ini dibuat oleh kita yang diberikan kuasa dan ini amanah. Amanah ini harus kita pikul dengan berani, Tuan Yang di-Pertua, keadilan. Rakyat di Kuala Lumpur, saya hendak beri tahu, pembangunan dicurahkan di Kuala Lumpur setiap tahun tidak kurang RM3 bilion. RM3 bilion – sesak jalan, lekas; banjir, lekas; hendak jaga kepentingan dan kesenangan orang bandar raya Kuala Lumpur yang berjumlah tiga juta - RM3 bilion. Tetapi di kampung, di kampung yang penduduknya 100,000, di kawasan Parlimen yang berpenduduk 100,000, kita belanja baru lebih kurang RM100 juta. Maknanya bagi setiap warganegara di Kuala Lumpur dia punya nafkah ialah RM100 juta satu kepala. Kalau satu rumah seramai lima orang, bermakna nafkah yang diuruskan oleh kerajaan bagi penduduk Kuala Lumpur berjumlah RM500 juta. Di kampung yang berpenduduk seramai 100,000 orang, kalau lima orang baru setengah juta ringgit. Tengok perbandingan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** / say Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, you kacau sayalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.



**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat menyokong apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya rasa bukan rancangannya yang tidak baik, kita memang ada rancangan yang cantik seperti saya kata tadi, memang kita ada tanah yang mencukupi tetapi ia adalah disebabkan oleh *execution* yang tidak baik, iaitu kapasiti pelaksanaan yang tidak baik. Jadi yang perlu diperbaiki ialah kapasiti atau keupayaan untuk melaksanakan projek. Sekarang kita perlu mencari jalan macam mana hendak memperbaiki pelaksanaan ini.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang saya hormati, inilah yang saya perkatikan, kita hendakkan peruntukan yang berganda, lebih besar untuk kawasan luar bandar. [*Ahli-ahli Dewan mengiyakan*] Sahabat saya Yang Berhormat bagi Kalabakan semalam dia kata, "Hendak mengubah kemiskinan ini ialah melalui pelajaran". Memang semua orang akan menerima ungkapan ini – hendak mengubah kehidupan seseorang ialah melalui pelajaran tetapi di Sabah, Sarawak mungkin di Kelantan, mungkin di Terengganu, mungkin di Hulu Pahang agaknye ada lagi rakyat yang tidak pergi ke sekolah kerana tidak ada kemampuan.

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Apa kata kita pungut budak-budak ini semua, masukkan dalam asrama, bagi dia pelajaran, bagi dia makan, bagi dia pakaian. Satu masa dulu negara kita didatangi oleh orang-orang Vietnam, orang pelarian puluhan ribu, kita sanggup tanggung kenapa rakyat kita sendiri, kita tidak berani mengatasinya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, ya.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Allah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rintihan saya, menyokong rintihan rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen, hendak mengubah kemiskinan dan keciciran ini kita harus berani, diketuai oleh pegawai-pegawai yang menjadi perancang, insya-Allah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pun telah mengumumkan bahawa budaya prestasi

nasional yang tidak meminggirkan rakyat di desa akan menjadi kenyataan yang akan memberikan kebahagiaan kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Pontian. *[Ahli-ahli yang bangun berpandangan antara satu sama lain]* Yang Berhormat, yang di tengah itu. Ya, ya. *[Yang dimaksudkan ialah Yang Berhormat bagi Jasin]* Yang Berhormat bagi Pontian kan?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]* Jasin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jasin. Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

**12.09 tgh.**

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya menguruskan ekonomi negara, yang mana pada hari ini surat khabar telah gembar-gemburkan KDNK kita pada *second quarter*, dengan izin, akan naik sampai 7.6 peratus. Kadar pengangguran terus berada pada tahap yang rendah 3.6 peratus; inflasi dan kenaikan harga barang pengguna pula telah dapat dikawal dengan begitu berkesan pada kadar 1.1 peratus.

Saya bangun daripada Jasin untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 ke arah memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi yang mana dengan adanya rang undang-undang ini dapat menambah peluang pekerjaan, sumber pendapatan, menangani ancaman kenaikan harga barangan pengguna, memerangi kemiskinan dan sebagainya dengan tujuan untuk meneruskan dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Dalam melaksanakan usaha-usaha murni tersebut, diharap kerajaan memberi keutamaan kepada masyarakat bumiputera, lebih-lebih lagi masyarakat luar bandar agar kata orang, kata pepatah, “Ayam di kepuk tidak mati kelaparan, itik di air tidak mati kehausan”, supaya kita jangan dituduh pula kemudian bersikap “dagang lalu ditanakkan, kera di hutan disusukan, tetapi anak di pangkuan diletakkan”, kerana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kadar kemiskinan orang Melayu masih tinggi lagi iaitu 7.3 peratus berbanding dengan kaum Cina – 1.5 peratus dan orang India – 1.9 peratus.

Kadar kemiskinan luar bandar – 11.45 peratus adalah lebih tinggi daripada mereka yang di dalam bandar, iaitu hanya dua peratus sahaja dan tahap pendapatan isi rumah bulanan – orang Cina RM4,279, orang India RM3,044, orang Melayu RM2,376. Apatah lagi kalau kita bincang pada hari ini daripada pagi tadi tentang Dasar Ekonomi Baru yang kita lancarkan 34 tahun yang sudah, hari ini walaupun kita sasarkan 30 peratus, tetapi pencapaian kita hanya 18 peratus sahaja.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar kita harus berbalik ke belakang untuk mengkaji pelaksanaan dasar-dasar kita dulu. Kalau dulu kita telah gagal, kita akui, kita harus akui bahawa kita telah gagal untuk menaikkan pegangan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian, yang mana kita sasarkan 30 peratus tetapi hanya dapat 18 peratus sahaja. Oleh yang demikian, saya berharap semua kementerian yang dulu ada bahagian-bahagian ataupun unit-unit penyertaan bumiputera, kita minta diwujudkan balik supaya kita dapat melihat kembali penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Sila sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat bahawa untuk memperkayakan bangsa Melayu ini, maka agensi-agensi swasta juga harus memainkan peranan yang penting. Contohnya, kita bangga dengan pembangunan di Putrajaya yang dibangunkan oleh syarikat Petronas, kita bangga melihat *Formula One* sebab nama Petronas terpampang juga di sana dengan kos berjuta-juta, tetapi di manakah peranan Petronas ke arah menangani, menaikkan taraf kehidupan bangsa Melayu di Sabah dan di Sarawak?

Contohnya Petronas, ada Petronas Carigali tetapi tidak pernah memberi peluang kepada kontraktor tempatan daripada Sabah untuk turut sama menerokai dan diberi pajakan atau kontrak. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya agensi-agensi swasta kerajaan ini memainkan peranan secara langsung ke arah menangani masalah ini.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju sangat walhal kalau kita lihat, hari ini kita war-warkan bahawa Petronas merupakan antara 500 syarikat yang terbesar di dunia tetapi di

mana, dengan izin, *sosial obligation*nya kepada rakyat bangsanya. Bukan kata Petronas sahaja, kalau pada tahun 1970-an, tahun 1980-an, kita dapat membawa pelabur-pelabur datang ke negara kita, kita wujudkan kawasan-kawasan perindustrian dan saya pernah mempersoalkan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980-an dulu, dengan begitu hebatnya kawasan kilang, perkilangan di dalam negara kita, adakah tidak kontraktor-kontraktor bumiputera diberi peluang untuk membina kilang? Longkang pun tidak ada Yang Berhormat, jangan kata pagar. Longkang kilang pun tidak pernah diberi kepada kontraktor bumiputera.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Jasin ada menyebutkan tentang pegangan ekonomi bumiputera di dalam sektor swasta dan sebagainya. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa peratusan pegangan bumiputera yang kita gembar-gemburkan sekarang ini tidak menggambarkan pegangan yang sebenar sebab pegangan-pegangan tersebut banyak dipegang oleh institusi-institusi seperti Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera, TNB tetapi tidak individu-individu bumiputera yang sepatutnya dilahirkan seperti yang kita cadangkan dalam masa Kongres Ekonomi dan Dasar Ekonomi Baru kita sendiri. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera. Memang betul, saya setuju. Pegangan bumiputera cara individu hanya 4% atau 5% sahaja. Yang 18% ini termasuk tabung-tabung amanah, TNB dan sebagainya. Yang jadi masalah kita juga kita harus sedar dan harus cerminkan juga diri kita, bumiputera, banyak yang kerajaan sudah bangunkan bumiputera-bumiputera individu yang pada hari ini sudah jadi jutawan, *multi-billionaire* dan *multi-millionaire*, tetapi kita juga hendak menyarankan kepada bumiputera-bumiputera yang telah berjaya ini, di mana *sosial obligation* dia pada anak bangsa yang lain.

Jadi, ini pun kita harus fikirkan bersama. Dengan ini kita berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, kita harus memperbanyakkan peruntukan untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya kita dapat mengimbangkan antara bandar dengan luar bandar. Nombor dua tadi kita dalam usaha untuk meningkatkan ICT dan membincangkan tentang kepentingan pelajaran kepada anak-anak kita. Tetapi kita lihat di dalam bandar kemungkinan satu

keluarga ada satu komputer. Di luar bandar yang kita harapkan dahulu supaya di setiap sekolah dibekalkan dengan komputer-komputer, kita wujudkan makmal komputer sampai hari ini masih lagi tidak dapat kita selesaikan. Sudah berapa tahun makmal-makmal komputer di kawasan luar bandar yang pada satu ketika dahulu kita tersilap bagi Konsep Payung di mana orang yang dapat kontrak ini yang “payung” tidak jaga orang di bawah. Orang yang bawah kena “terpayung”.

Dengan harapan saya pada hari ini, kita berharap kementerian-kementerian menyelesaikan masalah asas ini. Begitu juga macam yang disebut oleh sahabat-sahabat saya, saya kata Malaysia sudah jadi negara maju, bak kata pembangkang tadi sudah *almost level playing field*. Kita tidak hendak dengar lagi daripada apa yang disebutkan oleh rakan-rakan saya dari Sabah, sekolah begitu daif dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sekolah jenis kebangsaan ini pun sedih saya lihat. Bagaimana keadaan kita yang maju kadang-kadang kita lihat pembangunan sekolah-sekolah rendah yang terbaru ini punya canggih. Kadang-kadang sekolah rendah ini lebih cantik dan lebih besar daripada sekolah menengah. Tetapi ada juga Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ini, bukan saya hendak angkat Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, di kawasan saya itu Sekolah Rendah (Tamil) Ladang Jasin Lalang, saya tidak tahu bila saya dapat telefon macam di kawasan Jerai tadi, sekolah itu akan runtuh dan menghempap budak-budak dan guru-guru besar.

Apabila kita tanya kepada Kementerian Pelajaran bila lagi hendak membangunkan kawasan ini. Kata dia, sekolah ini sekolah bantuan modal. Mengapa jadi sekolah bantuan modal, tidak jadi sekolah kebangsaan? Kerana tanah bukan milik kementerian. Tetapi kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, yang sekolah-sekolah Tamil ini kebanyakan terletak di dalam estet. Estet-estet hari ini dimiliki oleh Guthrie, Golden Hope dan sebagainya. Yang ini semua anak-anak syarikat kerajaan, GLC.

Kalau dahulu Guthrie dimiliki oleh orang Barat atau orang-orang di luar sana boleh membangunkan sekolah untuk pekerja-pekerjanya, mengapa tidak GLC ini, Guthrie yang dimiliki oleh PNB, korbanlah sedikit dua atau tiga ekar untuk pekerja-pekerja mereka ini, serahkan kepada kerajaan atau membangunkan sekolah untuk pekerja-pekerja sebagai *social obligation* kepada pekerja-pekerja yang telah menguntungkan syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin kerana mengetengahkan isu ini. Saya sudah pun mengutarakan isu ini kerana pendidikan telah meletakkan tiga komponen utama iaitu kualiti, *access* dan ekuiti.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, isu ini sudah lama diperkatakan, kita sudah banyak kali bincang, tetapi dalam Kementerian Pelajaran, bajet pengurusan berbanding dengan pembangunan untuk sekolah jenis bantuan modal ini hanya RM10 sahaja. Maka, bagaimanakah kementerian boleh mengatasi masalah ini dan seterusnya kalau tidak adanya dana, bagaimana kementerian boleh menggunakan budi bicaranya ataupun kuasanya atau apa-apa jua pun untuk memaksa GLC ini yang perlu bertanggung jawab sosial terhadap pembangunan manusia yang memberi sumbangan yang bererti kepada pengurusan untuk pembangunan ladang.

Keuntungan mereka banyak. Begitu berjuta-juta mereka untung. Kalau bagi 10% pun, boleh selesai masalah ini. Tetapi sekarang mereka menggunakan satu kaedah baru iaitu mengambil pekerja-pekerja luar negara kerana isunya senang untuk diselesaikan. Mereka tidak akan melawan dan mereka akan akur dengan pengurusan, maka ini satu *shortcut* yang perlu kita lihat. Anak di atas bumi sendiri kita abaikan, orang di negara lain pula kita jaga. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Yang jadi masalah ini kita kadang-kadang dikejutkan dengan beberapa falsafah atau bahasa-bahasa yang baru. Tahun 1990 dan tahun 2000 ini apabila kita bercakap korporat, asal berniaga sedikit sahaja, orang korporat.

Jadi, *corporate thinking* yang ada dalam kepala kita ini bukan kata kepada GLC hendak untung sahaja. Dia tidak kisah tentang *social obligation* ini. Dia kira hendak untung sahaja, inilah otak orang korporat. Hari ini sudah berjangkit kepada badan-badan kerajaan, kementerian dan jabatan kita. Jabatan yang menjadi jabatan pelaksana pun hari ini hendak dikorporatkan, hendak cari keuntungan. Ini yang

semalam kita bincangkan tentang Syarikat Perumahan Negara ini. Bukan soal hendak membereskan soal perumahan di dalam negara ini, tetapi hendak cari untung.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Banyak di antara rakan-rakan saya semasa membincangkan soal-soal ini, kita membincangkan masalah perumahan PPRT. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana telah mengumumkan bahawa tiap-tiap kawasan Parlimen akan diberi RM200 ribu untuk rumah-rumah PPRT.

Saya minta supaya kementerian ini kaji balik. Kalau satu rumah PPRT, kita hendak baiki atau buat baru dengan kos RM2 ribu atau RM3 ribu hari ini, kita boleh buat apa? Dan saya minta supaya kementerian ini datang belajar di Melaka kerana pada hari ini, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Melaka dengan peruntukan RM10 juta hasil daripada kementerian, hasil daripada sumbangan orang ramai, hasil daripada anak-anak syarikat yang untung di negeri Melaka, kita telah dapat membaiki atau membina baru rumah-rumah PPRT sebanyak 800 buah dan kita buat hanya dengan harga RM12 ribu, rumah batu untuk orang-orang miskin ini dan bukan dengan cara gotong-royong, tetapi kita bagi kepada kontraktor dan kontraktor boleh bina rumah dengan harga RM12 ribu, kontraktor dapat untung sedikit. Rumah dua bilik, *hall* ada, bilik air ada dan dapur ada.

Saya berharap kementerian ambil contoh daripada Melaka kerana kita akan menyelesaikan masalah dalam jangka panjang. Kita lihat, dengar-dengar dari rakan-rakan saya rumah-rumah PPRT di Sabah, Sarawak bina dengan menggunakan *plywood*, berapa hari boleh tahan kerana kita sudah melalui pada tahun pada 1995 di Melaka apabila kita buat rumah-rumah PPRT ini dengan kos lima, enam ribu ringgit kita menggunakan bahan kayu. Hari ini tahun 2003, 2004 rumah yang telah kita baik pulihkan hari ini sudah balik, kerana rumah yang kita bina ataupun baiki tahun 1995, hari ini kayu sudah reput. Kayu pun sekarang balak-balak besar, Tuan Yang di-Pertua sudah tidak ada lagi sudah, tinggal balak-balak kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Balah-balak jadi kayu pun sudah tidak kuat lagi, jadi kita bina pun cepat dia reput. Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, saya berharap kerajaan bawah kementerian datanglah ke Melaka

mencontohi yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk mengatasi masalah PPRT ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan saya hendak mengambil kesempatan di sini, minta supaya kerajaan pusat untuk melihat dengan peruntukkan yang kita akan dapat ini untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Melaka pada hari ini. Seperti Tuan Yang di-Pertua, yang sedia maklum bahawa negeri Melaka kita tidak ada apa. Kita tidak ada balak, kita tidak ada bijih dan sebagainya. Yang ada pada hari ini kita cuba hidupkan untuk menjana ekonomi Kerajaan Negeri Melaka, kita cuba hidupkan industri pelancongan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya kementerian yang terbabit, pelabuhan, feri, jeti feri di Melaka. Ini adalah pintu masuk pelancong daripada Indonesia ke Melaka yang datang dari Indonesia itu bukan tujuan melancong sahaja, tetapi yang datang untuk - yang pendatang haram, yang cara terang ini, yang datang untuk rawatan di hospital, yang datang untuk belajar di institusi-institusi swasta di Melaka. Tetapi malangnya pelabuhan jeti untuk feri ini amat memalukan sekali.

Begitu juga dengan Lapangan Terbang Batu Berendam, kita berharap supaya kementerian memberikan peruntukkan yang cepat supaya jet 737 boleh landing dekat Batu Berendam. Pada hari ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, lapangan Batu Berendam, hanya boleh menampung kapal-kapal terbang Fokker 50 dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini dengan kepesatan pelancongan negeri Melaka, dengan adanya hospital-hospital *private* yang begitu baik dekat negeri Melaka, boleh katakan pada hari ini tiap-tiap hari satu *flight* daripada Indonesia yang masuk tujuh kali seminggu. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2003) 2004, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ipoh Barat.

**12.30 tgh.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasi Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua semalam kami Ahli-ahli Parlimen dari DAP telah dijemput untuk pergi ke Batang Kali, sebenarnya saya menghadiri perjumpaan di sana dengan orang ramai di sana. Satu dialog telah dijalankan dan ini adalah mengenai satu perkara titik dalam sejarah iaitu satu *scar* yang telah terjadi di Batang Kali, Batang Kali *incident* Tuan Yang di-Pertua, yang telah terjadi pada 11 Disember 1948. Di mana pada hari tersebut dikatakan rejimen dari British yang pada masa itu berlawan dengan komunis telah



pergi sampai ke tempat Batang Kali pada pukul 5.00 petang. Serta-merta penyiasatan sedang dijalankan terhadap orang ramai di sana. Mereka semua telah dikumpulkan di satu tempat dan telah diasingkan di antara lelaki dan bukan lelaki dan serta-merta satu di antara orang di sana yang merupakan seorang penoreh getah telah ditembak mati.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, bila pengasingan itu telah dijadikan pada keesokan hari, lebih kurang 24 orang penoreh getah yang berada yang telah di bawa oleh *British Scot Guards* untuk penyiasatan lanjutan dekat sungai, semua telah ditembak mati. Ini satu tragedi yang saya katakan *a scar in history of this country*. Serupa juga dengan Maharaja Lela, kalau kita ingat bila saya belajar sejarah pada masa itu. Dikatakan seorang yang tidak boleh diterima yang telah berlawanan dengan J.W.W Birch dan telah mengakibatkan kematian J.W.W Birch.

Tetapi selepas beberapa tahun satu penyiasatan telah dibuat di mana dikatakan Maharaja Lela adalah seorang pahlawan negara dan yang patut disalahkan adalah J.W.W Birch. Serupa dalam perkara ini, walaupun pada masa itu pada 1 Januari 1949 dengan izin, satu penyiasatan telah dijalankan oleh kerajaan *British*, tetapi dalam penyiasatan itu, penyiasatan polis itu dikatakan *there is no finality* dalam penyiasatan dengan izin, dan beberapa penyiasatan selepas itu dari masyarakat telah ditanya tetapi tidak ada-apa dibuat.

Selepas itu pada tahun 1970 Tuan Yang di-Pertua, di beberapa surat khabar-surat khabar dalam Britain telah menyatakan bahawa ini adalah satu insiden yang serupa di Vietnam, '*my lie*' di mana di tahun 1968, di mana satu kampung semua orang telah dibunuh mati oleh askar-askar Amerika Syarikat dan ini adalah satu titik yang satu insiden serupa kepada kerajaan *British*. Tetapi walaupun penyiasatan telah dibuat pada tahun 1970 dan yang mengetuai penyiasatan itu bukan seorang yang *ordinary person* dengan izin, adalah yang telah menyiasat kes-kes *the great train robbery* dalam *Britain*. Beliau telah menyiasat kes itu seorang bernama William. Pada masa itu penyiasatan telah dikatakan setakat di mana orang-orang yang terlibat iaitu Scotsman yang terlibat dalam perkara itu dikatakan telah membuat *confession* dengan izin, *confession* yang mengatakan bahawa mereka dengan tidak sengaja telah membunuh orang-orang penoreh getah yang tidak bersalah pada masa tersebut. Saya dengan izin, saya baca apa yang dikatakan oleh seorang *guardsman* bernama Lanswick, "*We are trained to obey orders when we are told to shoot, we shoot, it*

*could have been anyone of us*". Tuan Yang di-Pertua, semua orang Scotsman ini adalah berumur 18 umur.

Tetapi apa terjadi, oleh kerana pertukaran kerajaan pada masa itu pada tahun 70 di *Britain*, penyiasatan itu telah diabaikan, kerana kerajaan baru Konservatif tidak membenarkan pihak-pihak berkenaan, pihak polis di bawah Attorney General William untuk pergi ke Malaysia untuk menyiasat dan mendapat apakah ada asas-asas yang terbaru untuk membuka perkara ini dengan izin, *this is valid evidence, the real evidence is yet to come*.

Tuan Yang di-Pertua, semalam bila kita berjumpa dengan orang ramai di sana ada tiga orang lagi yang hidup yang telah nampak penembakan yang disia-siakan itu. Pada masa itu saya difahamkan mereka memberitahu kepada Ahli-ahli Parlimen DAP bahawa penoreh-penoreh getah itu tidak bersenjata dan tidak lari pada masa itu, mereka hanya di bawa dekat sungai dengan tiba-tiba mereka telah dibunuh dengan kejamnya. Akan tetapi apakah kita membuat mengenai perkara ini?

Berkaitan dengan perkara ini, hari ini adalah satu hari yang bersejarah Tuan Yang di-Pertua, kerana pada 14 Julai 1993, tiga daripada orang tersebut nampak 24 orang dibunuh melaporkan kepada pihak polis dan tiga di antara orang yang nampak kematian ini bukan orang-orang muda Tuan Yang di-Pertua, satu di antaranya adalah sudah lebih kurang 82 umur, satu di antaranya lebih 70 umur, *cancer stricken* satu di antaranya sangat susah benar bercakap.

Pada masa itu Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar telah mengatakan bahawa dia dengan izin, *there's no time limit for police investigation in cases of murder and immediate investigation will be carried out*, beliau telah mengatakan dan saya ada semua surat khabar tersebut yang akan menunjukkan bahawa *massacre* ini telah terjadi.

Tetapi apa yang telah dibuat oleh pihak polis, apakah telah dibuat oleh kerajaan. Pada hari itu tiga *report* polis telah dibuat dan saya difahamkan penyiasatan telah dibuat. Akan tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil. Hingga hari ini dari segi sejarah Tuan Yang di-Pertua, dikatakan bahawa 24 orang itu ada hubung kait dengan komunis, *this is one of the scars of this nation that has to be erased, if there is any to be erased, if the need be, by proper investigation*, perlu disegerakan. Saya ingin tahu apakah yang telah dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada 1993 bila tiga orang ini melaporkan kepada pihak polis, pihak polis telah melancarkan penyiasatan. Di antaranya ada seorang bernama Abdul Jaafar Taib, iaitu seorang pegawai polis yang telah melihat kejadian ini. Pada masa itu dia bekerja dengan Kerajaan British, tetapi dia telah meninggal dunia sekarang kerana dia mungkin telah berumur lebih dari 90 tahun Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang mustahak ini adalah *statements* dia telah diambil, tetapi hingga hari ini tidak ada apa-apa penyiasatan muktamad mengenai perkara ini. Saya hairan bahawa ini adalah satu *scar* yang sangat serius, yang perlu dikemaskinikan supaya perkara yang betul boleh diketahui kepada orang ramai dalam negara ini.

Saya hairan adakah kita memerlukan 56 tahun untuk satu penyiasatan dijalankan dalam perkara ini. Dalam buku Chin Peng pun beliau telah menulis dan mengatakan bahawa apakah pandangan beliau tentang kejadian ini dan beberapa orang pun telah menulis mengenai perkara ini. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua, adalah dalam buku *The War On The Running Dogs*, dikatakan bahawa ini adalah satu *bona fide, mistake have been made*, dan perlu penyiasatan untuk menjadi *there must be a turn, a change a proper and true finding*, dengan izin perlu dibuat dalam perkara ini.

Pada tahun 1993 Tuan Yang di-Pertua, dalam satu dokumentari *Inside Story* oleh British Broadcasting Corporation (BBC) di dalam proses *investigative journalism* mereka. Mereka, dalam kes *TV series in The Cold Blood*. Beberapa *interview* telah dibuat oleh BBC dengan askar-askar yang terlibat dalam perkara ini. Mereka merasa dukacita bahawa ini telah terjadi pada tahun 1948 dan mereka meminta maaf mengatakan, bahawa walaupun mereka telah berusia tua mereka ada *guilty conscience*, mengatakan ini terjadi dan 24 orang penoreh getah telah dianiayai. Tetapi pada tahun 1993, petisyen-petisyen telah diberi kepada *British High Commission* di Kuala Lumpur.

Pada masa itu *High Commisioner Slate* telah mengatakan bahawa dia akan majukan kepada *Queen Elizabeth* dan saya difahamkan MCA terlibat dalam perkara ini. Telah memajukan dan diheboh-hebohkan di surat khabar-surat khabar mengatakan, bahawa satu ketetapan atau satu penyiasatan akan dijalankan oleh kerajaan. Tetapi ini telah disia-siakan, MCA semalam apabila kita berada di sana, masyarakat tertanya-tanya apakah terjadi kepada *the true side of the real history*.

Kenapa ini tidak diperbaiki hingga sekarang. Jadi saya menanya dengan khususnya, apakah sebab kerajaan tidak mengemaskinikan beberapa penyiasatan-penyiasatan yang sangat mustahak dalam sejarah negara ini.

Di antaranya adalah *massacre* di Batang Kali. Ada juga lain-lain penyiasatan pihak polis yang mengambil banyak masa. Sekarang kita ada Tun Hanif Omar, *The Royal Commission of Inquiry*, apakah ini beliau boleh membuat satu pengisytiharan, apakah yang telah terjadi kepada penyiasatan tersebut. Bolehkah kerajaan juga memberitahu Dewan yang mulia ini dan juga memberitahu kepada orang-orang di Batang Kali bahawa penoreh-penoreh getah itu tidak boleh disalahkan dari segi penyiasatan mereka dan yang perlu mengambil tindakan undang-undang *criminal action*, dengan izin adalah terhadap *scots guard* yang menyebabkan kematian-kematian yang teraniaya kepada 24 orang tersebut. Di antara lain mereka bertanya ialah *there was sudden culture and permanent scar in their lives*, dengan izin. Mereka memerlukan diberi ganjaran, perlu diberi *compensation*, dengan izin supaya apa yang telah dianiaya kepada mereka akan diubati sedikit supaya perkara-perkara ini dapat dibetulkan dan dari segi sejarah perkara ini dapat diprihatin dengan baik.

Saya juga pohon bahawa ini menjadi satu subjek dalam sekolah, dalam sejarah negara ini. Saya katakan ini adalah satu perkara yang mustahak kerana 24 orang yang telah dianiayakan dan tiga orang yang nampak kejadian tersebut mengatakan bila integrasi telah berjalan pada 11 Disember 1948, mengatakan mereka tidak ada kena-mengena, tidak tahu apa-apa dengan orang-orang yang terlibat dengan komunisme. Jadi saya berpendapat dan ini adalah pandangan-pandangan yang betul, yang perlu kerajaan memikir dan menyiasat supaya kita dapat tahu yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin tahu baru-baru ini di Medan Kid di Ipoh, saya difahamkan bas-bas ekspres telah diarahkan untuk keluar dari tempat tersebut.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [Bangun]

**Tuan M. Kula Segaran:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ya ada yang bangun ya.

**Tuan M. Kula Segaran:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya orang sejarah, saya insya-Allah menghayati tragedi 11 Disember 1948. Saya hanya hendak bertanya Yang Berhormat

Ipoh Barat selain daripada siasatan polis dalam peristiwa-peristiwa seperti ini, wajar ataupun tidak suatu peruntukan yang khusus disediakan supaya satu kajian sejarah diadakan, supaya peristiwa-peristiwa seperti ini yang merupakan satu sering kali *mis* ataupun *disinformation* dapat diperjelaskan.

Selain daripada itu penulisan sejarah ataupun kajian sejarah itu kelak nanti akan dapat umpamanya menceritakan, memaparkan tentang tokoh ataupun pimpinan dalam negara kita yang telah berjasa untuk kita kenang dan peringati. Setuju atau tidak Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih sahabat saya daripada Sabak Bernam. Saya lebih dari setuju. Saya berpendapat bukan sahaja dari segi sejarah, tetapi perlu memberi pampasan juga kepada keluarga-keluarga yang telah teraniaya. Saya berasa bila saya berada di sana saya kasihankan kepada tiga di antara orang itu, satu telah *paralyse* tidak boleh jalan langsung, yang masih hidup untuk bercakap apa yang beliau telah nampak dan satu lagi *cancer stricken* pun datang ke forum tersebut untuk menyuarkan hasrat dan apakah yang telah terjadi kepada beliau, dan yang ketiga sudah jadi tidak berapa ingat, tetapi masih boleh memberitahu kejadian itu.

Saya percaya dan setuju bahawa *misinformation* ini perlu diperbetulkan dengan izin, *there must be a finality in this matter*. Macam saya mulakan, saya katakan apa yang terjadi kepada sejarah J.W.W Birch dan Maharajalela. Bila saya belajar di sekolah saya diberitahu bahawa Maharajalela adalah seorang gengster, itu dalam buku kita. Tetapi selepas beberapa tahun sahaja sejarah telah berubah. Sekarang bila anak saya belajar di sekolah, sejarah berubah mengatakan bahawa J.W.W Birch telah menganiayai dan untuk, dengan izin *integrity of a woman*, baru Maharajalela berani untuk membunuh J.W.W Birch. Ini beberapa tahun selepas itu.

Jadi saya setuju kepada pandangan Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya katakan selain daripada itu adalah mengenai Medan Kid, di mana saya difahamkan bahawa baru-baru ini kementerian telah mengarahkan bas-bas tersebut, bas-bas permit dipindahkan ke Gunung Rapat.

Saya difahamkan di stesen Gunung Rapat, yang pertama, di mana bas-bas telah diarahkan untuk pindah, yang pertama, tidak sesuai untuk orang ramai. Yang kedua, tidak ada *feeder bus* untuk pergi ke Gunung Rapat dan peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan membawa penumpang-penumpang dari Medan Kid Ipoh

adalah satu tempat yang sesuai dan adalah berdekatan dengan masyarakat dekat Ipoh dan sebagainya.

Untuk mengarahkan mereka keluar dari tempat Medan Kid sebelum atau pada 21 Julai dan memberi amaran, jikalau mereka tidak mengubah atau menukar tempat perniagaan mereka, bas-bas mereka perlu berhenti di Gunung Rapat, tindakan akan diambil, di antaranya, lesen mereka akan ditarik balik. Saya difahamkan, kerajaan negeri tidak setuju kepada itu tetapi, kementerian atas desakan-desakan yang tertentu oleh kerana orang-orang yang kena mengena dengan mereka yang mengadakan permit-permit bas ekspres yang ingin mengadakan perniagaan di Gunung Rapat, di mana Gunung Rapat adalah suatu tempat yang tidak sesuai untuk bas-bas ekspres datang dan berulang alik kerana ia adalah tempat yang sesak.

Jadi, saya harap satu *decision*, dengan izin yang rasional akan dibuat supaya jangan mengambil undang-undang dalam tangan dan memaksa satu perkara yang tidak diingini oleh pembawa-pembawa atau orang-orang yang mempunyai lesen bas ekspres. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Aman, ya.

**12.46 tgh.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus masuk ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan saya kawasan luar bandar, masih memerlukan jalan luar bandar, pembekalan elektrik luar bandar, api luar bandar, jalan luar bandar dan juga untuk membantu orang yang miskin di luar bandar.

Jadi, dua tahun yang lepas ini Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tidak ada kemajuan berkenaan dengan pembekalan elektrik luar bandar. Saya, seperti Yang Berhormat kawan saya dari Santubong, kelmarin telah diberitahu bahawa ini adalah ekoran dari kegagalan kita mengenal pasti syarikat-syarikat yang harus diberi kontrak untuk menjalankan kerja-kerja untuk membekalkan elektrik di luar bandar.

Jadi, apabila kita menceritakan ini kepada rakyat kita di luar bandar, mereka tidak percaya. Mereka mengatakan kita tidak memandang berat masalah mereka dan mereka mengatakan kita ini cuai, kita ini lalai dan tidak berusaha untuk membantu mereka. Jadi, saya mengharap, saya menyeru supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini berbincang, bekerjasama dengan rapat dengan Pengarah

Pembangunan Negeri di Sarawak supaya perkara yang seperti ini dapat diselesaikan dengan segera, oleh kerana ia tidak akan membawa kebaikan. Ia tidak akan memberi nama baik kepada kita, kepada kerajaan, kepada pegawai-pegawai dan kepada semua pihak. Cuma, ia menunjukkan kita ini tidak pandai bekerja.

Mengapa sesuatu yang sangat diperlukan oleh orang di luar bandar tidak dapat diatasi oleh kita ini selama dua tahun? Ini menunjukkan sesuatu kegagalan di antara kita ini. Kita, telah membuat Parlimen yang begitu canggih, kita telah menyusun semula kementerian-kementerian tetapi, apabila dengan izin *when it comes to the crunch when the chips are down*, kita masih gagal. Susunan semula canggih, harapan canggih, Pelan Integriti Nasional canggih tetapi, *delivery* setakat ini adalah *nil*, tidak ada apa-apa.

Jadi, saya haraplah pembekalan elektrik luar bandar ini dapat diatasi dengan serta-merta. Oleh kerana saya merasa malu Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali saya berdiri masih menyentuh perkara yang sama. Tiap-tiap kali Pilihanraya Negeri, masih menyentuh perkara yang sama, masih membuat janji yang sama. Saya sudah bosan, rakyat sudah bosan, nasib baik rakyat masih memilih Barisan Nasional. Mereka tidak harus memilih, oleh kerana kita ini tidak ada kemajuan. Jadi, saya harap inilah kali terakhir saya menyentuh perkara ini tetapi, kalau tidak ada kemajuan, tidak ada pembedahan, tidak ada apa-apa yang dibuat, memang saya akan bangun dan menyentuh perkara ini sekali lagi.

Saya nampak juga kalau kita membuat kajian tentang *priority*, boleh kita alihkan peruntukan kewangan dari aktiviti-aktiviti yang lain untuk membekalkan elektrik di luar bandar, membekalkan air yang bersih ke luar bandar dan juga jalan. Oleh kerana, saya nampak seperti Program Rakan Muda ini Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong rancangan Rakan Muda ini. Tetapi, kalau kita mempertimbangkan *priority* dia, saya rasa membekalkan elektrik, air lebih elok dari membantu Program Rakan Muda, oleh kerana Program Rakan Muda, kalau kita berbicara dengan mendalam, ia menunjukkan kegagalan ibu bapa menjaga, membimbing, mendidik anak mereka tetapi di luar bandar *amenity* yang asas ini masih belum ada.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin menyentuh tentang keluarga miskin ini dan ibu tunggal. Saya setiap hari mendengar kadar kemiskinan telah menurun. Tetapi, saya nampak masih begitu ramai orang yang miskin. Jadi, saya ingin bertanya dari manakah kementerian-kementerian, badan-badan ini tahu macam manakah

pemantauan telah dibuat, macam manakah penyiasatan telah dibuat dan macam mana mereka datang dengan satu keputusan menyatakan kadar kemiskinan telah turun? Jangan-jangan orang yang diminta kita membuat pemantauan, perhitungan ini tidak berjalan dan terus mengatakan kadar kemiskinan sudah turun. Jadi, saya ingin tahu macam mana sesuatu ini disebut dan kita semua bersetuju kadar kemiskinan sudah turun.

Oleh kerana, saya nampak di beberapa kawasan, pegawai ini tidak turun ke rumah panjang kerana mereka tidak ada jalan raya, jadi, mereka tidak mahu jalan kaki. Pegawai ini tidak mempunyai rekod yang kemas kini dan saya nampak mereka menggunakan Jabatan Pertanian di Sarawak untuk membantu. Mereka menggunakan pegawai daerah untuk membantu. Jadi, saya nampak tidak ada satu kerjasama di antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan orang-orang yang memang memerlukan bantuan.

Jadi, oleh kerana itu, saya selalu sejak lima tahun, sepuluh tahun yang lepas mengesyorkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini harus ada pegawai dia sendiri, pejabat dia sendiri, orang dia sendiri dan penguat kuasa dia sendiri kalau perlu. Oleh kerana sekarang kita ada Pengarah Pembangunan Negeri, kita ada KEMAS dan pegawai-pegawai KEMAS dan itu sahaja, yang lain, kita minta bantuan dari agensi-agensi yang lain. Jadi, oleh kerana itulah, saya minta yang saya hendak tahu tadi, apakah instrumen untuk memantau pegawai-pegawai ini supaya mereka memang membuat penilaian. Macam manakah mereka mengesan rakyat termiskin? Adakah menggunakan pegawai sendiri selain daripada pegawai daerah?

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang laporan yang dibentangkan di Parlimen ini. Setiap tahun kita menerima begitu banyak laporan hinggakan kita tidak dapat membawa laporan ini balik dan kita serah kembali kepada bentara-bentara kita yang *I think overworked because they have to carry them in and carry them out*, dengan izin. Laporan ini pertama, ia datang terlalu lambat, kadang-kadang beberapa tahun kebelakangan laporan.

Jadi, laporan yang dibentangkan di Parlimen ini, tidak ada kerelevanan lagi. Yang kedua, ia terlalu singkat. Saya menyentuh tentang laporan dari Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Jadi, saya nampak ia hanya memberitahu kita berapa kali bermesyuarat, kadang-kadang ia memberitahu kita laporan yang lain, apa aktiviti



sukan yang diadakan dan selepas itu hanya sijil audit. Itu sahaja. Apabila saya melihat LAN ini, saya hendak tahu apakah kursus-kursus yang telah diiktirafkan?

Saya hendak tahu apakah universiti-universiti dari luar negeri yang diiktirafkan, yang telah diberi kuasa untuk menubuhkan cawangan di Malaysia ini. Jadi, oleh kerana itu, saya haraplah yang pertama, laporan dapat diberi pada tahun yang terkemudian. Yang kedua, saya minta laporan itu memang menggambarkan tugas, tanggungjawab dan apa yang telah dibuat sepanjang tahun yang sudah itu supaya ia ada isi, supaya kita dapat mempelajari apakah tugas, tanggungjawab lembaga-lembaga, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai yang duduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan lembaga. Saya tidak tahulah berapakah lembaga ini, lembaga itu di Malaysia? Nampaknya, banyak betul. Saya hendak tahu juga, adakah kerajaan ada rancangan untuk mengawal penubuhan lembaga ataupun adakah kerajaan ada rancangan untuk menentukan kerelevanan lembaga itu supaya apabila tugas dan tanggungjawab lembaga itu tidak relevan lagi, sudah menjadi lembaga *sunset*, ia boleh dibubarkan supaya wang kerajaan, wang rakyat tidak dibazirkan dengan begitu sahaja.

Saya mengesyorkan juga oleh kerana lembaga ini begitu banyak, apa salahnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mencadangkan setiap Ahli Parlimen ini disuruh duduk di satu lembaga supaya kita tahu apakah yang sedang dijalankan di lembaga itu supaya kita dapat mengesan, mungkin mengawal selia, mungkin juga memberi perkhidmatan nasihat kepada lembaga-lembaga itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat, ya.

**Tuan Jimmy Donald:** Okey. Kalau saya gulung Tuan Yang di-Pertua, saya masih Ahli Parlimen ini, saya mintalah kerana saya ingin bercakap bagi pihak pembangkang juga. Ahli Parlimen ini, kita seperti Ahli Yang Berhormat bagi Jerai kata tadi, tidak tahu di mana kedudukan kita, tetapi sesuatu yang menyusahkan Tuan Yang di-Pertua. Ini, tentang hotel, peruntukan untuk hotel, untuk Ahli Parlimen, sekarang RM230++ kata orang.

Jadi, ini hanya cukup untuk *breakfast*, penginapan di hotel dan tidak ada *limousine* untuk balik. Oleh kerana itulah, orang seperti saya ini Tuan Yang di-Pertua yang tidak ada kereta, terpaksa balik sebelum Parlimen berakhir pada pukul 5.30 kerana saya tidak tahu sama ada teksi atau tidak. Jadi, apabila kita balik ke hotel nanti, kita tidak ada diberi *dinner* oleh kerana peruntukan untuk Ahli Parlimen duduk di

hotel ini tidak mencukupi. Jadi, kita ini apabila balik di hotel, selepas mandi terpaksa cari makan, *literally*, pergi ke kedai ini, kedai itu. Jadi, macam manakah Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen ini masih seperti buruh kasar. Malam, bawa perut lapar cari makan di luar hotel kerana tidak layak makan di hotel. Bolehkah ini dipertimbangkan oleh Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa cukup bersimpati kepada Ahli-ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa tidak cukup dipelihara kalau had ini masih dikekalkan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kena sambung di sebelah petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Aman setelah habiskan ucapannya sekarang kita sambung semula. Ramai lagi, berapa ramai lagi?

**Beberapa ahli:** *[Mengangkat tangan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7.... Yang Berhormat, memang tidak dapat memberi peluang kepada semualah, ini saya perlu memberitahu tidak apalah kita ada empat tahun lagi ya. Banyak peluang boleh berucap, tidak apalah.

Untuk membolehkan saya memberi peluang kepada lebih dapat berucap nanti saya terpaksa turunkan had masa daripada 15 minit ke 10 minit.

Jadi saya bagi Labuanlah, sila.

**2.33 ptg**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pakar-

pakar ekonomi dan kewangan negara yang mana telah berjaya merancang dasar-dasar dan sekaligus berjaya dalam melaksanakan dasar-dasar tersebut sehingga kita berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK suku tahun pertama 2004 sebanyak 7.6% berbanding suku tahun pertama 2003 iaitu 4.6%.

Pertumbuhan KDNK 7.6% ini juga merupakan yang tertinggi kita catatkan sejak suku penggal ketiga 2000. Ini membuktikan kita berjaya memulihkan perancangan kita dan ini juga membolehkan kita berjaya dalam perancangan kita untuk memulihkan semula ekonomi negara setelah dihempas teruk semasa krisis kewangan 1997. Berdasarkan kepada fakta tersebut maka Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004 yang meminta kelulusan Parlimen untuk mengeluarkan sejumlah wang RM18,988,403,497 patut kita sokong demi untuk memastikan kadar pertumbuhan KDNK kita tidak terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju supaya kerajaan harus terus berbelanja untuk memastikan ekonomi negara kita sentiasa cergas dan aktif. Tambahan pula dalam senario sekarang sektor swasta banyak mengamalkan polisi tunggu dan lihat sebelum membuat pelaburan-pelaburan baru mereka dan jika kerajaan tidak bertindak proaktif maka lanya akan menyumbang kepada kelembapan ekonomi negara. Justeru itu kerajaan harus terus menjadi *catalyst* kepada apa juga yang boleh menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi dan KDNK negara.

Namun Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan 7.6% seperti kata Yang Berhormat Beluran pada petang kelmarin semasa membahaskan perkara yang sama mengatakan bahawa kadar pertumbuhan tersebut tidak dirasakan di peringkat *grass root*. Saya berkongsi pendapat dengan beliau di mana rakyat tidak mahu tahu sama ada GDP kita naik atau turun. Yang jelas mereka tidak menikmati apa-apa hasil dari peningkatan GDP yang kita laung-laungkan. Saya berharap jangan pula ada pihak yang berkaitan berfikir kami ini tidak profesional dan tidak *knowledgeable*, tidak Tuan Yang di-Pertua. Tetapi realitinya memang GDP 7.6% yang dicatatkan oleh negara kita tidak memberi apa-apa kesan kepada rakyat marhaen terkecuali *selected few* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi 1969 telah melahirkan Dasar Ekonomi Baru yang mana kita mulakan pada tahun 1971. Setelah 19 tahun Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan yakni hingga tahun 1990 kerajaan menyedari ianya tidak menunjukkan pencapaian seperti yang kita inginkan. Kita perkenalkan pula Dasar Pembangunan

Nasional di Barisan Nasional bermula 1991 hingga 2000 sebagai usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang diilhamkan pada tahun 1971. Kita sedia maklum bahawa dengan meningkatnya desakan proses liberalisasi dan globalisasi beberapa perubahan dan pendekatan baru terpaksa kita kenal pasti supaya hanya sesuai dengan peredaran waktu. Namun apakah pencapaian sebenar individu orang Melayu, bangsa Melayu dalam konteks Dasar Ekonomi Baru dan juga Dasar Pembangunan Nasional. Setelah tempoh Dasar Pembangunan Nasional 1961 hingga 2000 tamat kita diperkenalkan lagi dengan satu dasar iaitu Dasar Pembangunan Wawasan ataupun ringkasnya DPW yang tempoh hayatnya bermula dari 2001 hingga 2010. Di mana kononnya DPW ini akan menentukan kejayaan negara dalam mencapai Wawasan 2020.

Persoalan yang ingin saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah apakah kerajaan sedar bahawa dasar-dasar tersebut sebenarnya gagal. Dasar Ekonomi Baru gagal, kehidupan orang Melayu, bangsa Melayu tidak banyak berubah, kadar kemiskinan juga tidak jauh berubah. Kadar kemiskinan kita jika dibandingkan di antara 1990 dan tahun 2000 untuk tempoh 10 tahun bolehlah dirujuk seperti berikut. Pada tahun 1990 kemiskinan di luar bandar di negeri Sabah berada pada tahap 39.1%. Sarawak 24...

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya habiskan dahulu, 24.7%, Semenanjung Malaysia 19.3%. Pada tahun 2000 setelah 10 tahun Sabah masih berada tahap 27.3%, Sarawak 16.5%, Semenanjung Malaysia 8%. Cuba kita bayangkan setelah masuk 40 tahun merdeka, peratus kemiskinan kita masih begitu tinggi. Apatah lagi jika dibandingkan kemiskinan luar bandar dengan bandar begitu ketara sekali bezanya. Saya minta kerajaan mengkaji taraf pencapaian Melayu dan Bumiputera bukan Islam dari sudut taraf ekonomi sebelum dan sesudah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional diperkenalkan. Jangan bagi kami angka besar 18%, 19% pencapaian bumiputera dalam sektor ekonomi dan perniagaan seperti Yang Berhormat Jasin katakan tadi. Kerana angka tersebut termasuk pelaburan-pelaburan badan-badan dan institusi-institusi seperti Tabung Haji, PNB dan sebagainya. Berikan kami *breakdown* yang lebih terperinci contohnya individu Melayu

berapa pencapaiannya? Individu bumiputera bukan Islam berapa pencapaiannya? Barulah kita boleh melihat dan mengukur apakah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional itu berjaya?

Kerajaan sedar bahawasanya golongan minoriti seperti bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang Asli dan golongan terpinggir lain masih jauh ketinggalan dalam bidang perdagangan dan perindustrian, pemilikan ekuiti dan guna tenaga dan juga pendidikan. Kerajaan harus berikan perhatian yang serius ke atas perkara ini, kalau tidak kita akan ketandusan wira peribumi seperti mana yang kita ada sekarang Yang Berhormat Mambong, pakar alam sekitar BBC.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakseimbangan dari segi ekonomi yang begitu ketara di antara bandar dan luar bandar ini telah menjadikan rakyat peribumi berbangsa Melayu, Kadazandusun, masyarakat kaum Iban, Kelabit, Bidayuh dan sebagainya berhijrah ke bandar dan meninggalkan kampung halaman mereka untuk meneruskan kehidupan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Seorang ahli:** Aik? Hai kenapa cepat sangat?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Baru lima minit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Kerana jika bertahan di kampung hidup mereka akan terus dihambat kemiskinan sekurang-kurangnya di bandar, *there is hope for some opportunity* dengan izin. Berdasarkan kepada kegagalan tersebut maka saya merayu kepada pegawai-pegawai Melayu yang pakar dalam ekonomi kewangan, perancangan strategi dan sebagainya supaya melihat nasib bangsa Melayu dan bumiputera yang lain dalam konteks yang lebih dekat. Apa ertinya Wawasan 2020 bila mana negara kita berjaya mencapai objektifnya menjadi negara membangun pada tahun 2020 nanti jika orang Melayu masih bangga dengan berniaga di kaki lima, menjual goreng pisang dan nasi lemak sedangkan bangsa lain berniaga di gedung-gedung canggih dan moden.

Janganlah sampai nasib orang Melayu menjadi kenyataan seperti pepatah Pak Pandir 'Ayam menang sabung, kampung tergadai' Malaysia maju, Melayu kantoi.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana caranya kita hendak merealisasikan 9 cabaran Wawasan 2020 yang telah digariskan oleh kerajaan jika sekiranya masih

terdapat peratus yang tinggi rakyat miskin dan termiskin di dalam negara ini. Kita boleh lupakanlah sebagai contoh membentuk sebuah negara yang bersatu padu dan yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, negara mestilah merupakan sebuah negara yang sejahtera, bersatu antara wilayah dan kumpulan etniknya. Kita lupakanlah ini jika sekiranya kemiskinan, jurang kehidupan dan akademi bangsa Melayu dan bumiputera lain begitu besar perbezaannya.

Ungkapan yang disebutkan tadi hanya ideal didengar tapi tidak mungkin dapat kita praktikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar abad ke-21 ini adalah satu abad yang bukan mudah kepada Malaysia dan juga segenap lapisan rakyatnya. Kita sedar proses globalisasi dan liberalisasi yang menuntut banyak perkara dari negara kita dan kita selaku rakyatnya. Tapi walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa mantan Perdana Menteri ada menyatakan dalam sebuah buku tulisan beliau yang berjudul *Dr. Mahathir On Globalization, South Review Volume 1*, di mana saya petik ucapan beliau,

*'We must make sure that the market and the economy is embedded within the values norms and rules and welfare of human being and human beings are not the servant and slash of the economy and market'*

Beliau juga menyatakan,

*'If globalization is indeed in inevitable it is critically important to ensure that it is immensely productive. And we must make sure that it does the greatest good for the greatest number of the children of Adam'*

Kalau kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ambil ungkapan tersebut jelaskan beliau mengatakan bahawa dalam apa bentuk sekali pun proses globalisasi kita harus pastikan nasib rakyat ini terutamanya Orang Melayu, bumiputera bukan Islam yang mundur ke belakang diberikan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung.. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukuplah!

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya menggulung, saya ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, tapi sudah dua kali *warning*, saya tidak beranilah nanti saya tidak boleh berucap lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena fikirilah, kita beri peluang kepada kawan-kawan kitalah.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ya, saya hendak berpesan Tuan Yang di-Pertua kepada bangsa Melayu yang berjawatan dalam kerajaan dan mempunyai kuasa untuk berbudi kepada bangsanya. Marilah kita renungkan maksud dan makna sebuah pantun yang berbunyi,

*Tegak rumah kerana sendi,  
runtuh sendi rumah binasa.  
Sendi bangsa ialah budi,  
runtuh budi, runtuhlah bangsa.*

Sekian, saya menyokong. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ampang.

#### **2.45 ptg**

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2003.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang penduduk Selangor ada berjumlah seramai 2.5 juta, bermakna 10% daripada penduduk di seluruh Malaysia ini tertumpu di negeri Selangor terutamanya di Lembah Klang. Kita dapati terdapat penghijrahan terutamanya rakyat Kelantan, Sabah dan Sarawak yang bertumpu di kawasan Lembah Klang.

Jadi, Faktor ini bukan sahaja faktor penarikan di Lembah Klang iaitu infrastruktur dan peluang pekerjaan yang lebih baik, tetapi saya percaya ada juga faktor penolakan di negeri-negeri tersebut, di mana tidak terdapat pembangunan yang diharapkan dan oleh itu peluang pekerjaan juga agak kurang di negeri-negeri tersebut. Ini termasuklah penghijrahan ibu-ibu tunggal yang di Selangor ini ada dicatatkan lebih

dari 7,500 orang ibu tunggal dan tidak seperti di Ketereh, di kawasan saya ibu tunggal itu kebanyakannya muda-muda. *[Disorak]*

Kadang-kadang akibat daripada pertumbuhan pesat pembangunan dan sebagainya, kita mendapati ibu tunggal ini mengambil langkah singkat untuk bekerja sebagai GRO dan sebagainya. Di samping itu juga penduduk yang padat ini menyumbang kepada beberapa masalah iaitu kesesakan lalu lintas, peningkatan jenayah dan penagih dadah, bertambahnya gejala sosial dan sebagainya, begitu juga oleh kerana kos sara hidup yang sangat tinggi, maka terdapatlah kemiskinan bandar. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah kita memintalah, seperti yang diminta oleh rakan-rakan lain supaya pembangunan di negara kita ini ditebarkan dan diseimbangkan bagi seluruh negeri termasuk di negeri-negeri yang kurang maju.

Keduanya, jika kerajaan membantu golongan yang dikenal pasti sebagai miskin di bandar ini, dapatlah supaya dibezakan amaun ataupun jumlah yang diberikan kerana RM300 di bandar tidak sama dengan RM300 di luar bandar.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya nampak Selangor ini memang betul di antara negeri yang boleh dikatakan termaju di negara kita dan Yang Berhormat bagi Ampang, 7,000 ibu tunggal tadi itu mungkin menarik perhatian kamilah kerana dikhabarkan tadi banyak mengambil jalan singkat untuk bekerja sebagai GRO ataupun gro.

Yang Berhormat bagi Ampang, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa dia itu?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ha, itulah yang saya hendak tanya ini. GRO ada yang hendak tanya apa dia, cuba jelaskan dan kemudian pecahan mengikut kaum bagi 7,000 itu – Melayu, Cina, India, Kadazan dan sebagainya. Sila.

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Saya minta maaf kerana saya tidak dapat memberi statistik pecahan kaum. GRO itu bermakna *Guest Relation Officer* ataupun Pegawai Perhubungan Pelanggan yang banyak disalahertikan. Jadi orang kampung ingat dia bekerja sebagai seorang pegawai, bukan kerja kerani tetapi sebenarnya banyak tersimpang ataupun tersasar daripada matlamat sebenarnya. Saya tidak mengatakan semua ibu tunggal begini sebab kementerian banyak membantu ibu-ibu tunggal tetapi kadang-kadang disebabkan kos sara hidup yang sangat tinggi dan bantuan tidak



mencukupi, maka kadang-kadang perkara ini menyumbang kepada mengapa mereka memilih jalan singkat ini.

Kedua, yang saya ingin tekankan di sini ialah saya sebenarnya sedihlah mendengar kawan-kawan di Sabah dan Sarawak sekolah....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun. Tetapi saya hendak ingatkanlah Yang Berhormat lebih elok menerima.....

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Saya ingat saya tidak benarkan, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....menerima nasihat sayalah tumpukan kepada ucapan yang disediakan kerana ada hanya 4 minit.

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Saya minta maaf, saya menerima nasihat Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Allah, hak ibu tunggal tidak bagi ke?

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Tidak bagi. Saya begitu prihatin dengan nasib sesetengah kawan-kawan kita di Sabah dan Sarawak, di mana ada sekolah yang dibuat daripada buluh. Di Ampang memang tidak ada, memang semua bangunan cantik terutamanya bangunan yang bukan dibuat oleh JKR, tetapi ada sekolah yang dibuat tidak sampai dua tahun sudah retak tiang, lantai sudah retak dan mendap, selepas itu besi yang dibuat pada tingkap itu pun dibuat dalam keadaan yang *substandard*, dengan izin di mana kita boleh patahkan sahaja benda itu dan ada kejadian menceroboh di mana peralatan di dalam Makmal Kemahiran Hidup telah dicuri. Jadi kerja-kerja yang *substandard* ini menyebabkan pihak sekolah terpaksa memohon peruntukan tambahan untuk membaik pulih dan apabila memohon peruntukan tambahan al-maklumlah benda ini pihak kementerian akan menjawab "...akan diambil tindakan, akan diambil tindakan" – tetapi sudah dua tahun pun tidak ada apa-apa jawapan.

Soalan saya yang ingin saya utarakan di sini ialah mengapakah pihak kementerian masih memberi kontrak kepada syarikat ini? Saya difahamkan bahawa syarikat ini di dalam pejabat Pendidikan Daerah Ulu Langat sahaja sudah 10 buah sekolah yang *complaint* berulang kali – acap kali *dicomplaint* tetapi masih lagi mendapat kontrak yang meluas.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Syarikat apa? Syarikat apa?

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Nanti saya cakap dengan Datuk Li di Coffee House, ya? Lagi satu, walaupun di Ampang ini ada satu kawasan di DUN Bukit Antarabangsa – dianggap kawasan elit. Memang elit sebab orang-orang yang berpendapatan tinggi, artis-artis semua tinggal di situ - ada 6,000 penduduk tetapi tidak ada sekolah. Masalahnya di sini, apabila pemaju membuat sesuatu perancangan perumahan, maka dikenal pasti satu tapak untuk sekolah ataupun satu tapak untuk masjid dan sebagainya, jadi, Pihak Berkuasa Tempatan tanpa memeriksa terus diluluskan (*approved*). Walhal tempat sekolah itu apabila ditinjau adalah terletak di satu kawasan yang sangat cerun, walaupun Kementerian Pelajaran telah meluluskan pembinaan sekolah, tetapi Unit Perancang Ekonomi (UPE) terpaksa menolaknya kerana kos yang menelan berpuluh-puluh juta ringgit.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan walaupun mereka boleh memberi alasan bahawa ini adalah Pihak Berkuasa Tempatan punya hal, tetapi mereka ini lebih berkuasa sebagai kementerian untuk memastikan bahawa segala garis panduan diikuti oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Ada masa lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada 2 minit. Dua minit.

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Sebenarnya saya hendak bercakap tiga *point* itu sahaja. Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.. Kota Melaka tidak berdiri, okay Muar.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kota Melaka? Muar?

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, punyalah ramai sampai yang tidak bangun dipanggil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak. Saya silap.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Tersilap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, ya, saya silap.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Okey, terima kasih Saya mengucapkan terima kasih banyak. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun mengemukakan manifesto pilihan raya yang cukup baik, pembangunan seimbang dan keseriusan membanteras gejala rasuah, dan hari ini kita mendengar begitu ramai Ahli Parlimen yang membicarakan tentang kemiskinan tegar.

Saya ingin menyentuh sebelum saya mulakan perkara yang ingin saya bangkitkan, dalam kita mencapai kemajuan yang begitu tinggi, begitu pesat saya ingin berkongsi beberapa statistik yang patut kita tengok, yang mana dalam kita mengejar kemajuan beberapa perkara yang mengganggu-gugat negara turut berkembang dalam keadaan yang cukup tinggi. Sebagai contoh jumlah penghidap Aids yang dilaporkan di negara kita:

TAHUN	JUMLAH PENGHIDAP
1990	18 orang
1991	60 orang
1992	73 orang
1993	71 orang
1994	105 orang
2002	1,193 orang

Satu peningkatan yang cukup membimbangkan.

Yang kedua, kalau kita tengok pada tahun 2003, jumlah yang direkodkan ialah 1,076 orang dan yang membimbangkan 1.7%, yakni 19 kes adalah kanak-kanak di bawah 12 tahun, yang lelaki memang cukup ramai 939 orang dan perempuan 137 orang.

Ini masalah negara yang sedang membangun yang kita kena lihat. Saya juga ingin berkongsi tentang statistik jenayah keganasan pada tahun 2003 – 22,790 kes, jenayah harta benda – RM1,333,525, yakni sebanyak 156,315 kes. Apakah kita merasa seronok, kita merasa bangga apabila kita maju, peningkatan gejala sosial itu turut meningkat. Apa yang ingin saya katakan di sini, saya tidak mempersoalkan tentang kemampuan pihak berkuasa dalam mengendalikan kes-kes jenayah di negara kita kerana INTERPOL sendiri mengiktiraf bahawa Malaysia berada di atas standard kemampuan menyelesaikan kes. Ini adalah kerana *standard benchmark* dunia ditetapkan sebanyak 20% dan Polis Diraja Malaysia telah mencatatkan 48%.

Apabila kita berkata tentang perbelanjaan negara, saya ingin menunjukkan bahawa kerugian jenayah penyeludupan dan aktiviti terlarang dijangka dan dianggarkan sebanyak RM2.8 bilion. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, kalau kita lihat tentang kerugian yang berlaku di dalam jenayah yang boleh mengakibatkan masalah sosial ini begitu tinggi, mengapa tidak kerajaan menimbangkan untuk mengeluarkan belanja dalam menguatkuasakan kesalahan-kesalahan ini dari berterusan supaya kerugian negara tidak begitu tinggi.

Adalah lebih baik kita mempertingkatkan peruntukan kepada pihak penguatkuasaan bagi membendung kerugian berterusan. Kerana kalau kita tengok dalam kita menjaga penjenayah yang dimasukkan di dalam penjara, pada tahun 2001, sebanyak lebih kurang RM212 juta diperuntukkan kepada penjara. Alangkah lebih baik kalau kita dapat kurangkan kadar jenayah walaupun kita dalam negara membangun, dapatlah kita guna dan selamatkan jumlah ini kepada perkara-perkara kemiskinan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sebelum saya kerana jumlah yang terlibat dalam perbelanjaan untuk menjaga masalah yang kita sendiri timbulkan cukup besar.

Jadi, perkara ini tidaklah dapat saya perincikan, cuma memohon agar pihak kerajaan dapat menimbang semula tentang penguatkuasaan yang banyak kita sentuh dan akhir-akhir ini kes ragut semakin meningkat. Vandalisme - kerosakan harta benda, kerugian samun, senjata api atau tidak, pecah rumah, curi motosikal/kereta meningkat saban tahun. Kerugian-kerugian ini boleh kita kurangkan dengan memberi sedikit insentif tambahan – tingkatkan penguatkuasaan. Belanjalah lebih di sini supaya kerugian tadi dapat kita atasi.

Saya mengharapkan kita telah menyebut banyak tentang perkara-perkara kemiskinan, saya hendak tumpang sedikit tentang pengumuman kerajaan untuk menjadikan negara kita yang tercari-cari bagaimana kita boleh meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara pertanian. Dalam kita memperkenalkan polisi atau dasar baru, kadangkala secara tidak sedar kita juga mengenakan sekatan. Contoh yang saya ingin utarakan ialah tentang pesawah.

Saya dari Johor dan semua tahu bahawa Johor bukan pengeluar padi yang besar di negara kita. Diadakan apa yang dipanggil definisi 'jelapang' dan 'luar jelapang'. Sudah seharusnya bagi negeri Johor yang terlibat dalam usaha sawah berada di luar jelapang yang telah ditentukan definisinya oleh pihak kementerian agaknya. Apabila di luar jelapang, bantuan yang diberikan tidaklah sebanyak tempat-tempat dalam kategori atau definisi 'jelapang'. Jadi apabila digalakkan orang untuk berniaga, ini yang bukan minta duit habis belanja minta lagi tetapi ini orang yang hendak bekerja tetapi dikategorikan sebagai 'luar jelapang', peruntukannya sedikit dan tanah yang diberikan dikenakan sekatan untuk tidak boleh digunakan bagi tujuan lain.

Kalau dia kata tidak hendak tanam sawah padi boleh tanam nanas, tidak apa juga. Ini dikategorikan 'luar jelapang' kemudian tidak boleh tanam benda lain. Orang di dalam jelapang boleh buat dua kali satu tahun dua musim, tetapi ini satu kali

setahun sahaja. Macam di Sungai Balang sebagai contoh, hanya dapat mengeluarkan 1.2 tan seekar atau lebih kurang 3 tan sehektar semusim. Kerajaan sedang bercerita mencadangkan untuk mengeluarkan 10 tan. Ini 3 tan sehektar satu musim. Yang dalam jelapang 10 tan dua musim setahun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Jadi kalau kita menggalakkan atau mengatakan yang kita membantu petani, kerana inilah tumpuan. Banyak skim yang diperkenalkan oleh kementerian, pihak kerajaan hanya melibatkan kumpulan pertengahan. Yang saya katakan ini kumpulan yang betul-betul hanya itulah pendapatan mereka, disekatnya lagi, bantuan yang diberinya kurang daripada definisi 'jelapang' kerana berada di luar jelapang, kemudian mendapat pendapatan yang sedikit.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Silakan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pencapaian 10 metrik tan atau 2 tan itu adalah bergantung kepada input yang diberikan dari segi baja, dari segi pengairan dan sebagainya. Jika sekiranya yang soal di kawasan jelapang dan di luar jelapang ini diteruskan, tidak dikaji, maka tempat-tempat yang di luar jelapang ini tidak akan diberi peruntukan yang cukup dan akhirnya kekurangan infrastruktur, kekurangan air dan sebagainya dan tidak akan mungkin tercapai 10 metrik tan dan oleh sebab itu tidak akan dapat diisytiharkan sebagai kawasan jelapang. Adakah Yang Berhormat sedar jika sekiranya ini tidak diubah, kawasan yang bukan jelapang ini tidak akan menjadi jelapang dan akhirnya tidak akan dapat peruntukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya gulung untuk memberi laluan kepada yang lain. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana saya dimaklumkan jelapang, luar jelapang adalah saiz sawah. Saya setuju sangat dengan Tuaran kerana hanya saiz sawah kurang 1,000 ekar, ia dikatakan di luar jelapang dan masalah yang disebutkan tadi itu memang betul. Ada satu cara cucuk dan satu cara lagi tabur. Untuk cucuk air tidak perlu banyak, untuk tabur saluran kena baik. Bila berada di luar jelapang, pihak saluran tidak mahu memberi kerjasama untuk membolehkan air masuk

dengan banyak. Bila air masuk tidak banyak, maka tidak bolehlah digunakan sistem tabur kerana padi tidak boleh hidup dengan dua musim setahun.

Jadi saya bersetuju sangat, cuma saya hendak pihak kementerian memikirkan tentang kalau kita hendak bantu, bantu sampai habis. Kalau tidak hendak bantu, beritahu, buat kerja lain. Ini adalah kerana mereka ini orang yang sanggup bekerja bukan minta duit sahaja tetapi sanggup bekerja cuma tidak mampu kerana sekatan yang kita sendiri kenakan. Kita perlu ingat kerana mereka inilah tanpa mempersoalkan banyak perkara telah menyokong Barisan Nasional. Bila dia jumpa, kita hendak jawab pun sudah tidak boleh kerana perkara yang disebut dan saya yakin apa juga alasan mereka tidak akan menentang kerajaan atas kesedaran bahawa kerajaan telah melakukan yang terbaik, cuma kadang-kadang kita secara tidak sengaja hanya kerana dasar untuk memudahkan penyaluran, kita membeza-bezakan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** ... dan memberi kesan kepada petani-petani kita sendiri. Untuk itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.

### **3.04 ptg.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Ada tiga isu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin utarakan pada petang ini.

Yang pertama ialah berkenaan dengan masalah undang-undang perumahan dalam negara kita sebab saya rasa masalah utama dalam undang-undang perumahan dalam negara kita ialah dari segi penguatkuasaannya. Saya berpendapat bahawa kadangkala kita nampak penguatkuasaannya tidak cukup garang untuk menakutkan pemaju-pemaju dalam negara kita.

Kadangkala ada projek-projek yang terbengkalai tetapi selepas beberapa bulan atau beberapa tahun, pemaju yang sama akan berganding bahu dengan kawan-kawan yang lain menubuhkan syarikat pemaju yang baru dan memulakan projek yang baru di tempat lain ataupun kadangkala dalam negeri yang sama. Jadi, saya rasa golongan pembelilah yang akan menjadi golongan yang teraniaya. Kadangkala wang simpanan

mereka hilang begitu sahaja disebabkan oleh sikap pemaju yang tidak bertanggungjawab, tidak jujur dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini membuat saranan kepada pihak kerajaan sama ada pihak kementerian boleh mewujudkan satu sistem carian yang mana seperti ada di Pejabat Tanah apabila kita buat fi bayaran untuk carian, kita boleh dapat semua maklumat berkenaan dengan tanah yang berkenaan dengan maklumat pemilikan, sama ada tanah itu dibebankan ataupun tidak. Jadi, jika pihak kementerian dapat mengumpul semua data bukan sahaja berkenaan dengan nama syarikat pemaju tetapi juga pemegang saham dan pengarah-pengarah yang terlibat dalam projek-projek tersebut, jadi apabila kita buat carian kita dapat tahu sama ada pemaju-pemaju yang terlibat dalam projek-projek yang baru itu mempunyai projek-projek yang terbengkalai dahulu ataupun sama ada sesuatu pemaju telah pun berjaya mengusahakan projek-projek yang lain pula. Jadi, saya percaya dengan sistem carian ini golongan pembeli dalam negara kita bolehlah dipelihara dengan lebih berkesan lagi.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin utarakan pada petang ini ialah kes-kes ragut. Jenayah-jenayah ragut ini telah pun begitu hangat sekali diperbahaskan di Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, baik dari Barisan Nasional ataupun pihak pembangkang. Sebenarnya di Melaka baru-baru ini saya telah pun mengadakan satu perjumpaan dengan Ketua Polis Melaka dan juga OCCI, iaitu Ketua Pegawai Penyiasat Jenayah dan juga OCPD. Saya dapati bahawa sebenarnya di Melaka wujudnya penurunan jumlah kes jenayah ragut, iaitu bagi tahun 2003 Januari ke Jun dalam tempoh ini wujudnya 244 kes ragut dan bagi tempoh yang sama tahun ini wujudnya 123 kes ragut sahaja iaitu wujudnya penurunan 121 kes di Melaka.

Jadi, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada PDRM di Melaka secara khusus dan juga PDRM di Malaysia yang telah pun banyak berkorban dan berusaha dengan gigih demi ketenteraman awam. Tetapi saya rasa kita tidak haruslah berpuas hati terutama sekali di Melaka kerana saya rasa kita haruslah berusaha dengan lebih gigih lagi untuk memastikan zero kes ragut di negeri Melaka dan kalau boleh di Malaysia.

Dari segi hukuman pula, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bila saya meneliti Kanun Keseksaan, saya dapati ada dua kemungkinan iaitu sama ada didakwa di

bawah Seksyen 379 untuk kes kecurian sahaja ataupun di bawah Seksyen 392 iaitu kes samun. Jadi, saya rasa bagi kes-kes dari segi hukuman ke atas jenayah ragut ini kita haruslah memihak kepada kes samun iaitu kes samun yang mana akan mengenakan lebih berat lagi hukuman. Saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya meningkatkan lagi hukuman bagi kes melibatkan jenayah ragut ini dan jadikanlah apabila bukan sahaja harta benda diragut kadangkala nyawa diragut dan sesetengah kes juga menyebabkan kecederaan kepada mangsa-mangsa.

Jadi, saya rasa dalam kes ragut ini kita haruslah menjadikan sebatan dalam kes jenayah ragut ini yang melibatkan niat untuk mencederakan mangsa. Jadikan sebatan itu wajib dan tidak ada pilihan lain bagi pihak mahkamah. Saya rasa dengan peningkatan dalam hukuman ini saya rasa kita bolehlah memberi satu mesej kepada penjenayah bahawa '*think twice before you do it*', dengan izin.

Isu yang ketiga, secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, ialah ke atas pendidikan prasekolah. Pendidikan prasekolah ini saya rasa sungguh penting kerana anak-anak muda kita merupakan kunci kemakmuran negara. Jadi, saya percaya kita haruslah menitikberatkan pendidikan prasekolah ini sejak awal lagi, sebaik-baiknya pendidikan yang berkualiti diberikan dalam prasekolah ini. Saya dapat satu statistik daripada pihak kerajaan yang menyatakan bahawa dalam negara kita sehingga Julai 2004 seramai 76,548 orang anak-anak sedang mengikuti kurikulum prasekolah kebangsaan di kelas-kelas prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia di seluruh negara.

Jadi, saya rasa dalam Akta Pendidikan 1996 satu peruntukan iaitu Seksyen 29A telah pun menarik perhatian saya, sebab Seksyen 29A ini mewajibkan pendidikan rendah. Jadi, ibu bapa yang telah pun gagal menghantar anak-anak mereka untuk menghadiri pendidikan rendah akan dikenakan satu kes jenayah atas kegagalan mereka. Jadi, saya rasa peruntukan yang sebegini haruslah digunakan juga dalam pendidikan prasekolah. Jadi, saya rasa hanya inilah kita dapat mengubah minda dalam golongan ibu bapa supaya menitikberatkan pendidikan prasekolah ini.

Dengan lafaz kata-kata tersebut tergelunglah ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rantau Panjang.

**3.10 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian sedikit di sini terutama sekali



berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dua hari yang lepas. Beliau mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak adil memberi peruntukan kepada semua rakyat yang di Kelantan, dan beliau mengatakan kerajaan juga tidak pernah menafikan hak rakyat Kelantan terutama yang berpendapatan rendah yang tergolong di dalam penduduk miskin tegar.

Beliau juga mengatakan kerajaan terus menyalurkan bantuan kerana rakyat Kelantan juga adalah rakyat negara ini yang perlu dibela, dan beliau mengatakan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dengan adil kepada rakyat Kelantan dan akan menyalurkan bantuan tanpa mengira fahaman politik. Seterusnya beliau mengatakan Kelantan masih mempunyai 12,826 orang isi rumah dan masih lagi berada di tahap miskin tegar.

Saya berterima kasih kepada pihak Timbalan Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Bachok yang mengeluarkan kata-kata seperti ini. Kalau benarlah apa yang dikatakan seperti ini dan kalau jujur beliau mengatakan seperti ini, maka saya berterima kasih dan insya-Allah, rakyat Kelantan dalam masa yang singkat ini akan kurang dari segi tahap kemiskinannya. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah sebelum beliau berhasrat begitu tinggi untuk mengurangkan taraf kemiskinan rakyat Kelantan ini, pertama saya ingin mendedahkan perkara-perkara yang telah diusahakan oleh Kerajaan Kelantan hasil daripada memerintah Kelantan 14 tahun ini dengan keadaan yang daif, Kerajaan Kelantan berhempas pulas menurunkan peratus kemiskinan rakyat Kelantan ini dan kita boleh lihat di sini dalam keadaan yang daif sekalipun kita telah berjaya menurunkan dari segi peratus kemiskinan ini, iaitu daripada tahun 1990 kita lihat waktu itu baru sahaja mengambil alih daripada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di Kelantan, keadaan kemiskinan Kelantan berada di tahap 29.5%. Kemudian, setelah Kerajaan Kelantan memerintah lima tahun, tahun 1995 ianya sudah turun kepada 22.9%. Kemudian pada tahun 1999 turun lagi sampai ke-18.7%. Hingga tahap tahun 2000 telah pun turun sampai kepada peringkat 12.4%.

Penurunan ini ialah sebenarnya sebanyak 17.1% selama PAS memerintah Kelantan 14 tahun. Jadi, satu penurunan yang agak tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang lebih berupaya barangkali yang pendapatan negeri itu tinggi tetapi cara mainan ataupun cara usaha yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan waktu itu barangkali tidak sama dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Kalau pihak Timbalan Menteri berhasrat untuk mengurangkan kedudukan rakyat Kelantan dari segi *politicking*, saya hendak menyeru kepada pihak yang berkenaan pertama sekali masalah subsidi baja padi yang berterusan bermula dari tahun 1990 setelah PAS memerintah Kelantan, maka subsidi baja padi cap Dacing itu didiskriminasikan kepada Kerajaan Kelantan sehingga Kerajaan Kelantan terpaksa mengeluarkan peruntukan sendiri, sehingga sekarang ini sudah RM4 juta setiap tahun untuk membantu rakyat Kelantan yang telah didiskriminasikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Yang kedua, bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat sekarang ini juga kalau betul-betul kerajaan berhasrat untuk membantu rakyat Kelantan, maka bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat terbesar ini hendaklah dikembalikan.

Yang ketiga, peruntukan rumah kos rendah yang ditahan terus, tidak diberi kepada Kerajaan Kelantan beberapa tahun kemudian ini, saya harap pihak kerajaan mengkaji semula memberi kembali kepada Kerajaan Kelantan untuk meneruskan pembinaan rumah kos rendah di Kelantan ini.

Kemudian, yang terakhir, zaman terakhir ini, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pula peruntukan *one-off* yang diberi kepada rakyat Kelantan, juga berlaku diskriminasi. Saya akan dedahkan perkara ini, dalam mesyuarat yang akan datang ini, dengan keadaan *detail* kerana saya dapat maklumat yang *detail* terhadap diskriminasi yang dilakukan kepada rakyat Kelantan, yang tidak diberikan wang *one-off* ini.

Sudah bantuan, *voucher*, *tuition* juga berlaku diskriminasi dan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga berlaku berleluasa, di mana sebahagian besar orang yang tidak patut diberi, tetapi masih lagi diberi bantuan kepada mereka ini, melalui sokongan daripada Ketua Bahagian UMNO, melalui orang-orang kuat dalam UMNO ini kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan secara keterpaksaan supaya mereka ini diluluskan bantuan, untuk membolehkan mereka itu mencari pengaruh di dalam masyarakat, khususnya UMNO di dalam cawangan-cawangan.

Saya melihat di sini ialah perkara yang saya hendak sebut ini - saya hendak sebut lagi ialah kedudukan bagaimana Ahli Parlimen Ketereh semalam menyuarakan rasa kesal terhadap JPP Kelantan, yang membekukan peruntukan yang telah

diluluskan oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM2 juta, tidak dicairkan kepada orang rakyat Kelantan.

Saya berterima kasih kepada pihak JPP Kelantan kerana barangkali mereka ini tidak mudah untuk mencairkan wang tersebut ataupun tidak mudah untuk mengeluarkan wang tersebut kerana pegawai-pegawai di Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan ataupun JPP ini, telah pun merasai bagaimana berleluasanya pemimpin-pemimpin UMNO menggunakan duit yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Pusat ini melalui JPP, di dalam melaksanakan beberapa projek kecil, terutama sekali jalan-jalan di kampung.

Umpamanya, sepotong jalan untuk ditarkan, yang pendek, satu kilometer, biasanya kerajaan Kelantan ini memberi tender dengan harga lebih kurang antara RM30 ribu dengan RM40 ribu sahaja sekilometer. Tetapi, UMNO menekan JPP supaya memberi kepada mereka itu sebanyak RM60 ribu untuk membina jalan yang sama juga, iaitu sekilometer. Perbezaan begitu ketara sekali dengan fasa-fasa yang diberikan.

Kemudian, mutu jalan tersebut pula tidak sama dengan mutu yang dibuat oleh pihak kontraktor-kontraktor yang diberi oleh Kerajaan PAS Kelantan, melalui tender, melalui proses yang betul. Ini menyebabkan pihak JPP sendiri merasai curiga, merasa tidak harap kepada pemimpin UMNO Kelantan ini, yang menggunakan duit rakyat berleluasa, tetapi tidak membuat kerja dengan keadaan yang lebih baik.

Ini contoh-contoh yang kita boleh dapati. Barangkali Ahli Parlimen Ketereh ini baru dalam UMNO, dia belum mengetahui kerehah-kerehah yang dilakukan oleh pemimpin UMNO Kelantan ini, sehingga pegawai-pegawai yang berada di Jabatan Bangunan Persekutuan sendiri pun ....

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Yang Berhormat bagi Bachok, saya beri sebab Bachok. Yang Berhormat bagi Jeli, ya sila. Asal Bachok tetapi lari ke Jeli. Sila.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah membuat beberapa tuduhan melulu tanpa bukti yang jelas. Dia tuduh tadi Kerajaan

PAS bina jalan harganya rendah. Saya hendak tahu jalan mana yang dibina oleh Kerajaan PAS, yang pertama.

Yang keduanya, kalau hendak buat tuduhan begitu, ahli UMNO menggunakan wang kerajaan untuk projek tertentu hendaklah spesifik, jadi tuduhan yang serius. Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Parlimen tidak patut bercakap begini dalam Dewan ini, tanpa bukti yang jelas. *[Tepuk]* Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat kemukakan kepada saya secepat mungkin, bukti, saya akan siasat perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jeli. Secara ringkas saya beritahu, *on the spot*, jalan daripada Kampung Serongga ke Kampung Seberang Merbau satu kilometer, UMNO membina jalan tersebut RM60 ribu. Jalan daripada Seberang Merbau-Lubuk Jong, PAS membuat hanya RM30 ribu. Jalannya yang sama. *[Disampuk]* Itu RM30 ribu. Ini membuktikan....

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, sekejap.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya tahu, Yang Berhormat ini bukan *engineer*....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** ... jalan-jalan ini banyak spesifikasi. Jalan PAS ini nipis sahaja, jalan UMNO ini kira kita ikut *spec*..

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tidak boleh buat perbandingan, besar kepada panjang. Tidak boleh macam itu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak payah *engineer*, orang kampung pun tahu.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ada *specnya*.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak payah *engineer*, orang kampung pun tahu, nilai jalan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baiklah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sebutkan *specnya*, *specnya* sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tiga bulan UMNO buat jalan hancur. PAS buat jalan enam bulan, tidak ada apa-apa lagi. Itu rakyat boleh menilai. Ahli Parlimen lagi tentu boleh menilai.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Jangan tipu Dewanlah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya tidak menipu, ini fakta yang ada di depan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulunglah. Sila gulung!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Gulung sudah? Saya baru hendak dedah penipuan UMNO Kelantan ini kepada Ahli Parlimen yang baru-baru dalam Kelantan ini. Ahli Parlimen lama sudah tahu sebab itu dia lari. Dia tidak boleh duduk lama di Bachok. Saya hendak beritahu kesimpulannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kena ada ukuran. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri kena ada ukuran, tidak boleh macam itu. Makna panjangnya, tidak tepatlah, kena jawablah. Sila gulung, sila gulung.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya ada bukti, saya boleh bawa bukti. Sebagai kesimpulannya ada di antara jalan, yang kerajaan kita membantu jalan tersebut untuk ditar dengan peruntukan sebanyak RM30 ribu. Kontraktor UMNO, hanya tar sahaja di atas batu yang telah kita kambus, dia *claim* RM60 ribu. *[Disampuk]* Batu telah kita beri. Mana boleh ini macam?

Patutnya JPP dia tahu, sebab itu JPP tidak mahu beri duit lagi kepada UMNO Kelantan, dia tahu, dia pegang, perangai hodoh. Dia sepatutnya *claim* tar sahaja tetapi dengan batu-batu pun dia *claim* sekali. Ini perangai UMNO Kelantan, saya beritahu supaya Ahli Parlimen UMNO yang baru-baru ini faham.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang buat satu lagi tuduhan, dia kata JPP beri duit pada UMNO Kelantan, mana jabatan kerajaan beri duit kepada parti politik ini, saya hendak tahu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Kontraktor UMNO yang buat kerja ini, beri melalui JPP. Kontraktor UMNO.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat kata UMNO tadi, bukan kontraktor.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Kontraktor UMNO, yang UMNO, kontraktor UMNO ini samalah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** UMNO, tidak ada kontraktor. UMNO tidak ada kontraktor, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak sama. UMNO dan kontraktor UMNO tidak sama.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, kontraktor UMNO, perangai UMNO ini serupalah. Sama ada dia kontraktor, serupa sahaja, perangai hodoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah, cukup.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Kesimpulannya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup sudah. Yang Berhormat bagi Rasah.

### **3.21 ptg.**

**Dato Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit tentang keperluan pelan induk kampung-kampung baru. Negara kita adalah semakin berkembang, taraf hidup rakyat kita juga semakin meningkat mengikut perkembangan zaman. Begitu juga taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan-kawasan kampung baru, boleh dikatakan setiap keluarga di kampung baru pada hari ini ada memiliki sekurang-kurangnya sebuah atau lebih daripada sebuah kenderaan. Tetapi, didapati keadaan jalan di kampung, di kawasan kampung baru masih sempit dan tidak selesa. Ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas sering berlaku di kawasan kampung baru dan menimbulkan perasaan kurang seronok penduduk-penduduk kampung dan pengguna jalan yang datang melawat sesuatu di kampung baru.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat menyediakan pelan induk bagi setiap kampung baru untuk mengkaji, mempertingkatkan keadaan jalan yang sempit termasuk infrastruktur lain seperti sistem perparitan, tanah-tanah lapang di tepi jalan dapat digunakan untuk kerja-kerja melebarkan jalan dan kerja-kerja pembinaan longkang.

Tiap-tiap lampu jalan juga perlu dialihkan ke tempat yang sesuai. Saya cadangkan kerajaan ambil Kampung Baru Serdang untuk dijadikan contoh, memandangkan Kampung Baru Serdang merupakan satu kampung baru yang amat baik dan bersistem, kerana mempunyai sistem lalu lintas dan infrastruktur yang sempurna dan sistematik. Oleh itu penduduk di kampung baru ini amat menyokong niat kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada beberapa orang, dahulu mereka adalah kakitangan kerajaan seperti guru sekolah kerana dipilih oleh parti menjadi calon bertanding dalam pilihan raya, dan mereka berjaya menjadi wakil rakyat. Pada masa itu mereka cuma berumur 30-an, kerana nasib kurang baik, mereka cuma jadi satu penggal wakil rakyat sahaja dan tidak dapat bertanding lagi, mereka perlu menunggu masa lebih kurang 7 atau setahun lagi, barulah boleh dapat wang pencen. Ini sudah tentu menjadi satu masalah kehidupan keluarganya. Oleh itu saya berharap kerajaan dapat uruskan untuk memberi wang pencen terus kepada pesara-pesara wakil rakyat dan tidak perlu tunggu sampai umur 50 tahun. Pesara wakil rakyat dalam lingkungan 40-an juga tidak ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada sebutkan tentang seorang bekas wakil rakyat. Memang betul ada keluar dalam *paper*. Baru-baru ini dalam satu majlis perjumpaan bekas-bekas wakil rakyat dengan Menteri Besar yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Bekas-Bekas Wakil Rakyat. Pengerusinya ada menyeru kepada kerajaan supaya dapat mengambil berat tentang kehidupan bekas-bekas wakil rakyat kerana ada terdapat bekas wakil rakyat yang terpaksa berniaga teh tarik untuk mendapat sumber bagi kehidupan keluarganya. Saya harap nasib bekas-bekas wakil rakyat juga boleh dapat perhatian khas Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan oleh Persatuan Pengusaha Lori Negeri Sembilan bahawa kos-kos perbelanjaan bagi kenderaan komersial di negara kita adalah begitu tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Sebagai contohnya cukai jalan bagi kenderaan muatan 36 tan iaitu BDM 36,000 kg, di Malaysia adalah sebanyak RM6,864, Singapura cuma RM5,396, Thailand cuma RM730. Jadi tentang tayar contohnya jenis Michelin, Malaysia adalah RM1,100, Singapura cuma RM860 dan Thailand cuma RM545 dan alat-alat gantian (*spare part*), Malaysia 20% + 10% *sell tax* dengan izin hingga 35% + 10% *sell tax*. Singapura pula cuma 5% GTS, Thailand cuma 10% tax.

Di samping itu duti import bagi kenderaan lori jenis "euro" enjin yang tidak menimbulkan pencemaran alam, diharap dapat dikaji. Berbanding dengan negara-negara jiran kita, kenderaan lori jenis "euro" kita adalah masih tinggi. Oleh itu saya berharap kerajaan dapat mengkaji untuk menurunkan kadar cukai jalan dan kos duti import di negara kita kerana perkhidmatan lori juga memainkan peranan penting dalam

pertumbuhan ekonomi negara kita. Jika kos-kos dapat diturunkan, sudah tentu harga-harga pasaran barangan kita dapat juga turun dan dapat bersaing dengan negara-negara jiran kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat setuju dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memilih guru-guru *super*. Pemilihan guru-guru *super* ini adalah berdasarkan guru yang terbaik dan terbilang. Guru-guru *super* ini juga ada keistimewaan seperti tambahan gaji 20% dan tambahan elaun. Cadangan ini adalah amat baik untuk memberi galakan kepada guru-guru dan sekali gus dapat menjadikan pendidikan satu agenda penting dalam pembinaan negara supaya menegakkan mutu akademik dan meningkatkan moral generasi muda kita. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rembau.

**3.30 ptg.**

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari itu tidak dapat cakap semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jadi hari ini saya harap dapatlah gunakan peluang ini sebaik-baiknya. Tambah masa sikitlah [*Ketawa*]

Jadi sebenarnya saya hendak sebut tentang DEB. Jadi Dasar Ekonomi Baru ini sama ada kita bersetuju atau tidak sebenarnya adalah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat keseluruhannya terutama sekali kepada masyarakat bumiputera kerana DEBlah, beribu-ribu pelajar Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kerana DEBlah orang-orang miskin di kampung macam saya berpeluang membeli saham. Mana ada satu skim dalam dunia di mana rakyat termiskin boleh beli saham dengan nilai cuma RM10, malah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, pada tahun 1992 apabila kerajaan melancarkan Skim ASB PPRT, seramai 140,000, sekarang ini sudah menjadi 150,000 masyarakat miskin di seluruh negara telah dapat diberi peluang membeli saham 5,000 unit daripada PNB



yang disalurkan melalui peruntukan Bank Negara. Hari ini orang kampung, hujung-hujung tahun dia dapat RM200 ke RM300 dalam bentuk dividen.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu banyak lagi bidang-bidang yang kita lihat penyertaan orang Melayu telah meningkat. Tetapi ada bidang-bidang lain yang penyertaan orang Melayu dan juga bumiputera lain masih berkurangan. Dalam masa yang sama kita juga tidak boleh menafikan hakikat bahawa masyarakat bumiputera juga telah mendapat manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru ini. Contohnya dari segi pemilikan modal saham pada nilai tara syarikat berhad pada tahun 2002.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dato' Firdaus bin Harun:** Tidak ada masa, minta maaf, saya tidak ada masa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit, sedikit.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Ha, okeylah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ala kawan-kawan, Yang Berhormat bagi Rembau, ese sama orang kampung, ese masuk suku ya? *[Ketawa]* Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Rembau, walaupun DEB ini kita khusus untuk membangun ekonomi, sosial dan sebagainya untuk bumiputera tetapi saya amat bersetuju bahawa DEB ini juga membantu yang bukan bumiputera untuk sama-sama kita berpakat dalam pengurusan ekonomi dan lain-lain. Jadi ini membuahakan kebaikan sebuah negara berbilang bangsa ini supaya kita pakat-pakat, tidak lagi wujud sistem Ali Baba macam dahulu. Sekarang ini sudah jadi syarikat yang kita berpakat antara satu sama lain. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Dato' Firdaus bin Harun:** Ya, setuju, setuju, yang sekarang ini kita kenali sebagai *smart partnership*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Setuju sahaja *[Ketawa]*

**Dato' Firdaus bin Harun:** Jadi saya hendak sebut tadi misalnya dari segi hak milik modal saham pada tahun 2002. Walaupun milik saham bumiputera turun kepada 18.7% daripada 18.9% pada tahun 2000, tetapi milik bukan bumiputera meningkat daripada 41.3%, nilainya RM137 bilion kepada RM168.9 bilion. Tetapi kita harus sedar bahawasanya dari segi bumiputera tadi, itu termasuk yang dipegang oleh institusi-institusi dan juga agensi amanah. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah ada 63 resolusi yang dilaporkan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga pada tahun 1992 yang diadakan pada 10 hingga 12 Januari, saya ada bukunya di sini

yang diadakan di PWTC, ada 63 resolusi. Cuma kita harap pihak kerajaan akan menilai semula sama ada resolusi-resolusi itu telah dilaksanakan? Kalau sudah dilaksanakan, setakat mana pencapaiannya? Misalnya saya ambil contoh, resolusi pertama ialah supaya diwujudkan dasar usaha sama yang khusus bagi mendorong penubuhan usaha sama yang tulen dan berdaya maju. Dasar ini hendaklah digubal bersama antara kerajaan dengan kerjasama Dewan Perniagaan Dan Perusahaan, itu satu.

Kemudian ada juga disebut, resolusi keempat, diadakan dialog berkala di antara semua Dewan Perniagaan dan Perusahaan serta gabungan-gabungan di semua peringkat untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama yang lebih mantap. Kemudian juga disebut supaya ditawarkan sebahagian daripada ekuiti syarikat swasta kepada eksekutif bumiputera di syarikat-syarikat berkenaan yang mempunyai potensi menjadi rakan usahasama yang aktif. Memang ada dijalankan tetapi soalnya setakat mana, ke tahap mana dan berapa peratusnya.

Kemudian juga disebut, resolusi 12, supaya syarikat-syarikat swasta bukan bumiputera menambah kakitangan bumiputera dalam bidang pemasaran dan kejuruteraan. Kita tak hendak mereka di peringkat buruh, di peringkat kerani sahaja tetapi juga di peringkat pengurusan, selain daripada program-program, dengan izin, *management byout* dan sebagainya.

Kemudian resolusi 13, supaya pengagihan saham-saham khas untuk bumiputera hendaklah juga dipanjangkan kepada syarikat-syarikat bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Jadi ada banyak lagi resolusi dan saya cadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan supaya pengisian DEB ini berjalan terus dan dipantau dengan baik, saya cadangkan supaya diwujudkan sistem *monitoring* atau pemantauan di peringkat Pusat dan juga di peringkat negeri dan tidak kurang pentingnya di peringkat daerah, kalau belum wujud supaya diwujudkan, kalau sudah wujud, dipertingkatkan. Sebab saya dapat melihat, saya ambil contoh, saya dulu pernah berkhidmat sebagai ADUN selama dua penggal, Majlis Daerah merupakan satu-satunya badan yang boleh memainkan peranan untuk meningkatkan ekuiti bumiputera di sektor korporat khususnya dalam bidang katakanlah ruang-ruang perniagaan.

Kalau wakil rakyat tidak tegur, kalau wakil rakyat yang berkenaan tidak ada semangat DEB, kadang-kadang pengagihan kerja, pengagihan ruang kedai itu tidak

menepati sebagaimana yang dihasratkan oleh DEB tadi di mana sekurang-kurangnya 30 peratus diberikan kepada masyarakat bumiputera. Saya ada angkanya di sini seperti yang disebut hari itu yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu misalnya kompleks perniagaan milik bumiputera hanya lebih kurang 5.6 peratus sahaja.

Kalau premis perindustrian lagi sedikit iaitu sebanyak 2.6 peratus sahaja sedangkan rakan kita yang bukan bumiputera khususnya orang Tionghua, dia ada 42.6 peratus kompleks perniagaan. Premis perindustrian, orang Tionghua memiliki 44.8 peratus; bangunan setingkat pun walaupun ada peningkatan iaitu bumiputera memiliki lebih kurang 18.3 peratus tetapi yang bukan bumiputera, rakan kita orang Tionghua memiliki 62.6 peratus; yang dua tingkat, bumiputera cuma memiliki 9.2 peratus sahaja manakala bangunan tiga tingkat sebanyak 6.1 peratus.

Jadi dari segi pemilikan premis ini penting sebab kalau kita hendak wujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, tempat berniaga ini penting. Kalau menyewa pejabat orang, bila dia tengok kita maju dia pun akan menaikkan sewa. Ini banyak berlaku. Jadi tuan-tuan, puan-puan sekalian, lagi satu yang saya hendak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Minta maaf. Jadi, misalnya dari segi cadangan mewujudkan perniagaan keluarga bumiputera, dulu semasa resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera disebutkan pada masa itu terdapat 107,000 syarikat milik bumiputera, nisbah keluarga kepada jumlah seisi rumah bumiputera ialah masa itu bagi sepuluh keluarga bumiputera cuma ada satu peniaga ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, minta gulung.

**Dato' Firdaus bin Harun:** .... berbanding dengan bagi setiap dua keluarga Cina ada satu peniaga. Jadi dalam masa itu dicadangkan agar nisbah ini diperbaiki beransur-ansur kepada 1.5 untuk bumiputera menjelang tahun 2020. Jadi sekarang bagaimanakah kedudukannya setelah lebih 10 tahun berlalu?

Begitu juga dari segi syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bumiputera, *targetnya* ialah untuk memastikan wujud kira-kira 773,000 pada tahun 2020. Sekarang ini bagaimana? Sebab diandaikan nisbah kaum Cina meningkat dari nisbah bagi setiap

dua ada satu peniaga kepada satu peniaga bagi tiap-tiap satu keluarga pada tahun 2020.

Akhir sekali, selain daripada itu saya juga hendak menyebutkan dari segi program pembasmian kemiskinan ini sudah berjalan dengan baik. Kita ucapkan tahniah kepada kementerian yang berkenaan tetapi saya cadangkan juga supaya di peringkat daerah dan juga peringkat negeri diadakan penyelarasan sebab ramai atau banyak kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan juga beberapa kementerian lain.

Jadi mungkin untuk mengelakkan timbal tindih kerja, perlu diwujudkan misalnya Jawatankuasa Penyelaras di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri supaya usaha-usaha yang dijalankan untuk mewujudkan usahawan bumiputera dan juga untuk memastikan DEB mencapai matlamatnya dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan berkesan. Terima kasih, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Gombak.

### **3.41 ptg.**

**Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Kita tahu bahawa banyak usaha-usaha gigih yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan taraf kesihatan penduduk di Malaysia. Sebagai bukti bahawa keberkesanan program-program kesihatan ini, kita lihat daripada data-data penting yang diedarkan ini didapati bahawa jangka hayat ketika lahir bagi kaum lelaki telah meningkat kepada 71 tahun iaitu satu angka yang hampir mendekati negara maju dan jangka hayat ketika lahir bagi perempuan ialah 76 tahun. Jadi kita akan menghadapi lebih banyak ibu tunggal pada masa-masa akan datang kalau kita lihat bahawa perbezaan jangka hayat di antara lelaki dan perempuan ini.

Selain daripada itu, *indicator* ataupun petunjuk yang penting dalam kesihatan iaitu seperti jangka kadar mortaliti bayi ataupun dengan izin, *infant mortality rate* juga

telah banyak *improve*, atau telah banyak berubah, lebih banyak lebih baik. Contohnya, tahun 2004 kadar mortaliti bayi ini ialah 5.6 manakala tahun sebelumnya ialah 6.8. Ini menunjukkan juga bahawa petunjuk-petunjuk yang menunjukkan bahawa dari segi tahap kesihatan kita telah menghampiri ataupun mendekati negara maju.

Begitu juga dari segi perawatan perubatan yang lain, misalnya dari segi prasarana perubatan. Contohnya kita mempunyai institusi perubatan yang begitu baik, yang begitu canggih seperti Institut Jantung Negara, yang mempunyai prasarana yang hampir mendekati ataupun sama tarafnya dengan peringkat antarabangsa begitu juga dengan kepakaran-kepakaran yang ada, contohnya di Institut Jantung Negara yang diakui di peringkat antarabangsa

Apa yang hendak saya tekankan ini walaupun kita nampaknya maju dari segi konsep yang berkait rapat dengan rawatan, walau bagaimanapun saya tengok ada sedikit kecuaiian ataupun mungkin kekurangan tumpuan terhadap aspek-aspek kesihatan yang berkaitan dengan perubatan pencegahan. Mengapa saya mengatakan demikian? Kerana kita masih lagi dilanda oleh penyakit-penyakit yang selalu melanda negara-negara Dunia Ketiga ataupun negara-negara yang keadaan sosio-ekonominya jauh lebih rendah berbanding dengan kita iaitu contoh-contoh seperti penyakit *cholera* atau penyakit taun. Dari masa ke semasa kita masih mendengar penyakit ini, kita masih lagi dilanda dari masa ke semasa penyakit demam kepialu ataupun selalu disebut sebagai *typhoid* dan kita juga selalu dilanda penyakit ataupun wabak-wabak seperti wabak hepatitis A.

Jadi mengapa penyakit-penyakit begini masih berlaku? Penyakit-penyakit ini masih berlaku kerana berlakunya pencemaran terhadap air dan juga makanan daripada yang kita makan. Bagaimana pencemaran ini boleh berlaku? Kita tahu bahawa pencemaran ini boleh berlaku oleh kerana banyak faktor. Di antara faktor yang terbesar, yang saya perhatikan, yang tidak memerlukan banyak belanja untuk mengatasinya ialah faktor pencegahan dari segi melihat bagaimana pengendalian makanan itu dan juga bagaimana *hygiene* premis-premis makanan itu. Kalau ...

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Ya, silakan. Jangan lama sangat Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gombak. Saya rasa agaknye kurang tepat Yang Berhormat punya pendapat. Kita memang pada satu ketika dahulu telah pun terkeluar daripada penyakit-penyakit tadi, taun dan sebagainya. Tetapi kerana kedatangan pendatang-pendatang dari negara-negara luar yang tidak lagi di negara asal mereka, penyakit-penyakit itu hapus. Dengan sebab mereka datang, kita punya pencapaian ada gangguan sedikit. Tetapi tidak tahulah, Yang Berhormat bagi Gombak lebih faham daripada saya tentang perkara-perkara penyakit. Saya memang tidak arif. Asal penyakit jangan datang kepada saya sudahlah. *[Ketawa]* Jadi, minta sedikit penjelasan.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih. Memang pandangan itu ada kebenarannya, tetapi ada faktor-faktor lain juga yang harus kita lihat bahawa yang menyumbang kepada penyakit ini dan kita tahu bahawa sebagaimana yang saya katakan tadi, dari segi contohnya premis makanan. Kalau kita lihat banyak premis makanan yang keadaannya dari aspek *hygiene* atau aspek kebersihan begitu teruk di mana perlu diperbaiki. Begitu juga dengan soal yang berkaitan dengan pengendali makanan itu sendiri.

Walaupun kita tahu bahawa ada akta-akta ataupun ada undang-undang seperti Akta Makanan yang mana kuasanya telah diturunkan kepada pegawai kesihatan ataupun inspektor kesihatan yang mana boleh menutup premis-premis makanan yang kotor ini, kita dapati bahawa ini tidak dijalankan dengan berkesan. Kalau kita keluar daripada Dewan ini dan kita lihat banyak premis makanan, kita terpaksa memilih dan melihat keadaan kebersihan premis makanan itu.

Saya rasa kalau kita di peringkat rawatan begitu baik dan dari segi pencegahan ini tidak banyak kos yang kita perlu keluarkan, ini adalah satu perkara yang mudah. Selain daripada itu...

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuan bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Saya rasa saya tidak mempunyai banyak masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, betul Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Cuma ada dua atau tiga minit sahaja lagi, biarlah saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Jadi kalau kita lihat bahawa inilah saya rasa perkara yang harus ditekankan oleh pihak-pihak yang berwajib terutama Kementerian Kesihatan. Kadang-kadang terdapat juga keadaan seperti tuduh-menuduh terutama kawasan-kawasan perbandaran sama ada kawasan itu di bawah Jabatan Kesihatan ataupun di bawah Majlis Perbandaran. Didapati juga kebanyakan Majlis Perbandaran tidak mempunyai kepakaran dalam hal-hal seperti ini kerana kadang-kadang ia mempunyai inspektor kesihatan sahaja ataupun tidak mempunyai pegawai kesihatan yang mana banyak perkara pencegahan ini terabai.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting dan kita lihat kalau kita ikut dari segi perundangan kesihatan sebenarnya, kita dapati perundangan itu begitu molek dan cantik. Contohnya pengendali makanan. Kalau kita lihat, pengendali makanan ini harus melalui proses yang dinamakan sebagai pemeriksaan perubatan atau kesihatan yang mana kita tentukan status kesihatannya tidak mempunyai sebarang penyakit ataupun menjadi *reservoir*, dengan izin, ataupun pembawa kuman-kuman yang boleh ditransmisikan kepada orang lain. Contohnya, pengendali makanan yang membawa kuman *typhoid*, kuman kolera dan begitu juga yang ada Hepatitis A, contohnya.

Tetapi pemeriksaan perubatan ini kita lihat tidak dikuatkuasakan. Juga seperti pengendali-pengendali makanan yang mempunyai penyakit kulit. Tambahan pula lagi seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi iaitu bahawa kalau pengendali makanan itu ialah pendatang dan kita tahu bahawa pendatang-pendatang ini kebanyakan mereka datang dari negara-negara di mana penyakit-penyakit yang saya sebutkan tadi sungguh *endemic* ataupun selalu berlaku wabaknya.

Satu perkara lagi yang saya hendak tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa baru-baru ini dan kebelakangan ini selalu kita lihat dan dengar berkenaan dengan penyakit yang dikatakan sebagai demam selesema. Sebenarnya kalau kita lihat dan hari ini pun kalau kita lihat dalam akhbar, demam selesema yang

dimaksudkan itu ialah bukannya *common cold*. Sebenarnya yang dimaksudkan itu ialah *influenza*. Jadi, kita tahu banyak silap persepsi atau tanggapan dan saya percaya sebahagian besar daripada kita yang berada di Dewan ini tidak dapat membezakan berkenaan dengan demam selesema ataupun *the so-called*, dengan izin, *common cold* ataupun *influenza*. Sebenarnya *influenza* itu adalah satu penyakit yang sungguh berbahaya dan kita tahu bahawa dunia telah diugut beberapa kali dengan wabak *influenza* ini. Dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, minta gulung, Yang Berhormat ya. Baru hendak naikkah?

**Dr. Rahman bin Ismail:** Jadi, apa yang saya ingin katakan ialah di samping kita menuju ke arah negara maju atau ke arah dunia pertama di dalam bentuk perawatan, tetapi perkara yang berkaitan dengan pencegahan yang mana tidak memerlukan banyak belanja, yang hanya memerlukan sedikit *effort* atau kekuatan, pelaksanaan dan pengawasan harus dilakukan dengan baik.

Selain daripada itu, kita juga harus peka dengan wabak-wabak penyakit yang berlaku di persekitaran kita dan juga di dunia. Kita tahu bahawa wabak *influenza* ini pernah membunuh 20 juta orang dalam tahun 1920 dan kalau perkara ini tidak kita beri perhatian serius dan dengan tidak ada *surveillance* atau pengawasan yang begitu kuat, *we are at risk*, dengan izin, kita akan sentiasa terancam. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tahu keinginan Yang Berhormat hendak berucap banyak tetapi kita akan beralih kepada peringkat Jawatankuasa. Ahli Yang Berhormat boleh berucap dalam peringkat Jawatankuasa. Saya akan bagi dua orang lagi berucap, selepas itu Menteri menjawab. Saya bagi Yang Berhormat bagi Kudat, selepas itu saya bagi Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan selepas itu Menteri menjawab.

**3.51 ptg.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pembangunan sektor penyediaan kemudahan kesihatan telah pun mengalami kemajuan semenjak 47 tahun selepas kemerdekaan negara, namun masih banyak lagi perkara yang belum diselesaikan, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman terutamanya di negeri Sabah.



Masalah kekurangan doktor perubatan, doktor gigi dan ahli farmasi di Sabah khususnya, masih lagi berleluasa. Jika kita melihat perbandingan *ratio* doktor:penduduk, misalnya pada tahun 2002, kadar doktor perubatan kepada populasi di Sabah ialah 1:3,301 berbanding kadar nasional 1:<1,500. Doktor gigi pula ialah 1:35,283 berbanding kadar nasional 1:<10,500 dan ahli farmasi 1:20,222 berbanding kadar nasional 1:10,500.

Manakala pengisian jawatan pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar hanyalah dalam lingkungan 30% dan dengan penduduk mencecah hampir 2.7 juta orang, Sabah hanya memiliki 3,219 buah katil daripada 18 buah hospital. Ini bererti Sabah mengalami kekurangan atau defisit sebanyak 70% jawatan doktor yang sepatutnya diisi. Statistik ini tidaklah begitu membanggakan dan di kawasan saya di Pulau Banggi misalnya, sebuah pusat kesihatan telah disediakan dengan reka bentuk yang begitu menarik dan bernilai RM17 juta, namun yang mengecewakan pusat kesihatan ini tidak disediakan dengan seorang pun doktor perubatan.

Pusat kesihatan yang sepatutnya menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada 10,000 penduduk Pulau Banggi ini hanya diurus selia oleh seorang ketua jururawat dan empat orang pembantu. Mereka ini hanya mampu memberikan ubat Panadol dan juga ubat batuk yang tidak ada kuasa memberikan preskripsi ubat-ubat berjadual kerana ketiadaan doktor yang bertauliah. Pesakit-pesakit dari pulau ini terpaksa juga mengharungi lautan untuk ke bandar Kudat untuk memperoleh rawatan yang lebih sempurna.

Selain daripada itu, masalah ketiadaan doktor di pusat kesihatan yang tersergam indah ini juga tidak dibekalkan dengan bekalan elektrik yang mencukupi. Pembekal bekalan elektrik, Syarikat Elektrik Sabah Sdn. Bhd. (SESB) milik Tenaga Nasional telah memotong jumlah masa bekalan elektrik yang sebelum ini dibekalkan selama 18 jam sehari, tetapi baru-baru ini telah dikurangkan kepada 12 jam sehari. Apabila ditanya sebab mengapa bekalan ini dikurangkan, jawapan yang diberi ialah bahawa SESB mengalami kerugian. Di manakah tanggungjawab sosial SESB milik Tenaga Nasional ini dan apakah kerajaan mengabaikan penduduk luar bandar di pulau ini?

Demikian juga bekalan air, pusat kesihatan Pulau Banggi ini hanya bergantung kepada air hujan dan air telaga. Ini *mismatch* yang berlaku. Ada pusat kesihatan canggih bernilai RM17 juta, tetapi sejak beberapa tahun beroperasi belum dibekalkan

dengan doktor dan tidak ada pun disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi. Kita berharap ia tidak menjadi projek *white elephant* semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan masalah pengisian jawatan perubatan dan doktor perubatan pakar yang masih mengalami defisit lebih kurang 70 peratus di negeri Sabah ini tidak dapat dinafikan memang ada usaha daripada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan menggalakkan lebih ramai doktor dari luar Sabah seperti dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak untuk berkhidmat di negeri Sabah.

Bagaimanapun, yang menjadi dan halangan ialah masalah penyediaan rumah dan tempat-tempat tinggal doktor ini. Tidak semua doktor-doktor yang dibekalkan hospital *quarters* dan jika ada pun khususnya di kawasan luar bandar ia adalah kolonial *type houses* yang kebanyakannya telah usang dan perlu pembaikan dan penyelenggaraan. Doktor-doktor yang tidak memiliki rumah ini terpaksa menyewa rumah, tetapi pada dua tahun yang lalu kadar ini telah pun dikurangkan kepada RM950 yang dahulunya bernilai RM1,150. Lebih mendukacitakan lagi elaun rumah ini tidak dibayar terus kepada penyewa rumah tetapi sebaliknya dibayar kepada doktor sebagai elaun perumahan. Mereka pula terpaksa menanggung *tax for the rental allowances* dan ini satu kerugian kepada mereka kerana jika dahulu cukai penyewaan rumah ini ditanggung oleh penyewa rumah tetapi sekarang doktor-doktor ini terpaksa membayar cukai atas kemudahan yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, manakala doktor tempatan anak kelahiran Sabah pula mereka ini langsung tidak layak menerima elaun perumahan jika *quarters hospital* tidak disediakan mereka juga terpaksa menyewa rumah dengan menggunakan wang gaji mereka sendiri yang saya percaya amat membebankan mereka kerana tidaklah dibayar dengan gaji yang lumayan. Sedangkan walaupun mereka penduduk tempatan Sabah, tetapi mereka juga mungkin asing di daerah-daerah mereka bertugas. Seorang doktor yang berasal dari Kudat tetapi berkhidmat di Tawau misalnya bukanlah satu tempat yang berdekatan. Jarak kedua-dua bandar ini cukup jauh iaitu memerlukan perjalanan lima hingga enam jam disebabkan Sabah adalah sebuah negeri yang begitu besar.

Oleh itu ramailah doktor-doktor terpaksa berkongsi rumah dan sudah tentu tidak dapat mendapat keselesaan yang sewajar setaraf dengan profesion yang begitu terhormat. Untuk mendapatkan ijazah doktor perbelanjaan yang terpaksa ditanggung untuk mendapatkannya tidak kurang daripada RM500 ribu. Bayangkanlah setelah

berbelanja besar untuk mendapat ijazah ini *return on investment* atau ROI yang diterima tidaklah diperolehi [*Ketawa*] yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi doktor-doktor asing pula sementara penawaran doktor tempatan belum mencukupi maka penggalakan pengambilan mereka haruslah dibuat untuk memenuhi kekurangan ini. Negara-negara yang bergolak seperti Iraq dan Palestin memiliki per kapita doktor dan doktor pakar serta *scholar* yang juga begitu banyak dan tinggi. Demikian juga negara-negara jiran seperti Myanmar dan India.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat ada yang bangun, Gombak bangun.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kudat kerana memberi laluan kepada saya, saya ingin bertanya daripada kita berusaha mengambil doktor-doktor dari luar negara yang mana kompetensinya masih kita ragui lagi, bagaimana kita tidak menahan doktor-doktor di sini yang bertugas daripada keluar dengan cara memperbaiki skil gaji mereka dan juga memberikan lagi kemudahan-kemudahan yang lebih baik. Bukan ini lebih menguntungkan dan lebih mudah dari segi komunikasi dan saya rasa ini diperbaiki ramai di kalangan doktor-doktor tersebut keluar daripada profesion mereka dan membuat kerja ataupun praktis di peringkat swasta.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Yang Berhormat Gombak, saya bersetuju dengan cadangan itu, bagaimanapun sebelum kita dapat memperoleh dan mendapat bekalan doktor yang mencukupi maka adalah wajar kita mengambil bekalan daripada luar sementara kita belum dapat memenuhinya. Kita patut mengimport lebih banyak kepakaran ini selagi negara kita masih memerlukan khidmat mereka. Doktor-doktor asing yang berkhidmat dengan cemerlang dan telah tinggal berpuluh tahun di Malaysia khususnya yang telah berkeluarga di Malaysia wajar diberikan status penduduk tetap atau PR demikian juga di Sabah doktor yang berasal dari negeri-negeri lain tetapi telah berkeluarga dan menetap di Sabah, kerajaan Sabah perlulah memberikan taraf penduduk tetap atas penghargaan khidmat dan komitmen mereka.

Gaji doktor harus ditambah sesuai dengan kepayahan mereka untuk mendapatkan ijazah yang memerlukan sekurang-kurang enam tahun untuk memperolehinya. Apa yang menyedihkan tidak banyak beza gaji antara kumpulan profesional seperti doktor dengan jawatan-jawatan kakitangan awam kerajaan yang

lain. Di sektor swasta misalnya gaji seorang pegawai bank yang baru *graduate* adalah jauh lebih baik daripada seorang doktor perubatan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, masa Yang Berhormat tinggal satu minit.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kudat saya tertarik dengan pengimportan doktor dari luar negeri, sebenarnya saya terbaca dalam satu artikel, satu surat atau rintihan seorang dari Johor Baharu, dua bulan yang lalu, mengatakan doktor yang di import itu terus diberi pangkat gaji U48, sedangkan yang menjadi MO di hospital U41, U41 hendak ambil U44 baru sampai U48 dan kita ragu-ragu dengan dia punya apa ini, dari segi kelayakan. Adakah ini Yang Berhormat satu penindasan terhadap orang tempatan khususnya pakar-pakar daripada Universiti Malaya dan universiti lain, saya rasa, saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Yang Berhormat Ayer Hitam, sebenarnya saya fikir tujuan kerajaan untuk mengimport doktor-doktor asing ini adalah bertujuan untuk memenuhi kekurangan yang masih wujud. Sebab itu dalam ucapan saya ini, saya akan sebutkan mengenai penambahan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Golong Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha telah dibuat untuk mewujudkan fakulti perubatan di Universiti Malaysia Sabah di atas hasrat untuk mewujudkan lebih ramai doktor, namun setelah hampir tiga tahun beroperasi jumlah pelajar yang direkrut hanyalah 38 orang, jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang melebihi 10 ribu orang. Jumlah pelajar perubatan yang terlalu kecil dan jika inilah jumlah yang disediakan, saya percaya walau 10 tahun lagi pun masalah kekurangan doktor-doktor di Sabah ini tidak akan selesai. Kita memohon kepada kerajaan khususnya pada belanjawan yang akan disediakan tidak berapa lama lagi untuk memberikan peruntukkan yang lebih kepada Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sabah haruslah dibekalkan dengan peruntukkan untuk menyediakan tenaga pengajar dan peralatan yang mencukupi untuk membolehkan universiti ini dapat menyediakan dan mengeluarkan lebih ramai doktor untuk menyelesaikan masalah kekurangan doktor di negeri Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Bintang.

#### **4.03 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Tuan Yang di-Pertua, walaupun laporan ekonomi bagi suku tahun kedua 2004 menunjukkan prestasi yang baik tetapi rakyat jelata dan sektor kecil masih merasa himpitan ekonomi yang digambarkan oleh pelbagai petunjuk antaranya desas-desus orang awam bahawa perbendaharaan kita menghadapi ketidakcukupan tunai untuk membiayai projek-projek yang diluluskan semasa bekas pentadbiran Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Penangguhan dan pembatalan projek-projek yang berjalan dan tuntutan bayaran kerja kontraktor tempatan yang masih belum diselesaikan lagi walaupun tempoh pentadbiran Perdana Menteri baru sudah mencapai hampir setahun tetapi kita masih tertunggu-tunggu pengumuman beliau selaku Menteri Kewangan Pertama tentang rancangan ekonomi beliau setelah mengambil alih pentadbiran negara.

Pembatalan projek landasan berkembar yang diberikan kepada Gamuda dan projek lebuh raya Kuala Lumpur-Putrajaya yang diberikan kepada Maju Holding dan lain-lain adalah langkah ekonomi beliau untuk menyelamatkan negara daripada terjebak dalam situasi ketidaktentuan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dikelilingi oleh kumpulan penasihat ekonomi yang berkebolehan dan mampu memberi nasihat dan pandangan ekonomi yang terbaik namun Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan sering mengambil langkah konservatif.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman beliau baru-baru ini mengenai kelulusan kerajaan untuk memberi keutamaan yang tinggi kepada projek bernilai RM8.5 bilion lebih merupakan satu seruan beliau menjelang pilihan raya pucuk pimpinan UMNO pada September depan yang berbau politik dan perkauman bila beliau lebih banyak

menyebut langkah untuk membantu golongan bumiputera berbanding golongan rakyat yang lain.

Langkah beliau itu dianggap tidak matang dalam konteks politik Malaysia masa kini tetapi membawa keuntungan politik bagi UMNO. Pemimpin-pemimpin kerajaan hendaklah berhenti mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berbau politik menjelang Persidangan UMNO kerana ia menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi tumpuan kepada dua perkara. Pertama, perparitan dan tebatan banjir yang mana peruntukan tambahan sebanyak RM183,790,380.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Kalabakan bangun.

**Tuan Fong Kui Lun:** Nantilah, sepuluh minit sahaja.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Ini tidak ada kena-mengena dengan UMNO Tuan Yang di-Pertua. Janganlah mencarut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM183,790,380 dikehendaki untuk melaksanakan projek tebatan banjir SMART. Projek SMART telah dijalankan dan penggerudian membina terowong dari Kampung Pelimbang di tepi Sungai Klang hingga ke Sungai Kerayong pasti menakungkan aliran air sungai yang sedang berjalan dalam tanah iaitu di bawah bumi Kuala Lumpur. Projek yang mempunyai dwifungsi ini satu sebagai laluan kenderaan dan keduanya laluan air masih dibayangi perasaan bimbang warga kota sama ada ia akan benar-benar berfungsi atau tidak dengan berkesan untuk mengelakkan banjir di pusat Bandaraya.

Saya mengucapkan syabas kepada mereka yang terlibat dalam projek ini baik dari peringkat atasan hingga kepada pekerja bawah tanah yang bertungkus-lumus 24 jam bagi memastikan projek berjalan menurut jadual. Tetapi agak malang ialah kesan projek SMART bila berjalan terdapat laporan bahawa beberapa keretakan dan tanah terjerlus berlaku sekitar tapak penggerudian seperti di Kondo Ixora, Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar Pudu, Sekolah Rendah Convent malah Pejabat UMNO Bahagian Cheras di Jalan Peel serta permukaan Jalan Cheras di Batu 2. Para

penduduk bimbang keretakan dan tanah mendap yang terjerlus mungkin merebak di tempat lain mengikut aliran terowong yang digerudi sepanjang jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerja-kerja memasukkan ribuan kampil simen bagi memperkukuhkan bahagian tanah yang mendap dan ditapak yang retak seperti yang kini, bahagian tanah yang mendap itu berjalan di beberapa tempat tetapi siapakah boleh memberi jaminan bahawa para pelajar dan juga penduduk yang berada di dalam bangunan di mana kerja-kerja menampal simen dan penggerudian berjalan di bawah. Bukan sahaja keadaan dalam tanah tidak pasti tetapi keadaan atas tanah pun tidak pasti seperti permukaan jalan menjadi tidak rata walaupun setelah diturap tar baru. Keadaan tanah termendap masih tidak berubah dan mencemaskan.

Para penduduk bimbang keadaannya menjadi bertambah buruk seperti bangunan retak, termendap dan mungkin condong. Dengan perkataan lain para penduduk sekitar berasa cemas dengan keselamatan mereka kerana bahaya yang tidak diundang bila-bila masa boleh berlaku.

Saya ingin bertanya apakah langkah darurat dan kecemasan yang telah disediakan oleh kementerian bagi tindakan menyelamatkan orang ramai jika keadaan semakin buruk dan bagaimanakah pula kerja-kerja penggerudian dan letupan dalam tanah yang berjalan sekarang kerana gegaran yang terhasil daripada kerja-kerja tersebut sedikit-sebanyak memberi kesan kepada struktur tanah kawasan sekitar tapak projek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun:** Ya, saya akan gulung. Bukan sahaja penduduk sekitar menderita akibat projek ini tetapi laluan-laluan lalu lintas sering tergendala bila berlaku kesesakan dalam tempoh puncak. Perjalanan kenderaan yang biasanya memakan masa satu minit ini terpaksa memakan masa sehingga berjam-jam. Walaupun kita tidak wajar menuding jari kepada sesiapa tetapi dalam keadaan sedemikian sepatutnya wujud kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perjalanan tidak tergendala terlalu lama kerana projek. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab.

**4.08 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.2) 2003.

Terima kasih juga di atas semua cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini. Saya akan menjawab persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membangkitkan kes BPR. Kes-kes rasuah berprofil tinggi sebahagian besarnya telah dituduh di mahkamah. Perkara ini telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam Dewan yang mulia ini semasa sesi penggulungan perbahasaan Titah Diraja. Senarai mereka yang telah dituduh telah pun dinyatakan dalam ucapan tersebut. Saya ingin menegaskan jika bukti adalah lengkap, kerajaan akan memastikan pendakwaan akan dijalankan. Namun begitu, perlu ditegaskan bukan semua kes yang disiasat akan berakhir dengan pendakwaan. Kes akan ditutup sekiranya dakwaan tidak benar.

Berhubung dengan laporan akhbar pada 28 Mei 2004 Ketua Pengarah BPR telah membuat penjelasan melalui *Utusan Malaysia* pada 29 Mei 2004 bahawa kenyataannya telah dilaporkan di luar konteks. Beliau menjelaskan sebenarnya adalah menjadi prosedur biasa sesuatu siasatan yang mana laporan akan dikemukakan kepada pihak Peguam Negara untuk dipertimbangkan dan bukan menyentuh kes 18 sebagaimana yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pelan Integrasi Nasional (PIN), pembentangan mengenai Pelan Integrasi Nasional kepada anggota pentadbiran kerajaan telah dibuat semasa pelancaran PIN dan Institut Integriti Malaysia. Di samping itu Institut Integriti Malaysia sedang mengaturkan sesi penerangan kepada semua pihak termasuklah Ahli Parlimen, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan masyarakat secara



berperingkat-peringkat dan juga Pelan Integrasi Nasional telah pun dan sedang diedarkan dan saya yakin tiap-tiap Ahli Parlimen mendapat satu naskhah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur selanjutnya membangkitkan berkenaan dengan Indeks Transparensi bagi negara Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1995 hanya 45 negara yang dikaji dan Malaysia di tangga ke-23 daripada 45 tetapi pada tahun 2003 sebanyak 133 buah negara telah dikaji dan Malaysia berada di tangga yang ke-37 daripada 133 negara. Dari segi *ratio*, tahap kedudukan negara sebenarnya semakin meningkat berdasarkan Indeks Transparensi ini.

Berkenaan dengan jumlah gelaran darjah kebesaran yang telah ditolak, Tuan Yang di-Pertua, bilangan pencalonan darjah kebesaran yang ditolak kerana kes rasuah oleh BPR ialah pada tahun 2003 untuk Darjah Persekutuan 19 telah ditolak, bagi Darjah Negeri 14 ditolak. Bagi tahun 2004 sehingga hujung bulan Jun sebanyak 11 permohonan bagi Darjah Persekutuan telah ditolak dan 11 permohonan juga bagi Darjah Negeri telah ditolak. Di antara alasan penolakan ini termasuklah kes-kes calon masih dalam siasatan, dalam peringkat perbicaraan ataupun menunggu keputusan kes tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan skandal jutawan Orang Asli di Lingui yang hidup dalam kemiskinan akibat penyelewengan wang pampasan dan juga dakwaan bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli lalai dalam melindungi hak Orang Asli dalam kes tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sejak kes tuntutan pampasan Orang Asli di Lingui bermula pada tahun 1998, Jabatan hal Ehwal Orang Asli tidak pernah dilibatkan sama dalam kes ini atas kehendak masyarakat Orang Asli yang terlibat iaitu 52 orang. Sebaliknya plaintif telah bertindak melantik peguam terbabit dan menolak sama sekali penglibatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam membantu kes mereka.

Dakwaan yang mengatakan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah turut menjadi salah seorang daripada pemegang amanah Tabung Amanah Pampasan tersebut adalah tidak benar. Pemegang amanah pertama adalah peguam kes tersebut manakala dua plaintif yang terlibat merupakan pemegang amanah kedua dan ketiga. Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hanya dinamakan sebagai pemegang amanah kedua sekiranya pemegang amanah pertama berhenti atau atas alasan kematian atau sebagainya.

Sebenarnya dalam kes ini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengambil inisiatif dengan cuba mengadakan perjumpaan dengan penduduk terbabit pada 26 Jun 2004, namun telah dihalang oleh peguam terbabit dengan ancaman tindakan undang-undang. Memandangkan kes ini telah dilaporkan kepada pihak polis dan sedang di dalam proses siasatan, kerajaan akan menunggu hasil siasatan ini sebelum menimbang sebarang tindakan selanjutnya. Oleh kerana kes ini tidak melibatkan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997, BPR tidak terlibat dalam penyiasatan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan aduan terhadap Tun Ling Liong Sik, siasatan kes ini melibatkan ramai saksi dan dokumen, maka ia perlu dijalankan dengan teliti. Walau bagaimanapun, siasatan ke atas kedua-dua aduan telah diselesai dan didapati tiada asas untuk membawa ke mahkamah. Oleh kerana itulah BPR tiada halangan ke atas pencalonan bekas Menteri Pengangkutan untuk menerima apa-apa darjah kebesaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bercakap berkenaan dengan mengauditkan prestasi kementerian. Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Jabatan Audit Negara ada melaksanakan pengauditan ke atas aktiviti-aktiviti kedua-dua kementerian berkenaan iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Hasil daripada pengauditan dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara berkaitan aduan dan aktiviti Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bentong.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Ya, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini mengapa dan apakah sebabnya beberapa kementerian menghadapi masalah kekurangan kakitangan begitu lama? Kalau prestasi kementerian ini adalah baik, mengapa ia menghadapi masalah seperti mengapa anggota polis menghadapi kekurangan anggota polis seramai 23,000 yang sebegitu tinggi? Dan juga masalah kekurangan doktor pakar perubatan dan juga jururawat sudah wujud begitu lama tetapi tidak dibereskan? Bukankah ini menunjukkan bahawa kapasiti pelaksanaan kementerian-kementerian ini mempunyai

kelemahan dan bermasalah. Jadi, apakah kementerian akan buat? Apakah sebabnya masalah ini wujud? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam adalah berkenaan dengan audit, saya ingat saya tidak perlu jawablah. Walau bagaimanapun, setiap tahun akan diadakan audit dan akan berlaku teguran-teguran oleh pihak Audit dan akan diperbetulkan oleh setiap kementerian yang mendapat laporan tersebut. Oleh sebab itu, kementerian masing-masing hendaklah menyelesaikan masalah di atas teguran-teguran tersebut.

Berkenaan dengan polis, saya ada jawapan kemudian Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Bentong bertanyakan berkenaan dengan MSC yang akan diperluaskan ke seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan MSC *role out* bagi menangani isu jurang digital yang bertujuan untuk mempertingkatkan pertumbuhan *regional* serta kebangsaan. Walau bagaimanapun, sebelum sesebuah kawasan itu layak diberikan status *MSC Cyber City* ataupun *Cyber Centre* untuk melayakkan kawasan itu sebagai sebahagian daripada kawasan MSC terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan *MSC role out* akan tertumpu ke kawasan utara di dalam masa yang terdekat ini iaitu di Kulim dan juga di seluruh Pulau Pinang kerana terdapat tahap infrastrukturnya yang lengkap. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan lain akan dipertimbangkan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan masalah bekalan air khususnya di Lembah Klang. Kerajaan memang sedar mengenai masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di Lembah Klang terutamanya dari segi tekanan air rendah, gangguan bekalan dan juga kualiti air yang kurang memuaskan. Bagi mengatasi masalah paip lama yang sering bocor dan pecah, PUAS Bhd. telah memperuntukkan RM700 juta bagi menggantikan paip-paip yang lama ini. Daripada jumlah ini sebanyak RM128.2 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja pemasangan dan penggantian paip di sepanjang 400 km dan kini sedang dijalankan di Gombak, Ulu Selangor, Bernam dan juga di Klang.

Kerajaan juga sedang merancang beberapa langkah penyelesaian yang komprehensif bagi tujuan penggantian dan pemasangan paip-paip air. Kerajaan akan menyalurkan grant peruntukan sebanyak RM250 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sebanyak RM250 juta lagi berupa pinjaman mudah akan turut

disediakan. Kerajaan juga sedang berusaha untuk mengurangkan kadar air yang tidak berhasil *Non Revenue Water* (NRW) daripada 45% kepada 15% menjelang tahun 2015.

Kerajaan berharap apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ditubuhkan kelak, satu piawai yang berkaitan dengan kualiti air, teknikal, kos dan tarikh dapat diwujudkan dan dipatuhi oleh syarikat-syarikat pembeli air di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, penubuhan suruhanjaya ini adalah hasil keputusan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara pada 29 Julai 2003 dan berikutan itu Jemaah Menteri telah bersetuju pada 1 April 2004 untuk merealisasikan penubuhan suruhanjaya tersebut.

Proses penubuhan suruhanjaya ini dijangka akan mengambil tempoh lebih kurang satu tahun, dan insya-Allah apabila ditubuhkan kelak ianya akan berperanan memantau industri perkhidmatan bekalan air negara dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Johor Baharu menyentuh berkenaan pengambilan tanah untuk projek CIQ Johor Baharu Lot 546. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lot 546 tidak terlibat secara langsung dengan kawasan CIQ Johor Baharu tetapi tanah ini diperlukan untuk jalan masuk ke projek berkenaan dan bukanlah untuk projek Senai Dedicated Highway.

Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Tuan Yang di-Pertua, membangkitkan tentang projek membaik pulih dan menaik taraf Jalan Muar–Melaka–Alor Gajah–Simpang Empat, Melaka masih belum siap dan perlu diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan. Projek ini, Tuan Yang di-Pertua, sedang dilaksanakan oleh kontraktor iaitu HCL Bridgehead Technologies Joint Venture dengan kos kontrak RM505.6 juta yang melibatkan menaik taraf jalan daripada dua lorong kepada empat lorong serta membina jalan pintas baru sepanjang 70 kilometer.

Pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada tiga segmen dan pembukaan jalan ini akan dibuka secara berperingkat iaitu Segmen 1 daripada Simpang Empat, Melaka ke Cheng, Melaka dijangka siap pada April 2005. Segmen 2 dari Cheng ke Semabok dijangka siap keseluruhannya pada akhir tahun 2006; dan Segmen 3 dari Semabok ke Parit Bunga, Muar Johor yang juga dijangka siap pada akhir tahun 2006.

Ahli Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan tentang penyeragaman penggunaan *Touch 'n GO* dan *Smart TAG* di lebuhraya. Pada masa ini, kesukaran yang dihadapi untuk mendapatkan *Smart TAG* adalah berikutan masalah kekurangan

stok dan stok adalah terhad. Harga *Smart TAG* adalah RM160 dan ini adalah kerana ia menggunakan teknologi yang diimport daripada luar negara. Oleh yang demikian, harganya juga disebabkan oleh pertukaran mata wang asing.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Jerai bangun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, siapa dahulu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen..

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak apalah kerana dia *senior*. Saya beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Harga *Smart Tag* ini terlampau mahal sebenarnya. Apalah kad itu. Agaknya RM30 pun dah mahal. Tidakkah kementerian rasa bahawa pihak-pihak tertentu ini mengambil keuntungan dengan memeras kerana ini satu kemestian yang dibuat oleh kerajaan, maka mereka mengambil kesempatan. Harganya sengaja dinaik-naikkan. Jadi kita kena waspada sedikit kepentingan rakyat ini. Mahal sangat, tidak munasabah. Banyak sebenarnya harga-harga dalam negara kita ini diletak dengan sewenang-wenangnya. Pihak kementerian tolonglah bela rakyat. Mahal sangat. Kemudian satu *company* sahaja monopoli, kenapa? Bagilah. Bagilah kami semua ini lesen, biar kami import – murah. Kalau saya dapat lesen import itu agaknya RM22 selesai. Agaknyalah. [*Disampuk*] Murah RM20 lagi? Ha, Labuan RM20, tengok. Terima kasih banyak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jerai bagi *freelah*. [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Ketawa*] Minta sedikitlah. Tolonglah. Jangan ambil ya sahaja. Semua ya, ya, ya sahaja. Apa ada suatu kuasakah dalam negara ini yang Kementerian Kewangan mesti ya, ya. Enggeh, enggeh kata orang Johor. Hendak kena waspada sedikit. Orang berbunyi, kat bawah berbunyi. Inilah wakil rakyat kata mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Jerai. Saya hendak bagi satu pandangan fasal bukan semua orang pakai kereta ada duit. Bukan semua orang pakai kereta ada duit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia ada duit, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau dia tidak ada duit, dia tidak boleh beli kereta tetapi tak banyak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kadang-kadang pakai Perodua bayar sebulan RM200, dia hendak pergi kerja, berpanas, berhujan, bawa anak-anak di belakang. Jadi saya mencadangkan dari segi bayaran kad ini, cuba kita buat *rate*, jual kad ini mengikut macam kita jual tiket tambang bas. Daripada Kuala Lumpur pergi Alor Setar katalah RM70. Pergi balik RM140. Jadi kalau dia hendak balik Alor Setar dia beli kad RM70 untuk Alor Setar sahaja. Jadi dia tahu dah bajet dia. Jadi guna sistem macam itu. Jadi kad itu kita boleh jual sedikit sebanyak. Ini kadang-kadang dia kena bayar RM100, RM50 macam itu. Kita buat sistem macam itu, macam kita jual tiket naik bas ekspres. Daripada Kedah pergi Johor Bahru katakanlah RM60, jadi harga dah macam itu, ia memudahkan.

Kemudian satu lagi benda hak yang *smart* itu. Hak yang Tuan Yang di-Pertua kata perkakas itu atau kad kecil itu? *[Bertanyakan Yang Berhormat bagi Sri Gading]* Sama. Perkakas itu mengikut kajian saya yang kurang tepat, benda itu tidak sampai seratus lebih, Yang Berhormat. Tidak sampai. Jadi minta dahlah di jalan, kutip sana, kutip sini, jadi lama-kelamaan susahlah kita. Kita ingat orang yang pakai kereta la ini bukannya orang yang berada tetapi kerana *necessity* – keperluan. Kadang-kadang kereta depa tiga bulan, Tuan Yang di-Pertua, India badan 'sendoi' dok tunggu tepi kereta. Ini tidak bayar tiga bulan. *[Ketawa]* Kena mari tarik.

Kemudian kita mintalah Ahli-ahli Parlimen ini bagilah *free*. Berapa orang sangat Ahli Parlimen ini. *[Tepuk]* Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagilah percuma. Kita yang lulus lebu ray, tidak lebu ray ini. Kita yang bersetuju tol tidak payah bayar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]* Jerai menanglah Timbalan Pengerusi Tetap. Menang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kita kena bagilah, kasihan hak yang Bukit Mertajam dia hendak mai daripada Bukit Mertajam mai Kuala Lumpur berapa kali dia kena bayar tol. Dia mai pun hendak bela, kadang-kadang menentang. Macam-macam lah.

*[Dewan gamat dengan ketawa]*

Jadi, saya mintalah kepada kementerian sedikit sebanyak ini, Allah, tidak usah hendak berkira sangat. Bagi nikmat sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Boleh tambah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, baik.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya hendak tambah sedikit dari segi fasal dah sentuh fasal *Touch 'n GO* dan *Smart TAG* ini. Seingat saya, sebab kita selalu ulang-alik ini, bila *Touch 'n GO* saya hendak habis dalam RM10, saya dah tambah dah. Kalau setiap seorang daripada pemegang kad ini RM10 tidak pernah dibelanjakan, pernahkah kementerian bertanya kepada syarikat ini mana pergi duit yang sentiasa tersimpan dalam akaun mereka sebab saya tidak tunggu sampai 50 sen saya tambah. Kadang-kadang RM20 pun saya dah tambah. Jadi saya tidak dapat guna RM20 saya itu sampai habis. Sampailah lebuhraya kita ini sudah tidak ada tol. Jadi saya rasa kementerian boleh tengok benda itu sekali kalau sempat. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kelana Jaya bangun juga.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak sentuh hal ini kerana saya telah hantar dua memorandum kepada Menteri Kerja Raya tentang hal ini. Mengikut jawapan daripada Timbalan Menteri, *tag* yang diimport itu mahal teknologinya tetapi mengikut laporan yang saya terima ini *[Membelek helaian dokumen-dokumen]* Banyak laporan yang ada di sini.

**Seorang Ahli:** Baca, baca.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *tag* ini yang sekarang ini digantikan oleh Amerika Syarikat ialah mereka bertukar menggunakan ETC Transponder – Electronic Toll Collection Transponder, iaitu *regular transponder are secret tag or CD Dual box size and cost only USD20 to USD40* dan *Smart TAG* ini

menggunakan *infrared system*. Di dalam pasaran, ada pelbagai jenis *transponder* yang menggunakan *microwave system*, yang menggunakan *radio frequency system*, yang menggunakan *infrared system*. *Smart TAG* ini yang menggunakan *infrared system*, bukan yang paling canggih dan sekarang ini di Amerika Syarikat pun saya tahu bahawa Kementerian Kerja Raya ataupun melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia menghantar pegawai ke Amerika Syarikat, ke Jepun, ke Korea untuk mengkaji tentang operasi lebuhraya tol.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Dengan itu saya rasa jawapan itu adalah kurang tepat bahawa ini adalah mahal kerana memang ada cara-cara untuk menghasilkan *tag-tag* itu dengan cara yang lebih murah. Tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana di Amerika Syarikat ia tidak dijual, ia diberi *free*.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Tuan Loh Seng Kok:** *Free* kepada semua pengguna lebuhraya tol. Contohnya E-ZPass, sistem di Amerika Syarikat. Penggunaanya adalah lebih kurang 7 juta. Semua pengguna lebuhraya tol itu *free*. Empat biji bukan satu biji. Empat biji *free*. [Disampuk] Empat biji dan ditambah pula bukan sahaja *free*, pengguna-pengguna *tag* itu diberi diskaun kerana memang mereka hendak menggalakkan pengguna jalan raya itu melalui plaza tol dengan lebih cepat, tidak ada *congestion*, tidak ada pencemaran udara. Pengguna *tag* itu bagi kenderaan biasa diberi 30% diskaun. Untuk kenderaan-kenderaan perdagangan diberi 10% diskaun dan contohnya, E-ZPass di Amerika Syarikat ini ada lapan laluan. Semua laluan menggunakan E-ZPass. Hanya satu laluan sahaja dengan mengutip tol secara manual. Itulah keadaannya, mintalah disiasat perkara ini. Lihatlah laporan-laporan yang saya ada bawa hari ini kerana saya hendak ucap tentang perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, beri peluang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Oleh itu, minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tuan Speaker, izinkan saya sedikit, bukan tambahan tetapi hendak *slowkan* sedikit Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadilah. Sebenarnya lebih kurang daripada empat teknik tadi itu, daripada *infrared*, *radio wave*, *transponder*, kita banyak lagi cara bagaimana



kita boleh *transduce* benda-benda berkaitan dengan *system and control* ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah lebih kepada semangat proaktif perlu diwujudkan di dalam pihak kerajaan untuk melihat perkara-perkara yang terbaru, kerana *electronic gadget* ini ia berubah setiap saat, setiap masa dan ketika. Jadi, mungkin dengan cara-cara yang lebih berkesan dan cekap kita dapat mengurangkan kos yang dibebankan kepada pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan daripada Sri Gading, Kelana Jaya dan juga Tangga Batu dan Muar saya akan bawa kepada 'menteri tol'lah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hak Jerai tak bawa?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hak Jerai.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Jerai saya setuju, saya bawa kepada peringkat yang lebih atas. Saya memang menyokong cadangan Jerai itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Cheras lagi iaitu mengapa projek jadi *curtain highway* ditangguhkan, dibatalkan iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur ke Putrajaya. Sebenarnya kerajaan tidak pernah menangguh atau membatalkan pelaksanaan projek ini. Kerajaan telah bersetuju mengurangkan skop projek iaitu dari Bulatan Kampung Pandan ke Persimpangan Keras MRR2. Dengan pengurangan skop ini, skop baru projek penswastan *dedicated highway* adalah bermula daripada Persimpangan Keras MRR2 ke Putrajaya. Kerajaan telah mengurangkan skop ini setelah mengambil kira pembinaan *Storm Water Management and Road Tunnel (Smart)* yang mana bahagian jalan adalah bertujuan untuk mengatasi masalah lalu lintas di Bulatan Kampung Pandan ke Persimpangan Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Timur-Barat.

Penswastan projek ini telah pun ditandatangani dengan Syarikat Konsortium Lapangan Terjaya Sdn. Bhd. yang sahamnya dimiliki oleh Maju Holdings pada Oktober 1997 lagi. Oleh kerana penswastan keseluruhan projek ini tidak berdaya maju, kerajaan telah bersetuju untuk menanggung kos pembinaan bahagian jalan dari Bulatan Kampung Pandan ke Taman Teknologi Malaysia dan Persimpangan Bertingkat Putrajaya. Jajaran dari Taman Teknologi Malaysia ke Putrajaya adalah dibiayai oleh syarikat konsesi. Dengan pengurangan skop ini bahagian yang dibiayai

oleh kerajaan telah berkurangan dan bahagian yang dibiayai oleh kerajaan adalah tidak dikenakan tol.

Mengenai pelantikan kontraktor luar di dalam perjanjian konsesi ditetapkan bahawa pihak syarikat konsesi boleh mendapatkan khidmat kontraktor luar sekiranya tidak mempunyai kontraktor tempatan yang *specialize* dalam bidang-bidang berkenaan, tetapi haruslah mendapatkan persetujuan daripada kerajaan dahulu.

Walau bagaimanapun, dalam kes ini pihak syarikat konsesi tidak mendapatkan persetujuan kerajaan sebelum melantik kontraktor berkenaan. Akan tetapi dengan pengurangan skop ini tidak timbul lagi masalah pelantikan kontraktor asing.

Mengenai kos terlalu tinggi telah tidak timbul lagi berikutan pengurangan skop projek tersebut. Jumlah kos keseluruhan sekarang ialah sebanyak RM932.2 juta.

Mengenai mengapa projek ini dibatalkan oleh PM baru, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah mengkaji keseluruhan keperluan projek ini dan oleh kerana telah ada projek Storm, maka kerajaan bersetuju skop bahagian ini dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Cheras juga membangkitkan tentang status menaik taraf jalan Kuala Selangor-Sabak Bernam. Projek menaik taraf laluan lima – Kapar, Sabak Bernam dan Klang-Banting sebenarnya terbahagi kepada dua pakej iaitu pakej A dan pakej B. Pakej A ialah dari Klang ke Banting dan Tanjong Karang ke Kuala Selangor. Harga kontrak pakej ini ialah RM301 juta dan telah pun siap pada bulan April 2004. Pakej B pula ialah dari Kuala Selangor ke Kapar dan Sabak Bernam ke Tanjong Karang. Pakej ini masih dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan sebenar 74.3%. Harga kontrak bagi pakej ini ialah RM396 juta dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2005. Projek ini hanya terdapat sedikit masalah iaitu di peringkat awal pembinaan iaitu masalah pengalihan *utility* dan pengambilan balik tanah. Masalah ini menyebabkan projek tidak dapat dilaksanakan sebagaimana jadual asal. Namun demikian, masalah ini telah diselesai dan projek sekarang sedang giat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Cheras juga membangkitkan tentang status jalan bertingkat di Plaza Phoenix dan pelebaran Jalan Loke Yew. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pelebaran Jalan Loke Yew akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan berkenaan dengan beliau mahu supaya setiap kawasan Parlimen diwujudkan jawatankuasa pembangunan. Sebenarnya sekarang ini kerajaan telah sedia ada

Jawatankuasa Pembangunan Daerah di mana Ahli Parlimen kawasan berkenaan menjadi ahli. Sebarang isu pembangunan dan pelaksanaan projek dalam kawasan tersebut boleh disalurkan dan dibincangkan. Dari segi teknologi, kerajaan telah memperkenalkan sistem pemantauan projek SPP2 di mana sistem ini mengumpulkan data dan maklumat mengenai semua projek. Sistem ini memantau projek dari segi kewangan, prestasi, *progress* dan status pelaksanaan di semua peringkat iaitu di peringkat Persekutuan, di negeri, di kawasan Parlimen dan di daerah. Oleh itu, kerajaan mampu mengetahui status pelaksanaan satu-satu projek pada satu-satu masa yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Johor Bahru bertanya kenapa kerajaan seolah-olah menerima konsep projek penswastaaan yang memberikan subsidi. Contohnya, MTEN menyarankan mengambil balik tanah kerajaan sebanyak 4,000 ekar bagi mewujudkan Senai Air Cargo Center. Tuan Yang di-Pertua, terdapat cadangan untuk mengambil alih tanah oleh Senai Airport Services, syarikat yang menguruskan Lapangan Terbang Senai untuk menarik syarikat-syarikat logistik untuk mewujudkan kilang-kilang mereka di situ. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak melibatkan sumbangan kewangan kerajaan pada ketika ini. Projek ini masih lagi di peringkat cadangan dan keluasan sebenar tanah untuk pembinaan lapangan terbang dan lain-lain kegunaan belum lagi dikenal pasti.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan dan mempersoalkan kekosongan jawatan di dalam Skim Perkhidmatan Anggota Polis dan ingin mengetahui adakah kekosongan ini tidak dapat dipenuhi kerana kekurangan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengisikan kekosongan jawatan anggota polis ini tidak membangkit soal kekurangan peruntukan. Bagi menambah bilangan anggota polis kerajaan telah pun meluluskan sebanyak 23,479 jawatan baru iaitu pertambahan sebanyak 28.3% daripada 96,488 orang perjawatan sedia ada. Oleh itu, soal kekurangan peruntukan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2004

sahaja kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.9 bilion khas untuk membiayai emolumen anggota polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di mana mengenai soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan supaya cadangan Lebuhraya Senai-Desaru juga akan dilaksanakan dan dijangka akan siap pada tahun 2007 dan kebetulan ianya bermula dari Senai dan ianya adalah kawasan di dalam *cargo hub* itu sendiri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah projek ini mempunyai satu koordinasi yang baik dengan *kargo hub*. Maksud saya cadangan Senai-Desaru Highway ini dengan mega *hub* yang telah dicadangkan di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, kalau tidak dilakukan dengan baik, membuat satu koordinasi yang baik, saya takut nanti masalah itu akan berlaku di mana *highway* itu tidak disambungkan ke *facility* atau prasarana yang kita bina itu.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat kerana ini adalah perkara baru yang akan diberi keutamaan untuk dimajukan di kawasan itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan saranan dan pandangan spesifik begitu saya tidak ada maklumat di sini tetapi saya yakin kepada perancang-perancang yang terdapat di dalam perkhidmatan kerajaan dan juga konsultan-konsultan yang ada, saya yakin mereka tentulah *coordinate* apa pun juga perancangan supaya ia mendapat manfaat yang maksimum.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa saya tidak pernah mendakwa bahawa kerajaan kerana kekurangan wang, mengakibatkan kekurangan anggota polis. Soalan saya ialah bahawa kerajaan mengatakan bahawa

kerajaan memang ada duit dan juga memang ada perancangan-perancangan terlebih dahulu. Mungkin memang ada *forward planning*. Soalan saya ialah mengapa ada duit, ada *forward planning* tetapi berlaku juga kekurangan anggota polis, itu soalan saya.

Saya tidak pernah mendakwa apa-apa. Jadi, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjawab soalan dengan lebih tepat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin itu kesilapan pihak pegawai, walau bagaimanapun pengambilan anggota polis dibuat tiap-tiap tahun dan kalau ikut laporan yang ada memang penyertaan daripada bukan bumiputera adalah dalam tahap yang cukup kurang. Jadi, adalah digalakkan dan memang kerajaan menggalakkan supaya ramai lagi mereka masuk menjadi anggota polis dengan pelbagai cara termasuk juga berjumpa dengan wakil rakyat dan sebagainya. Bermakna dalam hal ini, wakil-wakil rakyat juga boleh memainkan peranan untuk menggalakkan anak-anak muda supaya menyertai anggota polis kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong menyarankan supaya satu akta seperti *Prompt Payment Act* di Amerika bagi memastikan kontraktor-kontraktor Kelas F tidak teraniaya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembayaran perolehan kerajaan bagi semua kelas kontraktor termasuk kontraktor Kelas F adalah berasaskan tuntutan daripada kontraktor sendiri selepas semua kerja disempurnakan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Bayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tuntutan. Adalah didapati tempoh 30 hari adalah munasabah dan tidak menyusahkan kontraktor. Di samping itu, untuk membantu kontraktor yang mengalami masalah kewangan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan *billing* yang membenarkan bayaran sebanyak 50% daripada tuntutan sebelum pengesahan dibuat, dan bakinya dijelaskan sebaik sahaja kerja-kerja disahkan.

Kemudian, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah masalah kontraktor Kelas F yang melaksanakan kerja-kerja subkontraktor, di mana masalah kelewatan bayaran adalah di antara kontraktor utama dengan subkontraktor. Bagi membantu kontraktor yang mengalami masalah kelewatan bayaran, sudah sedia wujud di Kementerian Kewangan satu unit aduan bayaran lewat, yang tugas utamanya ialah untuk membantu kontraktor yang menghadapi masalah kelewatan bayaran.

Kontraktor yang mengalami masalah bayaran bolehlah berhubung dengan unit ini. Alamatnya terdapat dalam laman web Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan mengambil perhatian cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ledang.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya hendak buat macam ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Menunjukkan isyarat tangan]* Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawapan itu memang saya tahu, saya pun boleh jawab macam itu. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Jawablah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yes, saya boleh jawab. Saya katakan, arahan sudah diberi oleh pihak Kementerian Kewangan, laman *web* sudah beritahu. Orang kawasan saya manalah tahu laman-laman *web* ini, laman *football* pun tidak ada. Minta maaf, Yang Berhormat. *So, sorrylah, you are talking about 21st Century, we are still living in 17th Century, in some places,* dengan izin.

Jadi, yang canggih-canggih ini cakaplah dengan orang yang besar-besar, yang kontraktor besar-besar. Yang saya cadang ini *Prompt Payment Act* ini, ia *very effective, effective in a sence of*, supaya kita menyelamatkan orang yang kita hendak tolong ini. Sekarang, Yang Berhormat, kalau saya hendak keluarkan senarai, orang daripada kawasan Batang Lupar yang buat kerja tahun 2002/2003, sampai sekarang ada yang kerja RM400,000 sampai RM100, 000 hutang belum dibayar.

Okey, betul, dibuat oleh *main contractor* yang tidak bayar, tetapi *what are the options* yang ada pada mereka ini. Kalau dia hendak ambil tindakan lebih-lebih pun, tulis surat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pelajaran, tetapi apa tindakan yang diambil, tidak ada. Jadi, beritahu laman *web* Kementerian Kewangan ada. Saya pun tidak tahu yang mana laman *web*. Jangan kata orang daripada kampung Kelas F.

Kelas F ini hendak buat *paperwork* pun tidak boleh, dia hendak buat *claim* pun tidak boleh. Betul! Itu sebab dia Kelas F. Kalau dia cerdik, dia pandai, dia ini Kelas A.

Kalau ada undang-undang ini senang kita beritahu. Ha! Yang Berhormat minta satu sahaja, sebab undang-undang belum ada, saya minta buat satu promosi, jangan beri laman *web*. Beritahu alamat, nama pegawai di Kementerian Kewangan, *publish* ke seluruh negeri, beritahu dengan kontraktor, kalau dibuat subkontraktor, beri ini alamat kompelin biro di Kementerian Kewangan, kalau lambat bayar, pergi kompelin sini. Kalau tidak buat macam itu, *blacklist*kan kontraktor yang dapat kontrak besar-besar itu. Baru kita betul tolong orang Kelas F ini. Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, memang pandangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Santubong adalah baik, yalah, ada kawasan yang belum sampai teknologi ke peringkat itu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang ini sudah ada sistem di mana kita benarkan *dedicated* subkontraktor, di mana kontraktor-kontraktor yang utama, kalau dia hendak subkontrak kepada subkontraktor yang lain, dia boleh beritahu kepada kementerian dan nama kontraktor itu akan dimasukkan dandan bayaran akan dibayar terus kepada subkontraktor tersebut. Jadi, maknanya dia tidak akan teraniaya.

Selain daripada itu, mungkin disebut tadi, memang kerajaan tahu dan sudah dikesan memang banyak lagi bayaran-bayaran yang tidak dibayar oleh pihak kerajaan, oleh jabatan-jabatan. Ini memang kerajaan sedang berusaha untuk membayar secepat mungkin. Saya berharap kalau ada apa-apa lagi yang belum dibayar, kita boleh rujuk ke Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian Kewangan akan terus membuat pembayaran melalui kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ledang bertanyakan masalah pelaksanaan pemilihan *Project Management Company (PMC)*. Penggunaan PMC dalam projek kerajaan adalah untuk membantu mempercepatkan pelaksanaan projek kerana keupayaan Jabatan Teknikal JKR pada masa itu terhad. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek baru akan dilaksanakan oleh agensi teknikal kerajaan. Pelantikan perunding hanya boleh dibuat sekiranya JKR memberi pengesahan tidak berkeupayaan melaksanakan projek-projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membangkitkan tentang pelaksanaan tender terbuka tidak dilaksanakan dan didapati Projek Bekalan Air Sungai Tinggi, Selangor dilaksanakan secara rundingan terus. Tuan Yang di-Pertua, dasar

kerajaan adalah jelas, projek-projek hendaklah dilaksanakan secara tender dan proses ini sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Sungai Tinggi, Selangor dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kementerian Kewangan hanya bertanggungjawab mengawal projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sahaja. Projek-projek Kerajaan Negeri adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga membangkitkan masalah kontraktor Kelas F. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan pembayaran tuntutan bil tertentu dibuat dalam tempoh 30 hari seperti yang saya sebutkan tadi. Pembayaran 50% daripada jumlah tuntutan perlu dibuat sekiranya tuntutan di bil berkenaan bermasalah atau tidak lengkap. Kontraktor boleh membuat aduan terus ke Kementerian Kewangan sekiranya pembayaran tidak dibuat dalam tempoh berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga membangkitkan tentang kerja-kerja di dalam PBT tidak mendapat bayaran sehingga sekarang. Bagi projek-projek pembangunan, pembayaran dilakukan sebaik sahaja tuntutan diterima daripada kontraktor yang disahkan. Bagi projek Rangsangan Rancangan Ekonomi di bawah peruntukan Mengurus, urusan pembayaran sedang dilakukan. Ini ada kes-kes yang pembayarannya lama tertangguh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun membangkitkan tentang tabung-tabung perlu diurus secara baik kerana setelah disalurkan melalui bank, pihak bank tidak mengambil kira faktor lain, selain faktor komersial, minta kerajaan mengkaji semula dan selaraskan pengurusan tabung-tabung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan yang dimainkan oleh institusi kewangan (bank) ialah untuk menilai permohonan pinjaman dan memastikan sama ada permohonan tersebut memenuhi kriteria kelayakan di samping menentukan daya maju sesuatu projek yang dicadangkan. Walaupun pengeluaran pinjaman tersebut dibiayai sepenuhnya melalui tabung-tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan atau dalam beberapa keadaan oleh Bank Negara Malaysia, keputusan sama ada meluluskan atau menolak sesuatu permohonan pinjaman diputuskan oleh institusi kewangan sendiri memandangkan segala risiko kredit akan ditanggung oleh mereka.



Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memudahkan pemberian pinjaman kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Antaranya ialah:

- (i) meningkatkan *access* pembiayaan dengan menyediakan peruntukan tambahan kepada dana-dana tertentu. Contohnya pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah menambah peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana Dua (TIKS2) dan RM300 juta bagi Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) menjadikan jumlah dana di bawah kedua-dua tabung ini masing-masing sebanyak RM3 bilion dan RM1.45 bilion;
- (ii) institusi perbankan dikehendaki menetapkan sasaran pemberian pinjaman kepada PKS. Sekiranya sasaran institusi dianggap kurang memuaskan, sasaran yang sewajarnya telah dikenakan;
- (iii) menubuhkan Unit Khas PKS di setiap institusi perbankan bagi menyediakan khidmat nasihat kewangan dan memaparkan Piagam Pelanggan. Pemaparan Piagam Pelanggan oleh semua institusi perbankan melicinkan lagi proses meluluskan pinjaman dengan memaklumkan dokumen penting yang perlu dikemukakan kepada institusi perbankan untuk menyokong permohonan pinjaman. Kriteria kelayakan, definisi daya maju, projek dan tempoh yang diambil oleh institusi perbankan untuk memproses permohonan pinjaman. Institusi perbankan juga dikehendaki memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab pinjaman ditolak. Bank Negara Malaysia memantau pematuhan Piagam Pelanggan melalui proses pemeriksaan di premis;
- (iv) menubuhkan Unit Khas PKS di Bank Negara Malaysia mulai bulan Mei 2003 untuk meningkatkan tahap kesedaran PKS dan membantu PKS mendapat maklumat tentang pelbagai skim pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka menerusi pelbagai kementerian dan agensi. Unit ini juga memberi khidmat nasihat kewangan dan turut membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman. Pada akhir tahun 2003, unit ini

- menerima 1,789 pertanyaan daripada PKS dengan 80% adalah pertanyaan mengenai sumber pembiayaan manakala bakinya adalah berkaitan dengan masalah kesukaran mendapat pinjaman dan permintaan untuk menstrukturkan semula pinjaman;
- (v) menubuhkan mekanisme penyelesaian hutang kecil bagi membantu penyusunan semula pinjaman tidak berbayar PKS yang masih beroperasi serta membantu keperluan kewangan mereka. Menerusi mekanisme ini sebuah Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil yang terdiri dari 11 orang ahli telah ditubuhkan bagi menjalankan penilaian bebas terhadap daya maju perniagaan serta mencadangkan kaedah penyusunan semula pinjaman jika keperluan pembiayaan baru bagi perniagaan yang terjejas.

Unit Khas PKS Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa tersebut. Mekanisme ini dibuka kepada semua PKS yang masih beroperasi dan mempunyai pinjaman tidak berbayar, agregat tidak melebihi RM3 juta dengan Bank Perdagangan, syarikat kewangan, bank-bank, Bank Islam, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, memandangkan proses penyusunan semula pinjaman mungkin melibatkan pembiayaan baru, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil dengan peruntukan sebanyak RM800 juta.

Sehubungan dengan ini, perniagaan yang layak boleh memperoleh pembiayaan baru sehingga RM1.5 juta pada kadar pembiayaan 5% setahun bagi tempoh pinjaman maksimum selama lima tahun. Dengan penubuhan mekanisme ini, Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan Kecil dan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana telah ditamatkan. Tabung-tabung utama di bawah Bank Negara Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada usahawan.

Sehingga 31 Mei 2004 jumlah pengeluaran Tabung Usahawan Baru adalah sebanyak RM1,101 juta, Tabung Industri Kecil dan Sederhana dengan pengeluaran sebanyak RM2,198 juta dan Tabung Untuk Makanan menunjukkan pengeluaran sebanyak RM1,353 juta. Bagi peniaga-peniaga kecil di luar bandar, mereka boleh mendapatkan pinjaman mudah menerusi Skim Bantuan Kredit serta TEKUN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bercakap mengenai kekurangan doktor, doktor pakar dan jururawat di hospital kerajaan dan langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah-langkah jangka pendek iaitu:

- (i) mengambil pegawai perubatan kontrak warganegara asing;
- (ii) mengambil semula pegawai perubatan yang telah bersara wajib secara kontrak;
- (iii) menggalakkan tenaga pakar warganegara Malaysia untuk kembali berkhidmat di Malaysia;
- (iv) memberi pelbagai insentif, memberi pelbagai kemudahan kepada pegawai perubatan dan jururawat.

Untuk jangka panjang, menambah bilangan calon kakitangan Kementerian Kesihatan melalui latihan di 18 kolej Kementerian Kesihatan, latihan di kolej swasta, latihan di IPTA dan perlantikan jururawat secara kontrak bagi anggota yang telah bersara wajib dan menambahbaikkan skim perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan juga mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menambah bilangan graduan perubatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti USM, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah.

Di samping itu, pembukaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Penang Medical College, Malacca Manipal Medical College, International Medical University dan Perak Medical College of Medicine akan membantu menambahkan lagi bilangan graduan perubatan.

Di sini saya ingin juga menjelaskan sedikit tentang cara kerajaan mencuba mengekalkan pegawai-pegawai perubatan dan jururawat di dalam perkhidmatan kerajaan iaitu kerajaan telah mengadakan gaji pokok yang lebih tinggi bagi pegawai perubatan, elaun perkhidmatan yang kritikal bagi pegawai perubatan dan jururawat, elaun pakar bagi pakar perubatan yang mempunyai kepakaran. Elaun kerja di luar waktu bekerja biasa, bayaran insentif pegawai kesihatan awam, bayaran insentif pentadbir hospital, elaun wilayah bagi pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia ditugaskan di Sabah dan Sarawak ataupun Wilayah Persekutuan Labuan

dan sebaliknya dan bayaran insentif pedalaman bagi pegawai yang diletakkan di kawasan yang telah dikenal pasti di Sabah dan Sarawak dan lain-lain lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Mambong membangkitkan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini kita ada mendengar Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan satu syor saya rasa, iaitu berhubung dengan doktor-doktor yang bertugas di hospital swasta, sebelum mereka layak diberikan sijil amalan tahunan, diberi peluang kepada mereka untuk bertugas ataupun memberi khidmat di hospital kerajaan. Jadi saya hendak tahu apakah kerajaan tetap dengan hasrat itu ataupun setelah ditentang oleh MMA saya rasa, adakah hasrat itu dibatalkan oleh pihak Kementerian Kesihatan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cuma cadangan di peringkat kementerian, belum lagi dibawa kepada Kabinet. Jadi keputusan belum ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Mambong membangkitkan bahawa terdapat kawasan-kawasan yang belum dibekalkan dengan bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik terutama di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan pembangunan Sabah dan Sarawak termasuklah projek-projek bekalan air dan elektrik di luar bandar, suka saya menegaskan bahawa kerajaan tidak pernah menyisihkan pembangunan Sabah dan Sarawak atau mana-mana negeri di negara ini. Kerajaan dalam merancang dan mengagihkan peruntukan sentiasa berusaha untuk mengimbangi pembangunan antara negeri dan wilayah.

Sabah dan Sarawak telah disediakan peruntukan yang besar untuk tujuan ini. Misalnya, sebanyak RM3.1 bilion telah diperuntukkan pada tahun 2001, RM3.5 bilion pada tahun 2002 dan RM5.2 bilion pada tahun 2003 dan RM5.6 bilion dalam tahun 2004.

Menyentuh mengenai isu bekalan air dan elektrik pada tahun 2004, sebanyak RM165.6 juta telah disediakan untuk projek bekalan air bersih, RM200.3 juta untuk projek bekalan elektrik dan RM200 juta untuk projek-projek pendidikan.

Berhubung dengan pembangunan di beberapa buah pulau di Sabah, kerajaan terus berusaha untuk membangunkan pulau-pulau ini secara berperingkat. Misalnya projek bekalan air akan dilaksanakan di Pulau Sebatek dalam tempoh terdekat dengan kos RM11.5 juta manakala di Pulau Bum Bum, kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM12 juta untuk tujuan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jumlah RM165 juta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi adalah untuk Sabah atau Sarawak atau macam mana pecahannya? Kemudian untuk projek bekalan elektrik dan air, cuba perelaskan berapakah peruntukan untuk Sabah dan berapakah untuk Sarawak?

Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam soal bekalan elektrik, kita mahu bantuan pihak kerajaan dalam soal ini tetapi dalam keadaan sekarang, di mana kita mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, sekolah-sekolah dibekalkan dengan *generator set*. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebahagian besar daripada *generator set* itu telah dibekalkan oleh hanya seorang pembekal, dan banyak daripada yang sudah tidak berjalan dan oleh sebab itu pengajaran Matematik dan Sains tidak boleh diajar dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan *software* yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran dan oleh sebab itu pelajar pun ketinggalan. Kita juga menghadapi masalah bagaimana memastikan supaya bekalan elektrik di sekolah-sekolah ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar perkara ini dan sebab itulah kerajaan amat agresif dalam melaksanakan projek bekalan elektrik ke seluruh negara, termasuk di kawasan-kawasan pedalaman. Ini berdasarkan peruntukan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk Sabah dan Sarawak. Tentang pecahan peruntukan, Tuan Yang di-Pertua, secara *off-hand* saya tidak dapat memberikannya sekarang tetapi boleh dipecahkan dan diberi kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, projek bekalan elektrik di Pulau Bum Bum telah pun dilaksanakan oleh *Sabah Electric Sdn.Bhd* yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5 juta dan di Pulau Banggi, projek sistem solar telah dilaksanakan dengan kos RM8.4 juta. Selain itu beberapa pulau yang lain telah pun dibekalkan dengan *generator* untuk

bekalan elektrik. Kerajaan akan meneruskan pembangunan bekalan air dan elektrik ke pulau-pulau di Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Mambong, sejak dari tahun 1994 hingga 1999, kerajaan telah pun melaksanakan 16 projek bekalan elektrik bernilai RM8.4 juta di kawasan Parlimen Mambong manakala lima projek bekalan air bernilai RM1.5 juta sedang dilaksanakan. Insya-Allah dalam kawasan Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain akan terus diberi peruntukan baru dari semasa ke semasa khusus untuk membangunkan bekalan air dan elektrik.

Yang Berhormat bagi Beluran membangkitkan berkenaan dengan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak masih jauh dari segi pencapaian ekonomi berbanding dengan bumiputera di Semenanjung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa kerajaan agresif, bersungguh-sungguh untuk memberi bekalan air dan elektrik ini. Dalam menyatakan soal kesungguhan ini, saya ingin bertanya adakah kerajaan mengetahui berapa buah lagikah kampung di Sabah dan Sarawak yang belum lagi mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air bersih sebab jika sekiranya kita tidak mendapat maklumat ini dan kita nyatakan yang kita ini agresif, kita ini bersungguh-sungguh, kalau hendak bersungguh-sungguh kita kena tahu mana lagi yang belum dapat sebab permohonan demi permohonan memang pun sudah dihantar tetapi belum dapat dan saya juga ingin tahu apakah sebenarnya masalah, apa masalah kenapa kita tidak dapat. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dalam ucapannya, bukan sahaja soal kesungguhan ini tetapi keutamaan untuk memberi peruntukan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat bagi Beluran berkenaan dengan perangkaan, statistik beberapa kampung yang belum mendapat bekalan air dan elektrik, saya yakin angka ini ada terdapat di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan *off-hand* saya memanglah tidak dapat hendak memberi maklumat itu sekarang. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi peruntukan, peruntukan bagi bekalan elektrik luar bandar bagi Sabah dan Sarawak memang tinggi kalau

dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain seperti angka yang saya sebut tadi. Maknanya saya kira masalah bekalan elektrik luar bandar akan dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mungkin jumlah wang itu agak lebih tinggi tetapi nisbahnya mungkin kecil kerana negeri Sabah sama besar dengan Semenanjung. Jadi perbandingan tinggi dijadikan alasan, dia tidak akan menyelesaikan masalah keciciran dan ketinggalan Sabah dan Sarawak. Jadi kementerian harus bersikap adil tentang ini. Saya bercakap tadi, dari segi kemerdekaan enam tahun sahaja Sabah dan Sarawak di belakang Semenanjung tetapi pembangunan yang berlaku di Sabah dan Sarawak tercicir dibandingkan dengan Semenanjung hampir 50 tahun.

Sebab itu kita minta fikiran orang-orang yang menggubal tentang kemajuan pembangunan ini harus dipinda, jangan mengikut stail lama, kalau stail lama dia tidak akan dapat menyelesaikan masalah dalam waktu yang terdekat. Kalau sesuatu itu agaknya memakan masa daripada satu rancangan ke satu rancangan .... saya tadi bercakap 15, rancangan yang ke-15, sekarang lapan, tujuh, tujuh kali lima jadi 35 tahun, sudah mati semua pejuang ini, kecuali saya sahajalah yang masih hidup, yang lain sudah tidak ada lagi. *[Ketawa]* Sampai bila, dan ini akan melangkau sasaran negara sebagai negara maju pada tahun 2020. Apa yang akan berlaku kepada sasaran Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita, seorang negarawan yang begitu hebat, hendakkan negara maju 2020 tetapi pelaksanaan, perancangan jauh berbeza – tak usah 2020 mungkin 20200 pun tidak akan dapat selesai.

So, mari kita insafi ini, kita berkuasa di sini, kita kena gunakan kuasa untuk menentukan. Ini kadang-kadang Kementerian Kewangan takut dengan perbelanjaan defisit. Apa takut? Hutanglah, keluarkan bon, hutang luar negara, negara ini tidak ada geran yang kita takut kena lelong, tak ada satu negara pun yang berhutang yang akan dijajah oleh orang lain kerana berhutang, tidak ada. Hutanglah untuk menyelesaikan masalah pembangunan. Kalau kita tidak berani, Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, tidak akan ada perubahan. Keberanian, kuasa yang ada keberanian sahaja yang akan dapat menyelesaikan masalah rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, Sabah dan Sarawak 50 tahun ke belakang, saya ingat tiaklah sampai 50 tahun kebelakangan, mungkin 10 tahun ataupun kurang daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bekalan elektrik luar bandar, ia ada tabung, tabung ini dikawal oleh TNB dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan peruntukan boleh diambil daripada tabung ini. Jadi, kalau misalnya telah selesai, telah habis peruntukan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak, boleh kita minta kepada tabung ini dan maknanya boleh ditambah lagi daripada tabung yang telah disediakan di bawah TNB bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bermaksud bahawa duit masih ada tetapi di Sabah dan Sarawak sana, mereka minta *electricity* tetapi tidak dibekalkan.

Jadi, kalau saya dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itulah maksudnya, ada duit tetapi tidak dapat dilaksanakan, itulah masalahnya, kalau ini adalah benar, jadi pelaksanaan itu menjadi masalah.

Yang kedua, saya ingin tahu berapa jumlah wang telah digunakan untuk lampu-lampu hiasan di bandar-bandar. Kalau kita tidak ada duit, jadi kita jimatkan duit untuk lampu hiasan untuk *electricity* di luar bandar. Jadi, yang mana kawasan DAP pun tidak mengapa, kawasan di Ketereh pun boleh, kalau kawasan di Sri Gading atau di Tuaran, di mana-mana. Jadi, apakah masalah dengan kerajaan ini, ada duit tidak boleh buat kerja ataupun memang tidak ada duit tetapi ada duit untuk lampu hiasan. Apakah masalahnya? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tentang berapa jumlah peruntukan yang digunakan untuk lampu hiasan ini saya tidak dapat memberikan *figure*nya sekarang. Bolehlah kita dapatkan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** [Bangun]

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bangun]



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sekejap saya hendak menjawab yang ini dahulu.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Berakah atau Keterah?

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya dahulu!

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Bera, okey kekandaku.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti saya jawab dahulu sedikit. Sedikit sahaja.

**Seorang Ahli:** Sudahlah Bukit Mertajam sudah habis, beri orang lain.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang tadi itu mengenai pelaksanaan, memanglah kalau kawasan jauh kosnya tinggi, hendak menyambungkan kabel itu jauh, memang kabel pula kalau di bawah pokok dia kena tanam di bawah tanah, kalau banyak kawasan yang ada pokok, kalau tidak tumbang pokok, bekalan elektrik akan putus. Jadi, ini melibatkan kos yang tinggi, sebab itu peruntukan diberi, tetapi kawasan-kawasan yang agak pedalaman, yang jauh digunakan *gen-set* seperti yang disebutkan tadi dan pelbagai kaedah yang lain termasuk solar dan sebagainya.

Jadi, kaedah yang kerajaan cuba, bukan kerajaan duduk diam dan tidak mencuba, kita cuba menyelesaikan masalah ini dengan pelbagai kaedah. Pelaksanaan memanglah kalau dalam bandar, kawasan-kawasan yang tidak jauh daripada bandar, memang cepatlah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut pasal tabung. Saya mungkin pertama kali dengar soal tabung ini. Jadi, berapa banyak peruntukan dalam tabung itu dan sehingga setakat ini berapa banyak yang telah digunakan dari segi tabung itu. Dari segi prosedurnya macam mana kita hendak minta ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya tidak berani hendak memberi angka yang tepat oleh kerana saya takut silap. Tetapi memang ada peruntukan yang saya sebutkan tadi, sebab ini pengalaman saya di negeri dahulu memang kita memohon daripada tabung ini untuk mengadakan bekalan elektrik di luar bandar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, itu saya tidak berani memberi perangkaan itulah. Walau bagaimanapun, pernah pengalaman saya di negeri dahulu setiap rumah telah diberi sebanyak RM25,000 peruntukan untuk menyambung bekalan elektrik di luar bandar, peruntukan purata, bermakna contohnya kalau di kampung itu ada katakan 50 buah rumah, maka kita boleh minta daripada tabung ini sebanyak 50 x RM25,000 bermakna berapa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu dan Ketereh.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Duit ini digunakan untuk menyambung bekalan elektrik termasuk *cabling* dan sebagainya, tidak termasuk *wiring* di rumah. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nampaknya pihak pembangkang ini memang dia tidak membuat kajian langsung ini. Lampu hiasan yang berada di bandar-bandar raya dan bandar-bandar besar ini, tidak ada kena mengena langsung dengan bekalan elektrik luar bandar. Bahkan sumber kewangan yang digunakan pun datangnya daripada poket Majlis-majlis Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan bukannya daripada Kumpulan Wang yang Disatukan. Begitu juga dengan bekalan elektrik di luar bandar ini Yang Berhormat, dia tidak ada kena mengena juga dengan bekalan elektrik dalam bandar.

Bekalan elektrik di luar bandar ini, kalau kita hendak ikutkan sistem pembahagian Tenaga Nasional Berhad, syarikat yang membekalkan tenaga di negara kita ini, dia mempunyai pelbagai punca. Punca ini datangnya daripada pencawang masuk utama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalan?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ini soalnya. [Ketawa] Pencawang masuk utama kepada pencawang pembahagian utama kemudian kepada pencawang elektrik yang dibekalkan, kalau di luar bandar ia menggunakan tiang-tiang dan juga pencawang-pencawang berupa *compact sub-station* dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat, saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kementerian jika kita mempunyai kumpulan wang untuk membekalkan bekalan elektrik di luar bandar, apakah perancangan kita untuk membekalkan bekalan elektrik di kampung-kampung di luar bandar ini mengikut *urgency and important* kepentingan dan kesegeraan yang diperlukan oleh pengguna-pengguna di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada kaedah, ada caranya. Kalau kita kenal pasti satu kampung yang perlukan bekalan elektrik, yang belum dapat lagi dan memerlukan bekalan elektrik, kita memohon melalui TNB. TNB akan membuat siasatan dengan membuatkan *estimate cost* dan TNB akan membuat permohonan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, apabila dipersetujui maka duit akan dikeluarkan untuk projek ini. Ini bermakna ia tidak memakan masa yang panjang. Dalam hal ini sebenarnya *consultant* telah pun dilantik mengikut zon, utara, tengah dan selatan sudah pun dilantik.

Jadi, kalau sekiranya ada keperluan bekalan elektrik luar bandar boleh kita merujuk kepada TNB dan TNB akan membuat siasatan. Kita buat *estimate* dan terus meminta permohonan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan dipersetujui, maka boleh dikeluarkan peruntukan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betapa *confuseny*a pihak pembangkang terutama Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, antara persepsi dan realiti, persepsinya contohnya '*shark eat man*' atau '*shark is man eater*' dengan izin. Jerung makan manusia, itu persepsi, realitinya '*man eat shark*', manusia makan jerung. Persepsinya seolah-olah pembangkang membela orang kampung, realitinya kita Barisan Nasional yang membela.

Sebab itu dalam menggunakan istilah pun Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah tersilap. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan pandangan saya bahawa yang dikatakan *decorative lamp*, lampu hiasan sebenarnya tidak wujud. Yang ada ialah lampu bandar, tiangnya mungkin *decorative* tiangnya, tetapi lampu adalah untuk mencerahkan bandar, supaya bandar kelihatan seperti

bandar. Kalau bandar atau bandar raya tidak kelihatan seperti bandar raya apa makna ianya bandar raya, itu bukan pembuangan, itu bukan persia-siaan, itu adalah menandakan bahawa ianya sebuah bandar. Macam kita menghias muka takkan kita hendak menghias punggung, muka tak hias, mesti dihias mukanya, sebab itu memberi gambaran kepada kita bahawa bandar mesti dibandarkan. Tetapi soal luar bandar seperti Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata adalah duit yang berbeza, tanda yang berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan membuat hujah ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Tidak, penjelasan, sama ada penjelasan ini dipersetujui atau tidak. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Penjelasan saya bersetuju. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagilah, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Beluran, tentang masyarakat bumiputera Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Sapi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Penjelasan lagi?

**Ir Edmund Chong Ket Wah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Di bawah tajuk elektrik. Di Batu Sapi termasuk Sandakan kerajaan ada memberi banyak duit untuk memberi kebaikan elektrik. *Generation electric* pun cukup tetapi selalu ada tergendala, tolonglah kalau boleh Setiausaha Parlimen boleh memberitahu apa sebab-sebabnya kerana setiap hari dua tiga kali tergendala. Kami mendapat banyak kompelin, Yang Berhormat dari Parti Bebas pun ada di sini orang Sandakan juga, mungkin dia sokong saya juga dan hal ini tolonglah diselesaikan, kalau tidak bila datang pilihan raya lagi kami susah. Kalau boleh tolong beritahu adakah *consultant* atau tidak membuat perkara itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara yang spesifik. Eloklah saya akan membawa perkara ini kepada perhatian TNB tentang masalah *break down* yang berlaku di kawasan berkenaan. Mungkin kalau Yang Berhormat bagi Batu Sapi menjemput saya bolehlah saya melawat ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peningkatan pemilikan ekuiti serta penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam perniagaan dan perindustrian, kerajaan sememangnya sedar akan tahap penyertaan mereka. Bagi meningkatkan

penyertaan dan pemilikan golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak, kerajaan khususnya melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil langkah-langkah khusus untuk meningkatkan penyertaan golongan tersebut dalam ekonomi negara.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti menggiatkan pelaksanaan pelbagai program termasuk Program *Anchor* dalam industri perabot dan industri berasaskan petroleum, kelapa sawit dan lada hitam di Sarawak dan program-program pembangunan vendor di Sabah. Di samping pelaksanaan Skim Saham Amanah, pelaksanaan program-program pembiayaan usahawan terutamanya usahawan kecil juga dipergiatkan melalui Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), TEKUN, Skim Bangunan Perniagaan MARA dan sebagainya.

Di samping itu, Jawatankuasa Penyelarasan Program Keusahawanan ditubuhkan di negeri Sabah dan Sarawak untuk menggiatkan, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program keusahawanan di kedua-dua negara tersebut. Melalui mekanisme ini, saya berharap akan dapat meningkat dan menarik penyertaan lebih besar masyarakat bumiputera dan kaum minoriti di Sabah dan di Sarawak dalam bidang perdagangan dan bidang industri serta penyertaan mereka dalam skim-skim saham amanah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mahu bertanya satu sahaja. Tadi Yang Berhormat menyatakan di Sabah ada program vendor. Mana satu ini, saya belum pernah mendengar ada program vendor di Sabah, cuba beri contoh ini *the furniture*, sila beri contoh kalau ada.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini Program Anchor di Sabah ini yang saya sebut di dalam industri perabot, industri berasaskan petroleum, kelapa sawit dan lada hitam. Vendor di Sabah, *you are talking about Sabah?* Saya perlu notis dahulu Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini. Maklumat ini akan saya sampaikan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ini serius kalau tidak ada jangan sebut. Sebab kita memang ya, ini program vendor, saya ingat setakat ini di Sabah tidak ada vendor..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ini disebut tadi, nanti dia cantik, dia bagus, tetapi ini benda tidak wujud. Jadi, jangan sebut kalau tidak wujud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagikah jawapan?

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** Jawapan saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada memang saya sebut ada, cuma *detail* tidak ada di sinilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak tahu, jawapan banyak lagikah, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Esok boleh sambung.

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Esok boleh sambung.

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** Esok, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab kita ada Usul Penangguhan. Saya minta Menteri mencadangkan.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16 (3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### **PENGANGGURAN SISWAZAH – PENAWARAN YANG TAK MENEPATI KEPERLUAN KNOWLEDGE-BASED ECONOMY**

**5.31 ptg.**

**Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, Pengangguran Siswazah – Penawaran Yang Tak Menepati Keperluan “KBE” (Knowledge-Based Economy).

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Razali bin Ismail:** Ekonomi Yang Berasaskan Pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan seramai 40,400 orang siswazah menganggur mengikut MTEN, November 2001. Sebagai satu petunjuk, seramai 65,700 orang siswazah yang memohon untuk Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sekarang untukambilan Januari 2005. Kebanyakan siswazah yang menawarkan diri untuk pekerjaan dikesan tidak mengambil bidang yang kompetitif dari segi keperluan pasaran semasa, dari segi pasaran tempatan, sementelahan untuk menceburi pasaran global.

Apakah tindakan dan strategi Kementerian Pengajian Tinggi khususnya, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Belia dan Sukan amnya untuk menangani isu pengangguran siswazah yang dikaitkan dengan faktor tidak serasi, dengan izin, *mismatch*, di antara penawaran dengan tenaga kerja diperlukan dalam persekitaran KBE.

RRJP-3 (2001-2010) memperakukan bahawa Pembangunan Sumber Manusia hendaklah berfokuskan kepada *k-worker* dalam persekitaran ekonomi dan sosial yang berasaskan KBE sebagai persediaan negara menghadapi cabaran semasa era globalisasi.

Ciri-ciri pekerja berpengetahuan seperti yang digariskan dalam RRJP3 adalah seperti berikut:

- (i) berpengetahuan luas dan mendalam;
- (ii) berkemahiran berfikir peringkat tinggi;
- (iii) kaya dengan bakat, kebolehan dan daya cipta;
- (iv) mobiliti, daya suai dan daya tahan yang tinggi;

- (v) berkemampuan menggunakan teknologi secara optimum;
- (vi) menggabungkan inovasi dan daya cipta secara berkesan;
- (vii) mencipta, menyesuaikan dan menyebarkan pengetahuan baru;
- (vii) ilmu pengetahuan diperolehi, disebar, ditafsir dan diguna pakai;
- (ix) berkecayaan akademik dan teknikal yang tinggi;
- (x) mempunyai kepelbagaian kemahiran;
- (xi) berpengetahuan menggunakan ICT; dan
- (xii) mengamalkan nilai dan etika kerja yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri di atas menggambarkan ciri bersepadu *humanism* dan *utilitarianism*. Untuk tujuan *survival* dalam era KBE, siswazah kita hendaklah bercirikan siswazah *plus plus*, yakni berkepakaran khusus, dengan izin, *capable specialist* dan daya suai dalam bidang umum, '*capable*' *generalist*. Persoalannya, satu analisis jurang perlu dilakukan di antara hasrat yang hendak dicapai di bawah RRJP3 dengan realiti semasa, dengan lain perkataan, sejauh manakah kualiti dan kuantiti siswazah yang dihasilkan oleh semua IPTA dan IPTS seramai lebih kurang 60 ribu orang setahun itu selari dengan kualiti dan kuantiti yang diharapkan seperti yang dinyatakan dalam ciri-ciri di atas. Jurang yang dikenal pasti adalah sebenarnya isu kepada pengangguran siswazah.

Sejauh manakah kesepaduan antara program pendidikan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi dengan program latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Belia dan Sukan serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah dilaksanakan seperti yang dihasratkan di bawah RRJP3. Kesemua kementerian ini dan agensi di atas perlu melaksanakan konsep perkongsian pintar dan mengoptimumkan sumber untuk menghadapi cabaran melaksanakan dasar dalam RRJP3.

Dalam konteks KBE dan dunia global yang secara berkesan telah menjumudkan faktor jarak dan ruang, siswazah yang kita hasilkan sepatutnya bukan sahaja boleh membekalkan keperluan tenaga kerja dalam sempadan local, malah merentasi sempadan, mampu menawarkan kepakaran dan perkhidmatan di dunia antarabangsa. Siswazah kita sepatutnya mempunyai kerangka minda global dan secara berkesan laku di pasaran sebagai pemain global.

*Policy Recommendations.* Saya ingin mengemukakan 10 cadangan di sini:



- (i) melaksanakan secara serius program sekolah, universiti ke kerjaya;
- (ii) merealisasikan matlamat nisbah 60:40 (sains:sastera) dalam konteks yang bersepadu;
- (iii) mempertingkatkan program pendidikan MPV (mata pelajaran vokasional) dan latihan berasaskan industri untuk pelajar *kohort* 17-23 tahun;
- (iv) memastikan semua IPTA dan IPTS mendapat *ranking* pendidikan antarabangsa yang tinggi dalam melaksanakan Program Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi di samping secara berkesan mengadakan penendarasan dengan mengadakan kerjasama ILO (International Labor Organization);
- (v) mewujudkan pusat maklumat siswazah di semua IPTA dan IPTS dan dengan aktif membuat aktiviti-aktiviti R&D mengesan siswazah secara berkala;
- (vi) bekerjasama di antara institusi latihan teknikal awam/swasta dengan sektor industri yang menjadi pengguna sumber terlatih industri yang merupakan penaja dan pihak swasta merundingkan kandungan kurikulum yang sesuai bagi pelajar tajaan mereka;
- (vii) melaksanakan program penempatan guru siswazah sehingga 50% pada tahun 2010 di semua sekolah rendah. Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan murid sejak sekolah rendah dan prasekolah lagi bagi menjamin pekerja berpengetahuan;
- (viii) kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS hendaklah berasaskan analisis keperluan tenaga kerja dalam semua sektor pekerjaan di negara ini, bukan hanya berdasarkan kepada keupayaan tenaga akademik di sesebuah IPTA dan IPTS;
- (ix) mengadakan peranjakan yang tegas daripada menyediakan pekerja untuk sektor awam atau swasta kepada sektor keusahawanan, pertanian, perlombongan dan lain-lain – *blue collar job focus*; dan

- (x) senantiasa prihatin dengan dasar untuk mengeluarkan siswazah yang disebut tadi sebagai berkeupayaan khusus, dengan izin, *capable specialist* dan berdaya saing dalam konteks umum, yakni '*copable*', berdaya suai dalam konteks umum, yakni *copable generalist*, dengan izin, kompeten dalam bahasa kedua, mahir ICT, cerdas interpersonal, berwatak, bermotivasi, kreatif, berupaya dan berdaya saing. Kurikulum dan aktiviti kokurikulum hal ehwal pelajar IPTA dan IPTS hendaklah berorientasikan citra jagat global. Mengasuh, membina dan memugar potensi pelajar masing-masing untuk menjadi pemain global dalam usaha kita beranjak ke hadapan dalam agenda *the way forward*.

Terima kasih.

### **5.37 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu atas Ucapan Penangguhan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi sedar tentang isu pengangguran di kalangan graduan tempatan akhir-akhir ini yang mendapat perhatian masyarakat umum.

Tinjauan pasaran buruh menunjukkan bahawa graduan yang sukar untuk mendapat pekerjaan ini disebabkan oleh kerana kurangnya kemahiran mereka berkomunikasi, khususnya dalam bahasa Inggeris, kurangnya pengetahuan mereka dalam isu-isu domestik dan global terkini, kurang keyakinan diri, sifat kepimpinan yang lemah dan kurangnya pendedahan kepada industri.

Selain itu, sikap sebahagian graduan yang terlalu memilih kerja juga menyumbang kepada faktor pengangguran. Ada di kalangan graduan yang hanya mahu menerima pekerjaan yang berkaitan dengan bidang kelulusan mereka sahaja dan ada juga yang hanya mahu menerima pekerjaan yang lebih terjamin, walaupun pendapatannya rendah berbanding dengan kerja yang bersifat sambilan atau bermusim walaupun gaji yang ditawarkan jauh lebih lumayan.

Ini ada kaitannya dengan isu permohonan untuk mengikuti Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pemohon-pemohon ke KPLI tersebut sebenarnya terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ada yang memang belum mendapat pekerjaan tetap dan juga ada yang telah pun mempunyai pekerjaan tetapi tidak begitu selesa kerana bukan bidang mereka dan ada yang telah berkhidmat dengan sektor swasta, tetapi ingin beralih arah untuk berkhidmat di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kualiti graduan, usaha sentiasa dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui institusi pengajian tinggi baik awam mahupun swasta supaya perkara ini diberikan penekanan dan keutamaan. Graduan yang dihasilkan perlulah berkualiti tinggi dan mampu memenuhi kehendak pasaran dan industri. Kementerian ini amat mengalu-alukan sepuluh saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat, yang mana sebahagian daripadanya telah pun dilaksanakan dan sebahagian lagi memang dalam perancangan kementerian kami.

Bagi menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan berkualiti tinggi serta, dengan izin, *marketable*, di samping memiliki siasah diri yang cemerlang, kementerian ini akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Program Dwi Pengkhususan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus bukan profesional atau kursus sains sosial;
- (ii) memperkemaskan lagi Program *Work Attachment* pelajar-pelajar dengan agensi kerajaan dan swasta;
- (iii) membuat kajian pasaran yang mendalam untuk menganalisis keperluan industri dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyediaan kurikulum agar selari dengan kehendak industri;
- (iv) menggalakkan sistem pembelajaran yang tidak *rigid* di mana pelajar-pelajar diberi peluang meneroka perkara baru dan menyelesaikan sesuatu permasalahan mengikut kreativiti masing-masing;
- (v) memantapkan lagi peranan unit hal-ehwal pelajar ataupun HEP di IPTA khususnya agar dapat membantu untuk sahsiah yang tinggi di kalangan pelajar serta mampu membimbing pelajar ke arah pemilihan bidang dan mencorak arah tuju kerjaya mereka kelak melalui khidmat kaunseling yang bersepadu;

- (vi) mendedahkan pelajar kepada aspek pengurusan dan membimbing mereka supaya mampu berdikari dengan mewujudkan pekerjaan sendiri iaitu, dengan izin, *self-employed* yang tidak hanya bergantung kepada peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan;
- (vii) menerapkan budaya pendidikan sepanjang hayat.

Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan kualiti pendidikan tinggi taraf dunia, taraf global kementerian ini bercadang untuk mengadakan *rating* di kalangan fakulti-fakulti di institusi pengajian tinggi awam selari dengan hasrat kita untuk menonjolkan '*niche*', dengan izin, sebuah universiti tersebut. Bagi mencapai hasrat ini, kualiti program dan tenaga pengajar amat dititikberatkan di samping kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran yang baik perlu disediakan.

Kementerian ini juga bercadang untuk mendapat khidmat kepakaran daripada tenaga-tenaga pengajar dari luar negara dalam bidang-bidang tertentu untuk ditempatkan di IPTA-IPTA. Di samping itu, dialog dengan IPTA-IPTS dan pihak industri secara berkala akan diadakan bagi mendapatkan input dan pandangan berhubung isu-isu kualiti pendidikan tinggi dan kualiti graduan dan menilai kembali keberkesanan program-program yang telah dijalankan. Pada masa yang sama, IPTA dan IPTS diminta untuk mengadakan *freshers study* bagi membolehkan kementerian ini mendapatkan gambaran yang sebenar status graduan yang sudah atau masih belum bekerja setelah mereka bergraduan.

Bagi memastikan negara mampu bersaing dalam era globalisasi dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi ICT masa kini, sumber manusia yang dihasilkan mestilah berpengetahuan, berkemahiran dan sentiasa peka kepada perkembangan semasa. Ini barulah boleh dikatakan, dengan izin, *knowledge-based worker* atau *k-worker*.

Bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir dan mampu memenuhi pasaran permintaan pasaran, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada sektor Pendidikan dan Latihan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional peruntukan sebanyak RM2.23 bilion disediakan manakala sebanyak RM5.19 bilion diperuntukkan bagi Program Latihan Kemahiran meliputi bidang industri, perniagaan dan pengurusan.

Penubuhan Kolej Universiti, Politeknik dan juga Kolej Komuniti merupa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang *hands-on* dan berorientasikan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Pemegang sijil kemahiran daripada Kolej Komuniti sebagai contoh boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma di Politeknik dan seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di Kolej Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berhubung dengan kesepaduan antara program pendidikan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan program latihan dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Belia dan Sukan serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sentiasa dipertingkatkan semasa ke semasa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Adham Baba:** Baik, Tuan Yang di-Pertua, hendak habis. Prinsip perkongsian pintar dilaksanakan melalui kesinambungan penyebaran ilmu ke peringkat sekolah dan IPT, manakala program latihan yang memberikan penekanan kepada *soft skill* dikendalikan oleh agensi lain seperti Kementerian Sumber Manusia. Kementerian ini yakin kerjasama dan penglibatan oleh semua pihak untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi akan membantu meningkatkan kadar penglibatan tenaga kerja negara.

Kementerian ini juga sentiasa mengalu-alukan pandangan yang konstruktif bagi memastikan kualiti pendidikan negara sentiasa terus cemerlang. Terima kasih.

## ISU-ISU BERKAITAN SEKOLAH TAMIL

**5.46 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Isu-isu berkaitan dengan Sekolah Tamil

—

(1) Skim Pinjaman Buku Bantuan -

Kriteria melayakkan murid-murid sekolah kebangsaan untuk bantuan ini adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan sekolah jenis kebangsaan.

Di sekolah kebangsaan murid-murid dari keluarga yang berpendapatan sehingga RM2,000 adalah layak, tetapi bantuan ini dihadkan pada tahap pendapatan RM1,000 bagi sekolah jenis kebangsaan. Kenapa diskriminasi macam ini berlaku? Oleh itu satu perubahan dalam polisi diperlukan kerana:-

- (i) ibu bapa miskin tidak boleh dihukum kerana memilih sekolah jenis kebangsaan;
- (ii) negara-negara maju dan pertubuhan-pertubuhan bertaraf antarabangsa seperti UNESCO juga memberi pengiktirafan dan kepentingan kepada bahasa ibunda. Di negara kita pula kepentingan tidak diberi dengan secukupnya. Pengamalan diskriminasi ini adalah bertentangan dengan Perkara 12 (1) (6) Perlembagaan;

(2) Makmal Komputer Di Sekolah Tamil –

Banyak makmal komputer di sekolah-sekolah Tamil bantuan penuh belum disiapkan lagi. Bagi sekolah-sekolah Tamil bantuan modal pula, makmal-makmal komputer tidak dibina langsung kerana kekurangan bantuan dana swasta. Bilakah kerajaan akan menyelesaikan masalah ini;

(3) Mengajar Matematik Dan Sains Dalam Bahasa Inggeris -.

Sejak awal 2003 Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Inggeris. Terdapat bukti kukuh yang menunjukkan murid-murid di sekolah-sekolah Tamil tidak dapat memahami apa yang diajar. Guru-guru pula terpaksa mengajar dalam bahasa Tamil seperti sebelum polisi baru diamalkan. Buku-buku teks tambahan dalam bahasa Tamil tidak disediakan. Bahasa Inggeris hanya diajar untuk dua waktu sedangkan Matematik diajar untuk tujuh waktu dan Sains pula untuk tiga waktu. Apakah Kementerian Pelajaran akan menyemak semula polisi ini;

(4) Skim Baucar Tuisyen Sebanyak RM200 -

Di sekolah-sekolah Tamil murid-murid miskin yang lemah di antara tahun empat dan enam diberi baucar untuk belajar Bahasa Malaysia, Inggeris, Matematik dan Sains. Kenapa baucar ini tidak diberi untuk belajar Bahasa Tamil;

(5) Pertukaran Lokasi Sekolah -

Oleh kerana ramai orang India telah berpindah dari kawasan perladangan ke bandar, terdapat banyak sekolah Tamil yang mengalami kekurangan murid. Sekolah-sekolah Tamil di bandar pula menampung terlalu ramai murid. Kementerian Pelajaran harus mempermudah prosedur penukaran lokasi sekolah apabila diperlukan.

Dalam keadaan di atas, perkara-perkara yang berbangkit adalah seperti berikut:-

- (i) berapakah jumlah guru dan guru tidak terlatih di sekolah-sekolah Tamil, apakah langkah-langkah Kementerian Pelajaran untuk melatih guru-guru yang tidak terlatih?
- (ii) apakah tindakan Kementerian Pelajaran untuk menangani masalah murid-murid lembap di sekolah-sekolah Tamil?
- (iii) apakah tindakan Kementerian Pelajaran berkaitan dengan murid-murid khas 'dyslexia', 'ADD' dan sebagainya di sekolah-sekolah Tamil? Apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti murid-murid yang mengalami ketidakupayaan ini?
- (iv) adakah Kementerian Pelajaran menjalankan latihan-latihan tertentu khas bagi guru-guru besar baru di sekolah Tamil.

**5.48 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Dewi]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kerana keprihatinan beliau terhadap dunia pendidikan khususnya yang berkaitan dengan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Bagaimanapun, saya ingin menjelaskan dalam sistem pendidikan kebangsaan telah menetapkan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah bahasa penghantar utama di semua peringkat persekolahan dan matlamat Pendidikan Kebangsaan bertujuan memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Saya ingin menjelaskan bahawa terdapat dua jenis sekolah yang menerima bantuan kerajaan, iaitu sekolah kerajaan atau bantuan penuh dan sekolah bantuan kerajaan atau bantuan modal. Dalam hal ini di bawah kategori sekolah kerajaan terdapat SK, SJKC dan SJKT. Begitu juga sekolah bantuan kerajaan terdapat SK Mission, SJKC, SJKT dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Oleh yang demikian, bukan semua SJKC dan SJKT adalah sekolah bantuan kerajaan dan bukan semua sekolah SK iaitu Sekolah-sekolah Mission adalah sekolah kerajaan.

Dari segi bantuan, semua sekolah kerajaan akan menerima bantuan sepenuhnya sama ada SK, SJKC dan SKJT. Manakala sekolah bantuan kerajaan atau sekolah bantuan modal juga menerima bantuan seperti mana sekolah-sekolah kerajaan, melainkan dari segi pembangunan dan permohonan hendaklah dibuat kepada Kementerian Pelajaran.

Perlu dijelaskan juga dalam soal memberikan bantuan seperti membaik pulih, pengiktirafan mahu pun penempatan semula, kementerian tidak hanya menerima permohonan daripada SJKT sahaja tetapi juga dari semua jenis sekolah sama ada SK, SJKC, SJKT, SK Mission dan Sekolah Agama Rakyat.

Dalam hal ini Kementerian Pelajaran mempertimbangkan bantuan berdasarkan keutamaan dan juga memberi perhatian kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang sedia ada bagi semua aliran sekolah rendah adalah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Bantuan SPBT diberi kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat seperti yang telah dipersetujui oleh Kabinet dan syarat-syarat kelayakan SPBT sekolah rendah adalah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Berdasarkan syarat kelayakan tersebut, semua ibu bapa atau penjaga di SK tanpa mengira kaum atau agama adalah layak untuk menikmati syarat yang diperuntukkan bagi sekolah aliran kebangsaan iaitu jika pendapatan mereka RM2,000 dan ke bawah, semua anak layak mendapat Skim Pinjaman Buku Teks. Dengan ini pemberian bantuan SPBT adalah mengikut aliran sekolah dan bukannya mengikut agama, kaum atau bahasa yang digunakan.

Kelebihan had pendapatan yang terdapat pada SK adalah disebabkan SK sebagai sekolah aliran perdana dan sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan ibu



bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran kebangsaan. Ia juga bertujuan sebagai langkah kerajaan untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Kebangsaan di kalangan rakyat dan sebagai alat perpaduan antara kaum.

Namun begitu, tiada larangan atau sekatan terhadap ibu bapa dalam menentukan sekolah anak-anak sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai bukti kita tidak menghalang kewujudan sekolah-sekolah vernakular yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara malahan juga pelajar-pelajar dibenarkan mempelajari bahasa ibunda melalui kelas-kelas POL sekiranya mendapat permohonan sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa seperti termaktub dalam Akta Pendidikan 96.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu makmal komputer di SJKT, jumlah sekolah-sekolah Tamil bantuan penuh yang dirancang untuk membina makmal komputer di bawah projek pengkomputeran bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan adalah sebanyak 187 buah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 62 telah beroperasi dan baki 125 lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka dapat disiapkan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2004.

Projek pengkomputeran di SJKT dijalankan secara berperingkat di mana pelaksanaan di sekolah-sekolah bantuan modal akan dibuat selepas projek di sekolah-sekolah bantuan penuh selesai dilaksanakan dan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi. Bagi sekolah yang tidak dibina makmal komputer, kerajaan tetap membekalkan peralatan komputer termasuklah juga untuk sekolah-sekolah kurang murid.

Berhubung dengan isu PPSMI Kementerian Pelajaran telah menjalankan kajian tahap kefahaman murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di bawah Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Memang tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kelemahan di peringkat awal terutama di sekolah-sekolah luar bandar dari segi penguasaan murid berbanding dengan murid di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mengambil beberapa langkah, antaranya meningkatkan pengajaran dan pelajaran di bilik darjah dengan mengoptimumkan penggunaan teaching courseware, dengan izin, dan bahan-bahan sokongan.

Penerbitan buku tambahan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Malaysia tidak dilakukan kerana tiada peperiksaan yang dibuat menggunakan

bahasa tersebut. Penerbitan buku tambahan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Tamil juga tidak ekonomik kerana bilangan murid yang terlibat tidak begitu ramai. Tetapi Kementerian Pelajaran tiada halangan sekiranya ada pihak yang ingin menerbitkan buku tambahan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Tamil.

Dasar pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen (SBT) adalah untuk memberi peluang bimbingan tambahan atau kelas tuisyen secara berstruktur dan terancang kepada murid-murid miskin dan lemah dalam mata-mata pelajaran kritikal iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Matematik dan Sains supaya murid-murid tersebut boleh dibantu untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran berkenaan. Oleh yang demikian, mata pelajaran yang lain seperti Agama Islam, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan lain-lain tidak diliputi di bawah skim ini. Tambahan pula, keempat-empat mata pelajaran yang diliputi dalam pelaksanaan SBT adalah mata pelajaran yang dipelajari semua murid-murid di peringkat rendah.

Kementerian juga menggalakkan penglibatan masyarakat seperti PIBG, Lembaga Pengelola dan pihak-pihak lain untuk mengadakan program tuisyen kepada murid-murid selain daripada yang diliputi oleh SBT.

Kementerian Pelajaran sentiasa memantau dan mengambil langkah berterusan bagi mengatasi masalah SJKT yang mengalami kekurangan murid akibat penutupan kawasan perladangan. Dalam hal ini kementerian secara *case by case*, dengan izin, boleh mempertimbangkan perpindahan ke tapak baru jika pihak sekolah mempunyai alasan yang munasabah untuk berpindah ke lokasi baru.

Dari segi kekurangan guru sekolah Tamil, untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, jumlah guru di SJKT adalah seramai 6,650 orang dan daripada jumlah itu seramai 748 orang adalah guru tidak terlatih. Antara langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi kekurangan guru terlatih di SJKT ialah:-

- (i) nombor satu melaksanakan program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah, mode latihan perguruan berasaskan sekolah dan untuk bidang pengajian Tamil, pengambilan pertama pada 5 Julai tahun ini telah diperuntukkan sebanyak 400 tempat.
- (ii) Nombor dua menawarkan kursus persediaan sarjana muda pendidikan danambilan pertama pada Julai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kena gulung ya.

**Puan Komala Devi:** .....2004 memperuntukkan 40 tempat dan lain-lain kursus adalah Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sepenuh Masa dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia.

Untuk mengatasi masalah murid-murid lembap sekolah Gred A dan B telah dibekalkan guru pemulihan secara *over* dan *above* untuk menjalankan kelas pemulihan dan aktiviti ini juga dijalankan di sekolah kurang murid.

Dari segi Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran telah memulakan program bagi murid bermasalah secara rintis untuk masalah '*dyslexia*' di SK Taman Tun Dr. Ismail (2) Kuala Lumpur dan program ini akan diperluas ke 30 buah sekolah rendah seluruh Malaysia dan ia akan diperluaskan lagi. Setakat ini kementerian belum lagi menerima permohonan rasmi untuk membuka program seperti ini di sekolah Tamil tetapi sekiranya ada cadangan saya rasa permohonan ini dapat dipertimbangkan. Latihan untuk Guru-guru Besar sekolah Tamil dijalankan dari masa ke semasa dan setakat ini ramai yang telah menerima latihan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dijelaskan bahawa Kementerian Pelajaran tidak langsung berniat untuk meminggirkan sekolah Tamil seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Kementerian sentiasa memberi perhatian agar semua pelajar baik dari sekolah kebangsaan mahupun dari sekolah jenis kebangsaan dapat menikmati segala kemudahan yang disediakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan mesyuarat kita untuk hari ini. Dengan ini Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.***